

Jilid I  
Bil. 61



Hari Rabu  
3hb Ogos, 1983

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 8789]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) [Ruangan 8852]**

**Rang Undang-undang Profession Undang-undang (Pindaan) [Ruangan 8917]**

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Pengharaman Parti-parti Politik Perkauman [Ruangan 8926]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,  
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO'  
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.K.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M.,  
A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH  
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,  
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,  
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan)

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,  
P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S.,  
J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI  
BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S. A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK, (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TEMBAKAU, (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).

- Yang Berhormat **TUAN GOOI HOCK SENG** (Bukit Bendera).
- „ **TUAN V. GOVINDARAJ**, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ **DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH**, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ **TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED**, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ **TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG**, J.P. (Labuk Sugut).
- „ **DATO' DR HEE TIEN LAI**, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ **TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN** (Kuala Nerus).
- „ **TUAN ISMAIL BIN ARSHAD**, A.M.K. (Jerai).
- „ **TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID**, A.M.N. (Kemaman).
- „ **DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI**, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ **TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT** (Ulu Rajang).
- „ **DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA**, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ **TUAN KAN YAU FA** (Tawau).
- „ **TUAN KARPAL SINGH** (Jelutong).
- „ **TUAN KHADRI BIN SABRAN** (Tenggaroh).
- „ **TUAN MARK KODING** (Kinabalu).
- „ **DR KOH TSU KOON** (Tanjong).
- „ **DATO LEE BOON PENG**, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ **TUAN LEE LAM THYE** (Kuala Lumpur Bandar).
- „ **DATO LEE SAN CHOON**, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).
- „ **DR LEO MICHAEL TOYAD** (Mukah).
- „ **DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH**, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ **DATO' LEW SIP HON**, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ **TUAN LIM KIT SIANG** (Kota Melaka).
- „ **TUAN LIM LIANG SENG**, P.P.T. (Kinta).
- „ **TUAN LING SIE MING** (Sibu).
- „ **TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN**, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ **TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB** (Hilir Perak).
- „ **DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI**, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ **TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD**, A.M.N. (Pekan).
- „ **TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID**, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ **DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM**, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

- Yang Berhormat **TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).**
- „ **TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).**
- „ **TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).**
- „ **TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).**
- „ **TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).**
- „ **TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).**
- „ **DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).**
- „ **DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).**
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).**
- „ **TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).**
- „ **TUAN HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).**
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).**
- „ **TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).**
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (1'anjong Karang).**

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Rabu, 3hb Ogos, 1983**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****BANK ISLAM—PENUBUHAN**

**1. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penubuhan Bank Islam telah mendapat sambutan yang begitu baik oleh seluruh rakyat negara ini. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan cawangan-cawangan Bank Islam di seluruh negara. Jika ya, adakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan cawangan-cawangan di bandar-bandar seperti Ipoh, Taiping dan Telok Intan.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya memang sedar bahawa penubuhan cawangan Bank Islam yang pertama di Kuala Lumpur baru-baru ini telah mendapat sambutan dan sokongan yang menggalakkan dari orang ramai. Kerajaan sememangnya mempunyai keyakinan terhadap penubuhan Bank Islam itu yang akan mendapat sokongan dan sambutan yang penuh dari semua pihak.

Bank Islam mempunyai rancangannya sendiri untuk membuka cawangan-cawangan di merata tempat di seluruh negara. Pada tahun pertama penubuhannya, selain daripada cawangan yang telah dibuka di Kuala Lumpur, Bank Islam juga bercadang akan membuka cawangan-cawangan di Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Alor Setar. Pada tahun-tahun berikutnya usaha pembukaan cawangan akan dipergiatkan lagi supaya Bank ini mempunyai sekurangnya satu cawangan dalam tiap-tiap negeri dalam tempoh tiga tahun dari tarikh penubuhannya. Besar kemungkinan semua cawangan-cawangan yang akan dibuka dalam tempoh itu akan ditempatkan di Ibu-ibu negeri. Selepas itu Bank Islam bercadang akan terus membuka cawangan-cawangannya pada kadar antara 5 hingga 6 cawangan setahun yang akan ditempatkan di pekan-pekan yang sederhana dan kecil.

Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedar, Bank Islam Malaysia Berhad baru sahaja memulakan urusniaganya pada 1hb Julai 1983 dan sebagai sebuah bank baru yang berasaskan sesuatu konsep baru, ia perlu berkembang dengan cara yang teratur. Terlebih dahulu, ia perlulah menentukan supaya urusannya serta sistem kawalannya di pejabat utamanya di Kuala Lumpur disempurnakan di atas suatu asas yang kukuh dan teguh sebelum mengambil langkah untuk melaksanakan rancangan penubuhan cawangan-cawangannya. Langkah sedemikian ialah untuk membolehkan bank

tersebut menjalankan urusannya dan kemudian memperluaskan khidmatnya dengan licin dan dalam keadaan yang kukuh.

**Tuan Ismail bin Said:** Soalan tambahan. Kalaulah Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mempunyai angka di sini, bolehkah Yang Berhormat Mulia memberitahu Dewan ini tentang jumlah setakat ini yang menjadi pelanggan dan yang menyimpan dengan Bank Islam. Yang kedua, tadi yang Berhormat Mulia telah menyebutkan bahawa Kuala Terengganu akan diwujudkan satu cawangan. Jadi bilakah beliau boleh memberitahu peranan yang diambil setakat ini.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang Dipertua, memanglah sebagaimana saya nyatakan tadi, sudahpun menjadi hasrat Bank Islam Malaysia Berhad untuk hendak menubuhkan cawangan-cawangan di tempat-tempat yang difikir sesuai dan menasabah mengikut keupayaan, kemampuan yang ada padanya pada hari ini. Rancangan untuk menubuhkan cawangan di Kuala Terengganu itu sedang disusun oleh pihak pengurusan Bank dan terikh untuk menentukan penubuhan cawangan itu akan dimaklumkan di satu hari yang sesuai kelak.

Mengenai akaun-akaun yang telah dibuka sehingga 31hb Julai, 1983 ini, Akaun Semasa berjumlah 885 dengan jumlah simpanan bernilai \$2,453,857.15. Akaun Simpanan berjumlah 6,203; jumlah simpanan ialah \$2,116,429.68. Akaun Pelaburan jumlahnya ialah 565 dan jumlah wang yang dilabur dalam Akaun Pelaburan ini bernilai \$12,845,192.42.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri sama ada benar dan kalau benar sejauh mana, ada anasir-anasir

yang menentang Bank Islam dengan menjalankan kempen-kempen anti-Bank Islam.

Yang kedua, Tuan Yang Dipertua, memandangkan kita pada masa ini sudah ada satu konsep Bank Islam untuk orang-orang Islam dan untuk negara, adakah Kerajaan bercadang hendak memikirkan untuk mengubah konsep perjalanan bank-bank yang dimiliki oleh Kerajaan dan disertai oleh Kerajaan untuk mengikut konsep Bank Islam.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang Dipertua, memang benar ada pihak-pihak tertentu menjalankan kempen jahat untuk hendak memburukan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan kita. Sememangnya ini adalah timbul daripada perasaan dengki dan perasaan kehampaan di kalangan mereka itu sendiri kerana gagal hendak mengadakan suatu projek seperti yang dilalukan oleh Kerajaan kita.

Golongan ini sentiasalah akan menabur fitnah dan akan melakukan apa sahaja untuk hendak mencemarkan nama baik Kerajaan kita. Walau bagaimanapun, rakyat umumnya memahami tentang tujuan ikhlas Kerajaan, tentang kehendak rakyat dan dipercayai bahawa bank yang ditubuh ini akan mendapat sambutan yang lebih kuat lagi daripada seluruh masyarakat kita dan saya percaya kalaulah semua umat Islam dan bukan Islam sokong dengan kuatnya Bank Islam yang baru ditubuh itu, saya percaya ianya akan menjadi sebuah bank yang kukuh, sebuah bank yang akan berkembang maju dapat memainkan peranan yang berkesan dalam pembangunan tanahair kita.

Kerajaan tidak ada cadangan hendak mengubah sistem banking yang berjalan pada masa ini kepada konsep baru seperti yang diperkenalkan dengan penubuhan Bank Islam ini kerana Kerajaan berpendapat bahawa biarlah kedua-dua

sistem itu berjalan selari dan sudah tentu kalaulah dapat kita membuktikan dengan kesungguhan usaha kita dalam bank itu bahawa bank ini adalah lebih menguntungkan dan lebih berfaedah kepada pelanggan-pelanggannya nescaya bank-bank lain juga akan turut untuk mengubah cara-cara mereka bertindak. Kita berharap cara inilah yang lebih baik dan lebih teratur tanpa menggugat keadaan pasaran kewangan dan juga sistem yang ada pada masa ini.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop**

**Majlis:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Mulia Menteri semenjak dilancarkan Bank Islam telah mendapat sambutan bukan sahaja daripada orang Islam tetapi juga yang bukan Islam. Apakah ciri-ciri yang menjadi pertimbangan kepada pihak Kerajaan ataupun Kementerian untuk mendirikan cawangan-cawangan bank di kawasan-kawasan sama ada di negeri ataupun di kawasan-kawasan yang terdapat bandar-bandar yang kecil kerana sudah tentulah bank ini akan mendapat kepercayaan yang lebih daripada penduduk-penduduk yang beragama Islam. Jadi, saya hendak tahu adakah Kementerian ataupun Yang Berhormat Mulia sebagai Menteri mempertimbangkan untuk mendirikan bank ini di kawasan-kawasan yang banyak terdapat penganut-penganut ugama Islam.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:**

Tuan Yang Dipertua, sememangnya itu merupakan salah satu faktor yang diambil kira semasa membuat kajian tentang kemungkinan mengadakan cawangan-cawangan di luar daripada Kuala Lumpur ini dan kalaulah didapati bahawa berasaskan kajian kemungkinan itu cawangan bank yang akan ditubuh nanti akan dapat berkembang dengan maju dan akan mendapat sokongan yang kuat sama ada daripada rakyat setempat

ataupun mereka yang tinggal berhampiran dengan cawangan yang dicadangkan itu maka sudah tentu cawangan itu akan ditubuh.

**DASAR KOMUNIKASI NEGARA**

**2. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh manakah kejayaan dan hasil yang dicapai setakat ini dalam menggubalkan Dasar Komunikasi Negara sebagai satu falsafah ke arah penyatuan dan pembentukan keperibadian kebangsaan, agar keluhuran dasar tersebut dihormati dan peranan komunikasi tidak disalahgunakan selain daripada kepentingan negara.

**Menteri Penerangan (Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):**

Tuan Yang Dipertua, usaha untuk menggubal Dasar Komunikasi Negara adalah dalam proses pengumpulan maklumat serta mendapatkan pandangan mengenai isu-isu yang berhubung dengan bidang komunikasi. Bagi tujuan ini suatu jawatankuasa kecil Simposium yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan telah ditubuhkan untuk membuat persiapan bagi mengadakan satu simposium ke arah menggubal Dasar Komunikasi Negara. Simposium ini akan diadakan di Pusat Pembangunan Asia dan Pasifik pada 6hb hingga 9hb Ogos, 1983.

Selain daripada itu, beberapa seminar untuk membincangkan laporan Mc Bride iaitu satu Suruhanjaya UNESCO yang telah diadakan untuk mendapatkan bahan-bahan tambahan untuk dasar itu. Bahkan kita juga telah meminta seorang pakar UNESCO iaitu Dr Hamelink yang telah baru-baru ini mengemukakan satu laporan awalan sebagai panduan penggubalan dasar tersebut.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana pada masa sekarang tidak ada

perhatian yang sesuai dan wajar diberikan oleh media-massa komunikasi seperti radio, televisyen dan suratkhbar kebangsaan kepada masalah-masalah di negeri Sarawak dan Sabah, saya ingin mendapat tahu daripada Menteri yang berkenaan apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini agar memastikan bahawa aspek-aspek daripada hidupan rakyat Sabah dan Sarawak akan dijadikan suatu komponen intergral di dalam keperibadian kebangsaan.

**Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang Dipertua, penggubalan dasar akan juga melihat masalah integrasi nasional, lebih-lebih lagi dari segi bukan sahaja aspek-aspek hardware tetapi juga aspek softwarentya dan Kerajaan telah pun meluluskan untuk meluaskan siaran atau rangkaian kedua Televisyen Malaysia meliputi Sabah dan Sarawak mulai bulan Ogos ini sempena perayaan Hari Kebangsaan dan beberapa kemudahan-kemudahan asas seperti menyedia, membekalkan Electronic Field Production Unit, OBV iaitu Outside Broadcasting Van untuk menentukan bahawa penerbitan-penerbitan tempatan (local productions) bagi memuatkan dalam rancangan-rancangan yang meliputi nasional nanti.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini setakat ini manakah negara-negara dalam dunia yang mempunyai Dasar Komunikasi Negeranya sendiri dan apakah natijah besar yang dapat diharapkan daripada wujudnya Dasar Komunikasi Negara ini.

**Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang Dipertua, kebanyakan negara-negara maju tidak mempunyai dasar komunikasi *per se* bahkan mereka mempunyai zero policy iaitu bersandarkan semata-mata kepada kebebasan media itu seperti

di Amerika hanya ada satu badan iaitu The Federal Commission on Communications yang mengendalikan semua masalah media.

Tetapi dari segi negara-negara membangun banyak yang telah mengadakan atau sekurang-kurangnya memikirkan untuk mewujudkan suatu dasar, lebih-lebih lagi dari segi national guidance dan kepentingan mengadakan Dasar Komunikasi Negara, bukan sahaja dapat menentukan adanya ciri-ciri national guidance atau panduan untuk negara sama ada dari segi identiti ataupun dari segi integrasi rakyat dan sebagainya tetapi juga dengan adanya satu dasar Kementerian akan mempunyai satu landasan yang positif dan akan dapat menentukan arah mana tujuan dan matlamat media massa dari segi pembangunan negara, terutamanya dari segi nationhood. Dengan adanya satu Dasar Komunikasi Negara bukan sahaja kita dapat menentukan panduan ini untuk Radio dan Televisyen Malaysia atau media elektronik yang dikuasai oleh Kerajaan, bahkan juga media-media yang bukan dikuasai oleh Kerajaan untuk mewujudkan parameters dari segi kepentingan negara.

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Penerangan menggariskan secara ringkas ciri-ciri yang akan dijadikan asas kepada Dasar Komunikasi Negara ini.

**Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang Dipertua, falsafahnya kita hendak menekankan kepada satu dasar yang berasaskan kepada Rukunegara dan kalau boleh dipanggil Dasar Komunikasi Rukunegara dan Rukunegara inilah yang akan menjadi panduan kepada inputs yang dapat menentukan dasar ini nanti dan mengikut laporan awalan dari pakar UNESCO ini bukan sahaja falsafah penting ini tetapi juga dari

segi menentukan peranan komunikasi dalam pembangunan teknologi yang pesat di mana masalah pokok seperti Declaration of Human Rights—Article 19 di mana the right to communicate menjadi asas dalam dunia ini dan kemajuan-kemajuan teknologi dengan adanya direct broadcast satellite yang mana kita terpaksa menghadapi.

Maka dengan adanya dasar-dasar ini kita dapat mewujudkan beberapa perundangan dan peraturan untuk menentukan masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam dunia komunikasi ini, lebih-lebih lagi dari segi kemasukan ciri-ciri ataupun nilai-nilai asing menerusi teknologi seperti Direct Broadcast Satellite di mana pemilik-pemilik televisyen boleh mempunyai hanya satu disc antennae yang berharga lebih kurang 400 pound sterling dapat memetik mana-mana rancangan dalam dunia ini.

Ciri-ciri ini adalah antara ciri-ciri yang akan ditentukan supaya kita dapat menyuarakan pandangan-pandangan kita dalam forum-foram antarabangsa seperti ITU (International Telecommunication Union) dan sebagainya dari segi penggunaan, infrastructure ataupun hardware facilities yang ada dalam dunia ini untuk kepentingan bersama bagi masyarakat dunia.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan penghabisan, Ahli dari Batang Padang.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan tadi perkara ini sedang digubal dan Dasar Komunikasi Negara ini bila akan siap dan bila akan dilaksanakan?

**Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang Dipertua, satu dasar yang sempurna perlu memakan masa, bahkan penggubalan

dasar ini telah dimulakan lebih kurang setahun dahulu untuk meninjau garis-garis panduan, lebih-lebih lagi dari segi kepentingan Kementerian Penerangan. Tetapi apabila kita membincangkan masalah Dasar Komunikasi Negara, dia akan juga meliputi bidang-bidang di luar kuasa Kementerian Penerangan sendiri kerana media-massa akan meliputi juga media-media selain daripada media-media elektronik, seperti media cetak dan media yang lain. Dengan kesedaran ini, keinsafan bahawa kita perlu mengadakan satu dasar yang cukup sempurna, lebih-lebih lagi dunia sekarang bercakap mengenai information-based society yang merupakan the new engine to development. Kita harap bahawa dengan adanya beberapa seminar dan simposium yang akan merumuskan beberapa bahan dan inputs kepada dasar ini, dia akan dapat menggambarkan kepentingan negara dari segi penggubalan dasar itu. Insya Allah, sebaik sahaja dasar ini dapat kita sempurnakan, mungkin dalam setahun dua lagi, bergantung kepada kemampuan Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah kita lantik seperti Jawatankuasa Penggubalan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, kita akan dapat melaksanakan dasar-dasar yang telah kita gubalkan nanti.

#### **BANK NEGARA— MENYELARASKAN KADAR FAEDAH**

**3. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada sebarang cadangan dibuat oleh Bank Negara, sebagai badan pengawal ketika ini, untuk menyelaraskan kadar faedah yang dikenakan atas pinjaman oleh Bank-bank Perdagangan dalam Malaysia, dan tidak seperti mana yang berlaku sekarang di mana Bank-bank Perdagangan bebas mengenakan

kadar faedah dan terdapat kadar faedah berbeza-beza antara satu Bank Perdagangan dengan Bank Perdagangan yang lain.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang Dipertua, sebelum Oktober, 1978, Persatuan Bank-bank di Malaysia setelah berunding dengan Bank Negara telah menentukan kadar faedah maksima yang dibayar oleh bank-bank atas simpanan-simpanan dan juga kadar-kadar minima yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman mengikut keadaan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, sejak 23hb Oktober, 1978, bank-bank perdagangan dibenarkan menentukan kadar-kadar faedah masing-masing untuk simpanan-simpanan dan juga ke atas pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada pelanggan-pelanggan mereka.

Penentuan kadar faedah yang bebas itu dilaksanakan atas dua sebab:

- (i) Suatu kadar faedah yang ditentukan oleh pasaran akan mencerminkan kos modal ekonomi, dan dengan itu, akan menggalakkan satu peruntukan yang optima di antara kegunaan-kegunaan alternatif;
- (ii) Pertandingan yang lebih giat berikutan dari struktur kadar faedah yang ditentukan oleh pasaran akan memaksa bank-bank perdagangan untuk membayar kadar pasaran semasa, yang mana akan menolong menggerakkan tabung dan mewujudkan satu sistem urusan bank yang lebih cekap.

Dalam pada itu walaupun bank-bank perdagangan adalah bebas untuk menentukan kadar-kadar faedah masing-masing, Bank Negara telah menetapkan kadar-kadar faedah maksima ke atas pinjaman-pinjaman

yang diberikan oleh bank-bank kepada sektor-sektor utama yang tertentu untuk memastikan supaya sektor-sektor utama yang tertentu bagi kumpulan-kumpulan ini memperoleh kredit bank pada kos yang berpatutan. Pada masa ini, kadar-kadar tertinggi yang telah ditentukan adalah seperti berikut:

- (i) Pinjaman kepada kaum Bumiputera untuk tujuan perniagaan adalah tertakluk kepada kadar tertinggi sebanyak 9 peratus setahun, sekiranya pinjaman itu tidak dijamin oleh Syarikat Jaminan Kredit dan ianya tidak melebihi \$500,000 tiap-tiap satu pinjaman;
- (ii) Pinjaman kepada perusahaan-perusahaan kecil yang layak dan tidak melebihi \$250,000 adalah tertakluk kepada kadar tertinggi sebanyak 9 peratus setahun, dan di bawah Skim Pinjaman Khas Syarikat Jaminan Kredit, peniaga-peniaga kecil yang layak boleh meminjam sehingga \$50,000 pada kadar faedah tetap sebanyak 7.5 peratus setahun; dan
- (iii) Pinjaman yang diberikan kepada individu untuk membeli rumah-rumah kediaman adalah tertakluk kepada kadar tertinggi sebanyak 10 peratus setahun di mana kos tanah dan rumah berkenaan tidak melebihi \$100,000.

#### “PROTECTIONIST”—MENCEGAH HALANGAN

4. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah eksport utama kita barangan perkilangan telah menghadapi halangan-halangan “protectionist” daripada negara-negara pembangunan dan bolehkah beliau menamakan

negara-negara protectionists ini dan apa langkah-langkah berkesan boleh diambil untuk mencegah halangan-halangan protectionists seperti ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang Dipertua, di antara eksport utama keluaran kilang Malaysia yang menghadapi halangan dagangan ialah barangan-barangan yang diperbuat daripada getah, kayu, kelapa sawit, tekstail dan lain-lain lagi. Halangan dagangan yang dihadapi adalah berbentuk tarif dan bukan tarif seperti dikenakan kuota. Negara-negara yang mengamalkan dasar "protectionist" tersebut ialah negara-negara maju.

Malaysia telah pun mengambil tindakan untuk mengatasi ancaman dasar perlindungan (protectionism) yang diamalkan oleh negara-negara maju. Tindakan-tindakan tersebut ialah melalui perundingan dengan membangkitkan masalah ini di dalam forum-forum perdagangan antarabangsa iaitu di United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) dan General Agreement on Tariffs and Trade (GATT). Masalah ini juga dibangkitkan apabila Malaysia mengadakan perundingan dua hala dengan negara-negara maju. Melalui kedua-dua tindakan ini negara-negara maju telah diminta supaya mengurangkan dan menghapuskan amalan perlindungan mereka yang telah menjejaskan eksport keluaran kilang Malaysia.

Di dalam perundingan-perundingan tersebut isu-isu yang dibangkitkan ialah:

- (a) Langkah-langkah berbentuk tarif dan bukan tarif yang menyekat kemasukan eksport ke negara-negara maju;
- (b) Meminta negara-negara maju memberi layanan keutamaan terhadap eksport tertentu dari negara-negara membangun.

Hasil yang telah dicapai melalui tindakan di atas ialah:

- (a) Pengurangan kadar tarif ke atas eksport telah diperolehi melalui perundingan berbagai hala anjuran GATT di Tokyo iaitu dipanggil Tokyo Round dalam tahun 1973—1979. Negara-negara maju telah memberikan pengurangan tarif sebanyak 30% dalam tempoh 7 tahun mulai Januari 1980;
- (b) Negara-negara maju telah juga bersetuju menubuhkan Sistem Keutamaan Am (Generalised System of Preferences) melalui perundingan di bawah naungan UNCTAD. Barang-barang keluaran Malaysia yang termasuk di bawah Skim GSP ini telah tidak dikenakan duti atau dikenakan tarif yang lebih rendah daripada kadar tarif biasa.

Selain daripada itu Malaysia telah juga mengambil daya usaha mencari pasaran baru dengan cara meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara membangun lain seperti negara-negara ASEAN, Pulau-pulau di Pasifik Selatan, negara-negara Islam di Asia Barat dan Amerika Selatan. Melalui langkah ini Malaysia telah dapat meluaskan pasarannya dan tidak saja bergantung kepada pasaran tradisional di negara-negara maju.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apa langkah yang negara kita akan mengambil ke atas negara-negara maju yang selain daripada memberi halangan perlindungan mereka adalah membuat dumping yang mana kebanyakannya ialah textile dan lain-lain barangan perkilangan yang kita eksport. Apakah langkah yang diadakan untuk membuat perundingan untuk menghapuskan halangan protectionism?

**Tengku Dato' Ahmed Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang Dipertua, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sekejap tadi bersabit dengan dumping, masalah ini sering kita mengalami dan terpaksa kita mengambil tindakan untuk menjaga kepentingan perindustrian tempatan kita jikalau dumping ini ditujukan sasarannya Malaysia yang mana saya sukalah menyatakan bahawa di dalam negara-negara disekitar kawasan rantau ini, Malaysia telah mengamalkan boleh dikatakan free trade yang mana tarif-tarif yang dibuat oleh Malaysia boleh dikatakan berbanding dengan negara-negara lain adalah kecil dan Malaysia menjadikan sasaran apabila masalah ini timbul dan akan menjejaskan perindustrian tempatan kita yang mengeluarkan barangan yang sama yang dilambak (dumping) itu. Kita terpaksa mengambil bermacam-macam tindakan seperti melalui AP dan sebagainya ataupun menaikkan tarif. Tetapi saya sukalah menyatakan pada masa-masa di dalam kemelesetan ekonomi ini oleh sebab tarif di Malaysia ini rendah, ianya menjadi tumpuan dan sasaran. Kita cuba berikhtiar seberapa yang boleh untuk mendapatkan jalan-jalan lain melainkan daripada perundingan tetapi keadaan ini tidak begitu berkesan jikalau kita tidak ada sepakat di antara negara-negara yang sedang membangun. Dan kita sentiasa menekankan kepada negara-negara yang maju ini yang boleh dikatakan pasaran kepada negara-negara yang membangun ini ialah negara-negara maju terpaksa kita sabar dan cuba ikhtiar seberapa yang boleh menekankan kepada forum-forum antarabangsa yang mana saya sebutkan tadi UNCTAD dan GATT dan juga di dalam pasaran-pasaran antarabangsa yang lain termasuklah non-alliance dan juga negara-negara persidangan yang lain seperti negara-negara Islam. Jadi terpaksa kita mencuba sedaya yang boleh supaya

membawa kepada pengetahuan negara-negara maju ini iaitu adalah penting di dalam perdagangan antarabangsa ini mestilah kita bekerjasama. Jikalau tidak ada bekerjasama maka terjejaslah satu ekonomi negara-negara membangun dan juga akhirnya akan juga menjejaskan ekonomi negara-negara maju iaitu dalam bahasa Inggerisnya kita di dalam keadaan dunia inter-dependent.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Perdagangan, saya ingin tahu kenapakah barang-barang eksport Malaysia amat kurang pasarnya di negara-negara Arab sedangkan negara-negara Arab ialah boleh dikatakan negara-negara yang banyak membeli barang-barang dari seluruh dunia dan ada di antara barang-barang pengeluaran Malaysia dibeli daripada negara lain seperti kayu. Ramai orang-orang Arab beli kayu dari Singapura dan di kepala-kepala kayu itu dicop "Singapura" dan di antara orang-orang Arab tidak tahu bahawasanya Malaysia ini banyak kayu dan ada di antara mereka tahu bahawasanya Singapura negeri yang banyak kayu. Mengapakah pasaran Malaysia amat berkurang di negara Arab?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang Dipertua, kita sedang merangka satu rancangan agresif untuk kita mendapat pasaran di dunia dan di pasaran antarabangsa yang lebih banyak lagi. Dan saya sukalah menyatakan bahawa pada masa-masa yang lepas kita telah melihat iaitu kita bergantung kepada syarikat-syarikat yang lain, syarikat antarabangsa yang dikenali dengan syarikat multi-national untuk memasar barangan-barangan kita baik pun barangan-barangan kilang mahupun barangan-barangan utama. Tetapi sekarang ini kita telah pun membuat dasar-dasar supaya orang kita sendiri Malaysia lebih agresif lagi, janganlah

bergantung kepada negara-negara lain atau negara-negara ketiga (third country) untuk memasarkannya. Sebab itulah saya rasa dalam beberapa tahun yang lepas ini barulah kita nampak syarikat-syarikat Malaysia sendiri ditubuhkan untuk memasarkan barangan-barangan kita.

Tuan Yang Dipertua, selagi kita bergantung kepada syarikat-syarikat lain ataupun melalui negara-negara lain maka kita tidak dapat memasarkan lebih banyak lagi dan saya rasa perlu, dan saya telah pun menekankan kepada private sector atau pihak swasta supaya lebih agresif lagi, janganlah semata-mata bergantung kepada Kerajaan sahaja untuk menghantar rombongan-rombongan perdagangan (trade mission) tetapi juga di dalam beberapa bulan yang lepas ini saya telah pun menekankan iaitu Trade Commissioners kita di luar negeri atau seberang laut boleh digunakan oleh private sector. Ini adalah sesuai dengan konsep Malaysia Incorporated iaitu Kerajaan dan pihak swasta bekerjasama untuk kepentingan negara. Jadi kita berharap private sector ini lebih agresif lagi pada masa yang akan datang supaya kita dapat memasarkan barangan kita dengan lebih banyak lagi.

Yang kedua, saya sukalah menyatakan pada masa yang lepas kita menumpukan kepada pasaran-pasaran traditional sahaja seperti mana yang saya sebutkan tadi, negara-negara EEC, negara Amerika, negara Jepun iaitu negara-negara yang telah maju (developed countries) tetapi kita tidak meneliti dan tidak mengkaji pasaran-pasaran yang lain yang bukan traditional yang mana ada peluang dan dieksploitasikan untuk kepentingan kita. Dan di dalam beberapa bulan yang lepas ini kita telah pun menekankan dan telah pun pergi membuat lawatan rombongan-rombongan perdagangan untuk kita memasarkan lagi. Kita harap keadaan ini akan bertambah lagi pasaran

barangan-barangan kita. Ini adalah salah satu juga sebab iaitu perkapalan yang mana kita telah pun menekankan iaitu kita harap banyak orang-orang kita Malaysia ini akan menubuhkan syarikat perkapalan supaya perhubungan di antara negara-negara yang sedang membangun dapat diadakan. Kerana seperti kita menekankan kepada pasaran di India, Pakistan Selatan Pacific dan sebagainya, ini perlulah kita mengadakan perkapalan yang cekap, yang sering dilakukan oleh syarikat-syarikat perkapalan ini untuk kita menghantar barangan-barangan kita. Inilah perkara-perkara yang boleh dikatakan menyebabkan kekurangan tetapi kita harap dan kita berdoa pada masa akan datang masalah-masalah ini akan dapat diatasi.

#### **KURSUS SIVIK BAGI PEMANDU TEKSI DAN BAS**

**5. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Jabatan Pengangkutan Jalan ingin mengadakan kursus tatatertib, sivik dan sopan santun kepada semua pemandu-pemandu teksi dan bas mini yang bergerak di dalam Wilayah Persekutuan, memandangkan pada masa ini kerap kali terdapat sungutan-sungutan daripada penumpang-penumpang dari luar bandar yang melawat Kuala Lumpur bahawa setengah pemandu teksi dan bas mini di Wilayah Persekutuan bersikap kurang sopan, tidak sabar, bongkak dan kadang kala biadap dan enggan mengambil penumpang jika laluan (route) itu mereka tidak berkenaan kerana tidak menguntungkan. Adakah Jabatan ini akan mengarahkan semua teski mesti mempamerkan tanda "Bukan Untuk Disewa" di atas bumbung teksi sekiranya mereka tidak mahu ambil penumpang.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang Dipertua, sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa ciri-ciri mengenai tata tertib, sivik dan sopan santun untuk semua pemandu teksi dan bas adalah termaktub di dalam kaedah-kaedah Kenderaan Perkhidmatan Awam (Perlesenan Kelakuan Pemandu, Kondaktor dan Penumpang) tahun 1959. Tiap-tiap calon bagi mendapatkan lesen memandu vokesyenal untuk memandu teksi dan bas adalah diwajibkan menghadiri satu ceramah dan wawancara di mana mereka menguji mengenai kaedah-kaedah ini dan jika mereka lulus ujian ini baharulah lesen memandu vokesyenal untuk memandu taksi atau bas dikeluarkan kepada calon-calon yang berkenaan.

Jabatan Pengangkutan Jalan juga memang mempunyai rancangan untuk mengadakan kursus tata tertib, sivik dan sopan santun bagi pemandu-pemandu teksi dan bas seperti mana yang diadakan bagi pengajar-pengajar pemandu dari semasa ke semasa di bawah sistem keselamatan jalan raya dengan cara pemberian markah kesalahan, iaitu Sistem Kejara, yang akan dilaksanakan kelak.

Jabatan Pengangkutan Jalan akan menjalankan kursus-kursus pemulihan pemandu khususnya untuk pemandu-pemandu yang diwajibkan menghadiri kursus-kursus tersebut. Di samping itu, pegawai-pegawai dari Jabatan Pengangkutan Jalan pula sering dijemput untuk memberi ceramah dan syarahan dalam kursus-kursus untuk pemandu-pemandu teksi yang dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya dan pihak-pihak lain yang berkenaan dengan tajaan syarikat-syarikat swasta.

Kementerian saya dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan akan menyiasat sebarang aduan yang diterima terhadap pemandu yang tidak bertertib,

tidak mempunyai kesedaran sivik atau kurang bersopan santun dan tindakan yang sewajarnya diambil terhadap pemandu-pemandu tersebut.

Mengenai tanda-tanda pada teksi pula, Kerajaan memang telah merancang untuk mewajibkan teksi-teksi mempamerkan tanda "bukan untuk disewa" di atas bumbung teksi sekiranya mereka tidak boleh mengambil penumpang disebabkan teksi-teksi berkenaan telah ditempah, sedang dalam perjalanan pertukaran (shift) ataupun rosak dan sedang berjalan ke bengkel-bengkel untuk diperbaiki. Pelaksanaan peraturan ini akan dibuat apabila Kaedah-kaedah Kereta Motor (Pengangkutan Perdagangan) tahun 1979 dipinda dengan memasukkan peraturan yang berkenaan.

#### **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**

**6. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh Kerajaan setakat ini untuk memperkemaskan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi menyediakan lebih banyak faedah untuk pencaerum-pencaerum dan bilakah faedah-faedah baru itu akan diperkenalkan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah mengkaji semula skim-skim yang ada sekarang dengan tujuan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan faedah-faedah kepada pencaerum-pencaerum. Cadangan ini sedang dikaji oleh satu Jawatankuasa di peringkat Kementerian dan akan mengemukakan laporannya kepada Kerajaan apabila siap kelak.

**Tuan Peter Chin Gan Oon:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sudahkah Kerajaan menimbang

menaikkan elaun sebanyak \$20,000 itu kepada sekurang-kurangnya \$40,000 daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk tujuan membeli sebuah rumah oleh kerana wang \$20,000 sekarang biasanya tidak boleh membeli sebuah rumah kos rendah pun.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua, skim pembelian rumah (housing benefit) sedang dikaji juga dalam kajian ini.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Soalan tambahan. Adakah cadangan kementerian untuk mengubah daripada dikeluarkan manakala umur genap 50 tahun satu pertiga daripada wang caruman, kepada rancangan untuk dibolehkan setengah daripada pencaharum mengeluarkan wang.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua, semuanya ada dalam kajian.

### KOPERASI NELAYAN

7. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa:

- (a) terdapat koperasi-koperasi nelayan yang bertahun-tahun lamanya tidak memanggil mesyuarat agong tahunan;
- (b) terdapat Syarikat Bekerjasama Penangkap Ikan Pulau Pangkor yang tidak pernah menyempurnakan satu mesyuarat agong tahunan sejak 1976; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin koperasi-koperasi nelayan betul-betul membela dan memberi faedah kepada ahli-ahlinya.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan):** Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawa sehingga akhir tahun 1982 dari jumlah 110 keseluruhannya hanya 24 sahaja syarikat kerjasama nelayan dan persatuan nelayan yang telah tidak mengadakan mesyuarat agong tahunannya. Syarikat Kerjasama

Nelayan Pulau Pangkor telah mengadakan mesyuarat agungnya selepas tahun 1976 iaitu pada 1hb Mei, 1977. Persatuan-persatuan nelayan dan syarikat-syarikat kerjasama nelayan sentiasa diawasi melalui Penolong Pendaftar dan Penyelia-penyelia di peringkat negeri dan kawasan di atas kegiatan-kegiatan mereka sambil memberi nasihat dan kepimpinan yang mungkin perlu.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Untuk menjamin kekuatan pertubuhan-pertubuhan nelayan dan koperasi-koperasi nelayan supaya dapat memainkan peranan mereka betul-betul membela dan memberi faedah kepada ahli-ahlinya adakah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi kemudahan-kemudahan lesen kepada koperasi-koperasi dan persatuan-persatuan nelayan tersebut untuk diedarkan kepada ahli-ahlinya dan juga untuk memberi bantuan kewangan ataupun bekalan-bekalan bot untuk diberi kepada ahli-ahli persatuan-persatuan tersebut.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang Dipertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini tidaklah begitu tepat kepada pertanyaan yang asal akan tetapi suka saya memberi penjelasan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum para syarikat yang telah wujud di negara kita ini sebagaimana yang telah pun saya terangkan tadi sentiasa diberi bantuan secara bimbingan dan juga pihak Kementerian sedang meneliti serta mengawasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak para cooperative nelayan ini dan juga pihak Kementerian akan mempertimbangkan syor yang dibangkitkan oleh pihak Ahli Yang Berhormat itu, bila sampai ketikanya nanti kita akan melaksanakan rancangan untuk menolong para nelayan-nelayan yang mempunyai kesatuan ataupun cooperative ini.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah pendirian Kementerian Pertanian tentang koperasi-koperasi nelayan yang kegiatan-kegiatannya lebih menguntungkan pemegang-pemegang jawatankuasa daripada ahli-ahlinya.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang Dipertua, oleh kerana kenyataan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat ini tidaklah kita dapat sahkan bahawa para jawatankuasa ataupun pemegang-pemegang koperatif ini telah mengambil keuntungan daripada ahli-ahli kita tidak dapat membuat tuduhan kalau tak ada mempunyai bukti yang konkrit. Tetapi jikalau Ahli Yang Berhormat itu betul ada mempunyai bukti yang konkrit, kita harus meneliti serta mengambil tindakan.

#### PEJABAT PENGANGKUTAN JALAN DI KELANTAN

**8. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerianya bercadang untuk mengadakan sebuah lagi pejabat Pengangkutan Jalan di mana-mana daerah yang sesuai di Kelantan, memandangkan hanya sebuah saja pejabatnya di Kelantan yang sentiasa berada di dalam keadaan kesesakan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya khususnya Jabatan Pengangkutan Jalan memang mempunyai rancangan untuk mengadakan Pejabat Pengangkutan Jalan di dua buah daerah dalam Negeri Kelantan sepertimana yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat, iaitu di Machang dan Kuala Kerai. Walau bagaimanapun, tindakan untuk membina Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan di tempat-tempat yang saya nyatakan itu tidak dapat dimulakan lagi memandangkan keadaan ekonomi negara meleset sekarang ini. Namun demikian, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sedang

berusaha mengambil langkah jangka pendek, iaitu untuk mendapatkan ruang pejabat sementara di bangunan bekas Pejabat Daerah Machang untuk dijadikan Pejabat Kecil Jabatan Pengangkutan Jalan. Pejabat ini dijangka akan dibuka sebelum akhir tahun ini. Dengan adanya pejabat ini nanti tidaklah payah penduduk-penduduk dari sekitar Machang bersesak-sesak untuk mendapatkan perkhidmatan pembaharuan lesen memandu dan lesen kereta motor di Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan, Kota Bharu.

Untuk rancangan mengadakan Pejabat Pengangkutan Jalan di Kuala Kerai pula tapak tanah bagi membina pejabat berkenaan sudahpun diperolehi. Di atas sebab-sebab yang saya nyatakan tadi pihak JPJ tidak mempunyai peruntukan bagi membina pejabat tersebut ataupun untuk mendapatkan pejabat secara sementara.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya menyatakan bahawa beberapa buah Pejabat Pengangkutan Jalan di daerah-daerah di Kelantan terpaksa dibekukan atau ditangguh oleh kerana keadaan meleset. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada benar bahawa Kementerian atau Jabatan Pengangkutan Jalan ini merupakan satu Jabatan yang paling banyak mengutip hasil selain daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Oleh kerana itu adakah beliau sedar bahawa alasan ekonomi meleset itu tidak menasabah oleh kerana patut kalau lebih banyak pejabat dibuka, lebih banyak duit masuk kepada Jabatan itu.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, memang benar Jabatan Pengangkutan Jalan memungut wang atau hasil yang begitu banyak bagi negara ini tetapi kelulusan untuk menggunakannya adalah tertakluk kepada Dasar Kewangan Kerajaan.

## KAWASAN SAWAH SUNGAI PANJANG—BANTUAN

**9. Datin Paduka Zaleha Ismail** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa sebanyak 717 lot tanah sawah di Sungai Panjang telah tidak dapat ditanam padi selama 7 musim  $3\frac{1}{2}$  tahun sejak rancangan Barat Laut dimulakan. Adakah pihak Kementerian memikirkan program membantu petani-petani ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pertanian memang sedar terdapat sawah-sawah yang tidak diusahakan di kawasan Sungai Panjang. Kawasan sawah-sawah Sungai Panjang adalah tidak termasuk di dalam kawasan-kawasan sawah yang dibangunkan di bawah Projek Pembangunan Pertanian Barat Laut Selangor. Walau bagaimanapun, untuk membantu petani-petani kawasan ini, pembangunan kawasan sawah Sungai Panjang telah dimasukkan di bawah Projek-projek Pengairan Kecil Kebangsaan (National Small Scale Irrigation Project) bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Di bawah rancangan Sungai Panjang, infrastruktur-infrastruktur pengairan adalah disediakan bagi kawasan baru seluas 1,000 hektar yang terletak di tebing Sungai Bernam untuk membolehkan penanaman padi dua kali setahun. Kerja-kerja kontrak yang bernilai sebanyak \$5,183,815 telah di mulakan pada 15hb Mei, 1981 dan dijangka siap pada penghujung tahun 1984. Kerja-kerja yang dijalankan mengandungi yang berikut: sebuah rumah pam, taliair berkonkrit dan struktur-struktur berkenaan parit dan struktur-struktur kawalan, jalan ladang dan jambatan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, saya ada satu soalan yang ada kaitan pada pandangan saya dengan soalan ini,

iaitu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar terdapat masalah yang serupa di banyak kawasan-kawasan dalam Negeri Terengganu di mana bila diadakan sistem parit dan taliair didapati kawasan yang asalnya sesuai untuk tanaman menjadi tidak sesuai lagi, sebagai contoh di Besut dan juga beberapa rancangan-rancangan kecil. Perkara ini telah mendatangkan masalah kepada penanam-penanam padi. Mengapa terjadi perkara yang macam ini. Adakah ini merupakan satu masalah yang besar di peringkat negara dan apakah tindakan yang telah difikirkan oleh pihak Kementerian.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang Dipertua, pihak Kementerian sedar bahawa berbagai-bagai masalah dihadapi bukan hanya di Terengganu sahaja, di kawasan pilihanraya saya di Baram pun mengalami masalah yang sedemikian. Maklumlah engineer kita yang memproseskan pelan ini sama kita manusia, tentu sekali ada kesilapannya dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa mengambil perhatian yang berat serta meneliti keadaan bukan hanya di Terengganu sahaja, bahkan di seluruh negara.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan penghabisan.

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan penerangan mengenai usaha pembangunan di bawah National Small Scale Irrigation untuk kawasan Sungai Panjang. Tetapi apa yang saya persoalkan di sini ialah sejak rancangan Barat Laut dimulakan, kawasan di sekitarnya 717 lot yang tidak termasuk di dalamnya ini adalah terjejas, iaitu selama 7 musim, iaitu  $3\frac{1}{2}$  tahun pesawah-pesawah di situ tidak

menjadikan sawahnya, iaitu tidak dapat bertanam di sawahnya. Dan yang paling perlu yang hendak saya tahu adakah pihak Kementerian memikirkan program membantu petani-petani ini?

**Tuan Luhah Wan:** Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat, Tuan Yang Dipertua. Yang sebenarnya soalan Yang Berhormat itu saya sedar bahawa masalah yang disebutkan dalam pertanyaan asal itu 700 ekar tetapi yang saya sebutkan untuk jawapannya itu lebih daripada itu—1,000 hektar yang bukan termasuk dalam rancangan yang tersebut, bahkan itu juga sudah pun diperbaiki serta dibantu oleh pihak Kementerian.

#### MAKTAB PERGURUAN BAHASA

**10. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Pelajaran menyatakan iaitu adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan Maktab Perguruan Bahasa, pusat bagi melatih guru-guru bahasa Arab, Perancis, Jepun, Korea dan lain-lain bahasa ketiga, yang sekarang ini mula digalakkan pengajarannya di sekolah-sekolah menengah, terutama di sekolah-sekolah berasrama penuh; bagi mengadakan guru-guru bahasa yang cukup pada masa yang akan datang.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, pada masa ini Maktab Perguruan Bahasa merupakan salah satu daripada 26 buah maktab perguruan yang diberi latihan asas kepada bakal-bakal guru bagi sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah rendah. Jangka masa bagi kursus ini ialah 3 tahun. Bagi maktab ini pengkhususan latihan yang diberikan ialah pengajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina. Selain daripada itu, maktab ini juga menjalankan kursus khas dalam perkhidmatan selama satu tahun

untuk pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Peserta-peserta dalam kursus seperti ini terdiri dari guru-guru terlatih yang mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya lima tahun.

Kementerian Pelajaran sebenarnya tidak bercadang untuk menjadikan Maktab Perguruan Bahasa ini sebagai pusat memberi latihan Bahasa Arab, Perancis, Jepun, Korea dan lain-lain. Bagi tujuan ini sebenarnya Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk menubuhkan sebuah institut khusus untuk mengajar bahasa-bahasa termasuk bahasa Jepun, Korea, dan Perancis. Bagi Bahasa Arab kursus ini telah dijalankan di Nilam Puri, Kelantan.

Adalah benar Kementerian Pelajaran sedang menggalakkan pembelajaran Bahasa Arab, bahasa Jepun dan bahasa Perancis di sekolah-sekolah berasrama penuh. Guru-guru Bahasa Arab adalah terdiri dari siswazah Al-Azhar dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah diberi kursus intensif Bahasa Arab anjuran Universiti Umulkura, Mekah. Kerajaan kini sedang berunding dengan pihak Jepun untuk mendapatkan enam orang guru bahasa Jepun. Kedudukan guru bahasa asing di sekolah menengah berasrama penuh ialah guru Bahasa Arab seramai 23 orang dan guru Bahasa Perancis 4 orang

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut penerangan tadi mengatakan sebanyak 26 buah maktab perguruan yang ada sekarang ini dan berapakah banyak guru yang terlatih dapat dikeluarkan tiap-tiap tahun daripada maktab tersebut?

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, saya menyebut tadi Maktab Perguruan Bahasa ini adalah satu daripada 26 maktab perguruan, latihan mengikut angka-angka dan perancangan pada tiap-tiap

tahun dan bagi puratanya kita melatih sekadar 600 orang pada tiap-tiap maktab.

### PERKEMBANGAN PERINDUSTRIAN— GARIS PANDUAN

**11. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau bermaksud hendak mengadakan garis-garis panduan untuk perkembangan perindustrian negara kita. Jika ada, bilakah pelan induk baginya akan siap. Bilakah laporan pelan induk ini dapat dibentangkan di Dewan yang mulia ini

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan menyedari peranan penting sektor perkilangan dalam perancangan dan perkembangan perindustrian di negara kita. Untuk tujuan ini satu pelan induk perindustrian jangka panjang sedang di dijalankan. Pelan ini akan menggariskan program-program perkembangan perindustrian dan juga dasar untuk perkembangan sektor-sektor yang mempunyai potensi termasuk matlamat-matlamat dan strategi-strategi pembangunan selanjutnya. Pelan tersebut sudah pun dimulakan dan dijangka akan siap dalam tempoh masa 2½ tahun dan selepas itu pelan ini akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sejauh mana tekanan kepada dasar penyelerakan pertumbuhan industri ditekankan di dalam pelan induk yang disebutkan tadi itu?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang Dipertua, adalah menjadi satu daripada garis terpenting di dalam bidang tugas Jawatankuasa Pemandu Pelan Induk perindustrian ini untuk menentukan dan membuat penilaian yang komprehensif dan

teliti, pertamanya di dalam bidang-bidang industri yang ada berkaitan dengan bahan-bahan asli dan keduanya, di samping itu mengenalpasti kawasan-kawasan yang mana mempunyai potensi untuk diwujudkan kawasan-kawasan mengikut negeri-negeri yang sekarang ini masih lagi mundur dalam bidang perindustrian dan apakah kemudahan-kemudahan infrastruktur dan juga kemudahan-kemudahan yang lain yang sedia wujud sekarang ini yang memungkinkan industri-industri yang baru ini ditempatkan di kawasan-kawasan tersebut, dan kita menekankan juga umpamanya supaya perhatian diberikan kepada kawasan-kawasan yang setakat ini masih belum mempunyai banyak usaha-usaha perindustrian dijalankan seperti di Pahang, Terengganu, Kelantan dan sebagainya.

**Tuan Yang Dipertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 48 adalah diberi di bawah ini).*

### CHARTERED BANK/HONG KONG AND SHANGHAI BANKING— PENYUSUNAN SEMULA

**12. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan kemajuan yang dicapai berkait dengan penyusunan semula bank-bank berikut:

- (a) The Chartered Bank; dan
- (b) The Hong Kong and Shanghai Banking Corporation.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua bank tersebut telah mengemukakan kepada Bank Negara Malaysia cadangan-cadangan untuk menyusun semula operasi cawangan-cawangan mereka di Malaysia tetapi belum boleh dilaksanakan lagi kerana sedang

menunggu undang-undang yang berkaitan yang akan dibentangkan dalam persidangan Parlimen yang akan datang.

### **PERNIAGAAN DUA HALA VIETNAM—MALAYSIA**

**13. Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan iaitu dalam keadaan negara Vietnam menakluki Kampuchea dan mengecam keselamatan negara-negara jiran, adakah perniagaan dua hala antara sektor swasta di antara Vietnam dan Malaysia patut diteruskan dan nyatakan berapa banyakkah perniagaan yang dijalankan setakat ini?

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Kerajaan Malaysia tidak mempunyai hubungan perdagangan secara rasmi dengan Republik Vietnam. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak menghalang pihak-pihak swasta untuk terus berdagang dengan Republik tersebut selagi amalan-amalan perdagangan yang dijalankan itu tidak bertentangan dengan dasar negara dan tidak mengancam keselamatan negara.

Pihak swasta sememangnya mempunyai hubungan perdagangan dengan Republik Vietnam. Pada tahun 1978, jumlah perdagangan Malaysia dengan Republik tersebut adalah bernilai sebanyak \$1.58 juta dengan defisit bagi pihak Malaysia sebanyak \$300,000. Jumlah tersebut telah menurun pada tahun 1980 dan 1981 tetapi meningkat kembali pada tahun 1982 iaitu bernilai sebanyak \$6.24 juta dengan defisit sebanyak \$3.60 juta di pihak Malaysia. Jumlah perdagangan Malaysia dengan Republik tersebut adalah terlalu kecil dan tidak pernah melebihi 0.02% daripada keseluruhan perdagangan negara ini. Di antara barang-barang yang dieksport oleh Malaysia ke Republik tersebut ialah jentera dan

peralatan untuk industri-industri, alat-alat penimbangan, pemecair dan elevator. Manakala di antara barang-barang yang diimport oleh Malaysia pula di antara lain ialah buah-buahan, teh, rempah, sayur-sayuran, jagung dan hasil-hasil laut.

### **JALAN RAYA KELANG-KAPAR MEMPERBAIKI**

**14. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jalan raya dari Kelang ke Kapar barada dalam keadaan yang amat tidak memuaskan, keadaan ini menyebabkan berlakunya banyak tragedi kemalangan jalan raya. Jika sedar adakah pihak Kementerian mengambil tindakan yang serta-merta bagi memperbaiki jalan raya tersebut demi keselamatan pengguna jalan raya.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Jalan raya dari Kelang ke Kapar tidaklah begitu buruk keadaannya tetapi oleh kerana lalu lintas yang semakin banyak maka jalan raya ini kuranglah memuaskan kepada pemandu-pemandu yang hendak tiba cepat ke destinasi mereka. Yang demikian, Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas ini untuk membina jalan dua (2) hala daripada Batu 1 di Bahagian Kelang sampai Batu 3 menuju ke Kapar dan melebarkan jalan sehingga 24 kaki lebar daripada Batu 3 ke Batu 6. Sehingga sekarang ini rekabentuk bagi kerja-kerja tersebut telah siap dan tindakan untuk mengambil balik tanah bagi tujuan tersebut sedang giat dijalankan.

### **PERDAGANGAN MALAYSIA—JEPUN IMBANGAN PEMBAYARAN**

**15. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberi angka-angka

terbaharu berkait dengan imbangan pembayaran (balance of payment) yang melibatkan perdagangan di antara Malaysia dan Jepun, dan sama ada dasar pandang ke timur akan menguntungkan Jepun dari segi perdagangan di antara kedua-dua negara.

**Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Angka-angka imbangan pembayaran (balance of payment) yang melibatkan perdagangan di antara Malaysia dan Jepun tidak ada tetapi terdapat angka-angka mengenai imbangan perdagangan (balance of trade) di dalam perdagangan Malaysia dengan Jepun. Dari segi perdagangan Malaysia dengan Jepun, Jumlah perdagangan telah meningkat dari setahun kesetahun, tetapi keadaan lebihan (surplus) dalam perdagangan Malaysia dengan Jepun semakin berkurangan di mana pada tahun 1980, hanya bernilai \$1,064 juta berbanding dengan \$1,836.4 juta pada tahun 1979. Perdagangan Malaysia dengan Jepun telah mula mengalami defisit pada tahun 1981 iaitu sejumlah \$779.6 juta dan keadaan defisit bertambah besar pada tahun 1982 dengan jumlah defisit sebanyak \$1,530.8 juta. Sebab utama defisit telah meningkat ialah kerana eksport Malaysia ke Jepun telah berkurangan. Pada tahun 1981 eksport Malaysia ke Jepun bernilai \$5,727.6 juta berbanding dengan tahun 1980 yang bernilai sebanyak \$6,429.3 juta dan eksport pada tahun 1982 pula hanya berjumlah \$5,721.8 juta. Kejatuhan eksport Malaysia ke Jepun adalah terutama kerana kejatuhan harga kebanyakan komoditi yang dieksport ke negara tersebut di samping kejatuhan kuantiti eksport bagi setengah-setengah barangan.

Berbagai usaha dan langkah telah, sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan untuk meningkatkan eksport

Malaysia ke Jepun. Antara usaha-usaha tersebut termasuklah:

- (i) menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke Negara Jepun;
- (ii) mengambil bahagian di dalam pameran-pameran perdagangan dan "in-store promotion" di Jepun;
- (iii) meningkatkan pengetahuan pengilang-pengilang dan pengeksport-pengeksport Malaysia mengenai peluang-peluang pasaran di Jepun melalui seminar-seminar dan penyebaran maklumat-maklumat berkenaan dengan pasaran di Jepun;
- (iv) menubuhkan Pejabat Perdagangan Malaysia di Tokyo untuk menjalankan usaha-usaha meningkatkan eksport Malaysia ke pasaran Jepun.

Di samping itu Malaysia dan juga negara-negara lain telah membuat rayuan dan tuntutan kepada Kerajaan Jepun secara rasmi supaya melonggarkan sekatan-sekatan bukan tarif terhadap kemasukan import ke pasaran Jepun.

Hasil dari rayuan dan tuntutan tersebut Kerajaan Jepun telah mengambil beberapa langkah untuk memudahkan kemasukan barang-barang asing ke pasaran negara tersebut terutamanya barang-barang dari negara-negara membangun seperti Malaysia di antaranya ialah:

- (i) langkah-langkah pembebasan perdagangan (trade liberalization measures) yang mana ianya dijalankan secara berperingkat-peringkat. Langkah-langkah ini melibatkan pengurangan dan penghapusan halangan dan sekatan tarif dan bukan tarif terhadap barang-barang import.

- (ii) penyemakan semua undang-undang perdagangan dan peraturan import dan pemeriksaan Kastam Jepun;
- (iii) memperluaskan Skim Sistem Keutamaan Am (GSP) Jepun yang mana keistimewaan ini dikhaskan kepada negara-negara yang sedang membangun termasuk Malaysia.

Dasar Pandang ke Timur tidak mempunyai objektif untuk mendapatkan peningkatan di dalam perdagangan Malaysia dengan Jepun tetapi adalah bertujuan untuk mencontohi usaha-usaha Jepun dalam membangunkan negara. Perkara-perkara yang dititikberatkan dalam dasar ini adalah mengenai kerajinan bekerja, disiplin bekerja, memberi keutamaan kepada kumpulan dan tidak mempunyai kepentingan diri sendiri, kesetiaan kepada negara dan organisasi di mana pekerja itu bekerja, memberi penekanan terhadap daya pengeluaran, mutu kerja, peningkatan kecekapan, mengurangkan perbezaan dan pemisahan antara eksekutif dengan pekerja-pekerja bawahan serta mengambil sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang dan tidak semata-mata mementingkan faedah dan kejayaan jangka pendek. Nilai-nilai dan norma-norma tersebut adalah penting untuk menjamin kejayaan, pembangunan dan kemajuan negara di samping menghasilkan rakyat yang berdisiplin dan bersatu.

Jadi, jika sekiranya terdapat perkembangan atau penambahan dalam perdagangan Malaysia dengan negara Jepun maka itu adalah secara tidak langsung sahaja dan bukanlah kerana Dasar Pandang ke Timur.

#### LAMPU ISYARAT SIMPANG JALAN BARU/CHAI LENG PARK

**16. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Kerjaya menyatakan sama

ada beliau sedar kawasan simpang Jalan Baru/Chai Leng Park di Seberang Perai Tengah adalah merupakan punca bahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya dan kenderaan, dan memandangkan pihak MPSP telah mengemukakan cadangannya kepada beliau untuk memasang lampu-lampu isyarat di simpang jalan itu, bilakah projek memasang lampu isyarat akan dijalankan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Pembangunan di sekitar kawasan di Seberang Perai Tengah adalah berjalan dengan pesatnya pada masa ini. Oleh itu, adalah wujud beberapa persimpangan yang sibuk termasuklah simpang Jalan Baru/Chai Leng Park yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Walaupun ada cadangan daripada MPSP untuk memasang lampu-lampu isyarat di simpang jalan ini tetapi Kementerian saya terpaksa mengkaji kedudukan lalu lintas pada keseluruhannya di sekitar kawasan ini termasuk simpang Jalan Baru/Chai Leng Park itu oleh kerana pemasangan lampu-lampu isyarat di simpangan ini sahaja tidak dapat mengatasi masalah lalu lintas dalam di sekitar kawasan ini. Adalah dijangka bahawa kajian ini akan disiapkan tidak lama lagi dan tindakan akan diambil oleh Kementerian saya untuk mengatasi masalah lalu lintas itu.

#### LEMBAGA LETRIK SABAH— MENGAMBIL ALIH

**17. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob** meminta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah pengambilan alih Lembaga Letrik Sabah dikuatkuasakan dan adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk menyusun semula pentadbiran yang ada sekarang di Lembaga tersebut.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Sebagaimana yang telah pernah saya maklumkan dalam Dewan Yang Mulia ini iaitu tat-kala membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah pada 8hb Disember, 1982, pengambilan alih Lembaga Letrik Sabah selain dari melibatkan penggubalan Undang-undang Persekutuan, juga melibatkan pemansuhan Undang-undang Negeri. Akta Lembaga Letrik Sabah yang akan menubuhkan Lembaga itu sebagai Perbadanan Persekutuan telah pun diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini dan tarikh penguatkuasaan Akta ini akan ditentukan apabila Kerajaan Negeri Sabah telah bersedia untuk memansuhkan Enakmen Lembaga Letrik Sabah 1981 yang telah menubuhkan Lembaga itu sebagai Perbadanan Negeri sebelum ini.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, Dewan Undangan Negeri Sabah pada 28hb Jun, 1983 yang lalu telah juga meluluskan Rang Undang-undang Pemansuhan Enakmen tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri dalam hal ini telah menetapkan bahawa tarikh penguatkuasaan pemansuhan itu hanya akan dibuat setelah soal bayaran pampasan dari Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri berikutan dari pengambilan alih ini telah diselesaikan. Setakat ini soal bayaran pampasan ini masih lagi sedang dirundingkan di antara kedua-dua pihak dan sehingga perkara-perkara ini selesai kelak, Kementerian ini tidak dapat menentukan bilakah dapat dikuatkuasakan pengambilan alih Lembaga Letrik Sabah. Mengenai penyusunan semula pentadbiran Lembaga Letrik Sabah, setakat ini Kementerian ini masih belum mempunyai cadangan untuk melaksanakannya. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diberi perhatian apabila pengambilan alih ini telah dikuatkuasakan kelak.

## RADIO/TV—RANGKAIAN PERDAGANGAN

**18. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan menggalakan pengusaha-pengusaha berlesen untuk membuat siaran radio dan TV di negara ini secara perdagangan dan menyusun rancangan-rancangan mereka sendiri dan jika tidak mengapa.

**Menteri Penerangan (Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):** Izinkan saya untuk menjawab soalan Yang terhormat dari Kawasan Julau ini bersama-sama dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bandar Kuching (iaitu soalan nombor 21 pada hari ini). Ini adalah kerana pertanyaan tersebut adalah mengenai satu perkara yang sama dan saling berkait antara satu sama lain.

Kerajaan telah mengambil keputusan untuk mewujudkan satu rangkaian TV yang bercorak perdagangan (Commercial TV Channel) yang akan dikendalikan oleh pihak swasta. Beberapa tawaran telah diterima dari pihak swasta bagi tujuan tersebut dan pihak kami sedang membuat kajian yang teliti mengenai permohonan-permohonan tersebut. Setakat hari ini pihak kami belum lagi dapat menentukan bilakah tarikh sebenar rangkaian TV Perdagangan tersebut boleh dilancarkan oleh kerana ini tertakluk kepada keupayaan dan persediaan infrastruktur oleh pihak swasta yang akan ditawarkan kelak.

Mengenai radio, setakat ini Kementerian ini belum lagi bercadang untuk menambah atau meluaskan siaran radio yang dikendalikan oleh pihak swasta.

Berhubung dengan falsafah, konsep serta syarat-syarat pengendalian pula, setakat ini Kementerian Penerangan masih dalam proses menentu perkara-perkara itu. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan

bahawa Kementerian Penerangan akan meneliti dengan sehalus-halusnya semua syarat pengendalian serta jenis-jenis rancangan yang bakal disiar supaya tidak bertentangan dengan undang-undang serta tatasusila dan norma negara kita. Walau bagaimanapun, mereka boleh menyusun rancangan-rancangan mereka sendiri tertakluk kepada syarat-syarat yang akan ditetapkan kelak.

#### **RADIO/TV MALAYSIA—MEDIA RASMI KERAJAAN**

**19. Tuan Yahya bin Haji Zakaria** minta Menteri Penerangan menyatakan oleh kerana Radio dan Televisyen Malaysia merupakan media massa yang terpenting, apakah langkah yang akan diambil atau telah dijalankan oleh Kementerian agar setiap pengumuman dan pengisytiharan yang disiarkan tidak meragukan kepercayaan masyarakat terhadap Kerajaan dan pemerintah, contohnya pengisytiharan Hari Raya dan Puasa.

**Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Radio dan Televisyen Malaysia bukan saja media massa yang terpenting tetapi juga media rasmi Kerajaan Malaysia. Oleh yang demikian, adalah tanggungjawab Radio dan TV menyiarkan pengumuman-pengumuman rasmi Kerajaan Malaysia. RTM tidak menyiarkan sesuatu pengumuman yang meragukan kepercayaan orang ramai. Pengisytiharan hari mula puasa dan Hari Raya adalah pengumuman yang dibuat oleh Penyimpan Mohor Raja-Raja atas menjunjung titah Perintah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang bertujuan supaya semua umat Islam di Malaysia memulakan puasa dan merayakan Hari Raya pada hari-hari yang telah ditetapkan berdasarkan kepada fatwa-fatwa yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja.

#### **HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR SEBAGAI PUSAT RUJUKAN**

**20. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan cadangan Kerajaan hendak menjadikan Hospital Besar, Kuala Lumpur sebagai Pusat Rujukan, apakah yang dimaksudkan dengan Pusat Rujukan itu dan apakah sebenarnya pusat itu dan nyatakan pula peranan Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia di Hospital Besar, Kuala Lumpur sekarang.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Saya suka memberitahu Yang Berhormat bahawa Hospital Besar, Kuala Lumpur telah beberapa lama menjadi pusat rujukan bagi seluruh negara dalam bidang-bidang kepakaran tertentu seperti Neurosurgery, Neurology, Radiotherapy, Nephrology, Cardiology dan Cardiothoracic Surgery. Jadi, usaha yang sedang dibuat ini bukanlah satu yang baru, tetapi ianya adalah satu cadangan untuk memperkemaskan dan memperkuat lagi perkhidmatan-perkhidmatan di Hospital Besar, Kuala Lumpur, supaya ia dapat memainkan peranan yang lebih bermakna sebagai Pusat Rujukan.

Cadangan yang dibuat itu adalah untuk menentukan bahawa kesesakan yang terdapat di Hospital Besar Kuala Lumpur dapat diatasi, dengan menggunakan secara lebih luas Hospital-Hospital Daerah dan juga klinik-klinik Kerajaan di sekeliling Kuala Lumpur. Peraturan-peraturan dan penempatan pegawai perubatan yang berpengalaman sedang dibuat di Hospital-hospital Daerah dan klinik-klinik ini untuk membolehkan mereka merawat lebih banyak kes yang pada masa ini dihantar sahaja ke Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Semenjak tahun 1976, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, telah menggunakan Hospital Besar sebagai hospital pengajar kepada penuntut-penuntut perubatan mereka. Selain itu Universiti Kebangsaan Malaysia juga memberi perkhidmatan perubatan kepada orang ramai kerana sebilangan katil-katil di Hospital Besar, Kuala Lumpur, diperuntukkan kepada kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk menjaga dan menguruskannya—katil-katil di bidang seperti Medicine, Surgery, O & G, Pediatrics, Orthopaedics, Ophthalmie, Psychiatric dan lain-lain.

#### TELEVISEN KOMERCIAL

**21. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah cadangan rangkaian televisyen komersial akan mula siarannya, dan sama ada Kementeriannya akan menimbang untuk mengenakan kawalan yang minima ke atas rancangan-rancangan yang bakal disiarkan dalam rangkaian tersebut supaya dapat menggalakkan pembangunan sebuah media massa swasta yang bebas di Malaysia agar memudahkan evolusi semula jadi kebudayaan Malaysia.

**Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Pertanyaan ini telah pun saya jelaskan dalam jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat Ahli dari kawasan Julau sebentar tadi. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa kenyataan lagi mengenai pertanyaan tersebut.

#### ELETRIK LUAR BANDAR— PROJEK TERGENDALA

**22. Datin Paduka Zaleha binti Ismail** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah benar bahawa alat-alat membekalkan letrik tidak mencukupi sehingga ada projek yang terbengkalai, tiang-tiang letrik telah berbulan-bulan ditegakkan dan separuh telah rebah.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid):** Memang saya akui kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sebahagian daripada alat-alat untuk membekalkan elektrik tidak mencukupi; dan untuk projek bekalan elektrik luar bandar, sebanyak 63 projek-projek yang telah tergendala sehingga akhir bulan Jun 1983 akibat dari kekurangan alat-alat elektrik seperti suisgear, kabel, stay-rod dan staywire.

#### SOLAR-PENGGUNAAN

**23. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Tenaga Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian telah membuat penyelidikan tentang penggunaan tenaga solar untuk kegunaan rakyat negara ini. Adakah Kerajaan akan memperkenalkan penggunaannya di seluruh negara.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Saya telah menjawab soalan ini semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Setapak pada 1hb Ogos, 1983 dan saya tidak mempunyai apa-apa tambahan lagi.

#### KUALA LUMPUR-SEREMBAN HIGHWAY—KERETAKAN JALAN

**24. Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah keretakan jalan yang berlaku di Kuala Lumpur—Seremban Highway itu berpunca dari kurangnya kemahiran “consultant” yang membuat kajian asas jalan tersebut atau berpunca dari penipuan untuk mendapatkan keuntungan yang banyak oleh pemborong atau berpunca dari kurangnya pengawasan kerajaan terhadap pembinaan jalan tersebut.

**Dato' S. Samy Vellue:** Soalan ini telah saya jawab pada 29 Julai 1983.

## PELABURAN TABUNG HAJI DITARIK BALIK

**25. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Perdana Menteri menyatakan dari Syarikat atau Institusi Kewangan manakala Pelaburan telah ditarik balik oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji, sebanyak \$5 (lima) juta kerana bertentangan dengan hukum Islam baru-baru ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah menarik balik pelaburannya lebih kurang \$10 juta dari empat buah syarikat yang mempunyai aktiviti perniagaan yang bertentangan dengan hukum Syariah. Syarikat-syarikat berkenaan ialah:

- (i) Rasa Sayang Hotel;
- (ii) Pernas International Hotel;
- (iii) Barlow Bousted Holding; dan
- (iv) East Asiatic

Lembaga Urusan dan Tabung Haji sentiasa memerhati aktiviti pelaburan dalam syarikat-syarikat pelaburannya. Apabila didapati mana-mana syarikat yang terlibat dalam urusan perniagaan yang bertentangan dengan Islam maka Lembaga akan menarik balik pelaburannya.

## PENJUALAN PENDINGIN KERETA

**26. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat monopoli syarikat-syarikat yang membolot pemasangan dan penjualan alat-alat pendingin kereta. Apakah sistem pengeluaran yang disetujui oleh pihak Kementerianya terhadap pengeluar (manufacturer), pemasang (assembler), penjual (trader) dan pemasang (installer) alat-alat pendingin kereta ini; adakah terdapat

apa-apa penguatkuasaan tegas yang dapat melindungi kepentingan penjual dan pemasang di negara ini.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Setahu saya tidak terdapat monopoli oleh mana-mana syarikat dalam aktiviti pemasangan dan penjualan pendingin kereta di negara ini. Kementerian saya telah meluluskan Lesen Pengilang kepada 7 buah syarikat untuk mengeluarkan alat pendingin kereta dan 5 daripadanya telah melaksanakan projek mereka. Sementara itu terdapat 7 buah syarikat yang dikecualikan daripada Lesen Pengilang yang sedang beroperasi.

Kementerian saya tidak menetapkan sebarang sistem terhadap pengeluaran atau pengedaran alat-alat pendingin kereta. Terpulanglah kepada pengeluar, pemasang dan penjual untuk menentukan urusan mereka sendiri dalam keadaan persaingan pasaran yang bebas.

## PRESTASI ANAK SYARIKAT PERUSAHAAN AWAM

**27. Tuan Haji Mohd Zain bin Abdullah** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan anak-anak syarikat yang ditubuh oleh 20 perusahaan awam di bawah Kementerian beliau dengan mengasingkan syarikat sekutu dan syarikat pelaburan. Nyatakan daripada jumlah itu berapa banyakkah yang menunjukkan prestasi yang baik dan membuat keuntungan yang memuaskan. Sila maklumkan nama-nama sepuluh sahaja daripada anak-anak syarikat itu yang menunjukkan prestasi yang baik.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Sehingga 31 Disember 1982, terdapat sejumlah 413 anak-anak syarikat yang telah ditubuhkan oleh 21 dari 23 agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam, dengan ekuiti

berjumlah \$1,263,456,910. Dua agensi, iaitu Lembaga Padi dan Beras Negara dan Syarikat Jengka Sdn. Bhd. tidak mempunyai anak syarikat. Dari jumlah 413 ini, 348 anak syarikat sedang beroperasi dan aktif. Bakinya

(i) Syarikat Milik Penuh (Ekuiti 100%) .. ..	101 Syarikat
(ii) Syarikat Usahasama (Ekuiti 51%-99%) .. ..	127 Syarikat
(iii) Syarikat Sekutu (Ekuiti 30%-50%) .. ..	112 Syarikat
(iv) Syarikat Pelaburan (Ekuiti kurang dari 30%) .. ..	73 Syarikat
Jumlah ..	413 Syarikat

Berkenaan dengan prestasi dari segi keuntungan sukalah saya menyebutkan bahawa terdapat anak-anak syarikat yang telah berjaya mencatatkan keuntungan semasa dan beberapa anak syarikat pula telah mencatatkan keuntungan terkumpul Sehingga Disember 1982 terdapat sebanyak 133 syarikat telah

terdiri dari syarikat-syarikat yang belum beroperasi (34), digantung operasi (20), tidak aktif (5) dan "Shell Company" (6).

Kategori anak-anak syarikat ini adalah seperti berikut:

mencatatkan keuntungan terkumpul. Sebanyak 159 anak-anak syarikat bagi tempoh yang sama telah mencatatkan keuntungan semasa.

Di antara anak-anak syarikat yang telah menunjukkan prestasi yang baik ini sepuluh daripadanya adalah seperti berikut:

<i>Nama Anak Syarikat</i>	<i>Agensi*</i>	<i>Ekuiti (%)</i>	<i>Keuntungan Semasa \$ 1982</i>	<i>Keuntungan Berkumpul \$ 1982</i>
1. United Plantations Bhd. .. ..	FIMA .. ..	19.2	29,005,295	46,666,303
2. Perusahaan Pelangi Sdn. Bhd. .. ..	PKEN Johor	26.0	25,201,858	40,412,371
3. Syarikat Hume Industries Malaysia Berhad .. ..	PKEN Pulau Pinang .. ..	0.1	8,932,000	26,111,000
4. United Estate Projek Bhd. .. ..	PEREMBA .. ..	33.0	14,403,965	23,378,000
5. Cement Manufacturers Sdn. Bhd. .. ..	PKEN Sarawak .. ..	50.0	9,705,352	15,757,272
6. Komplek Kewangan Industries Bhd. .. ..	KKMB .. ..	100.0	10,763,700	12,555,927
7. Milek Perkasa Sdn. Bhd. .. ..	PKEN Sabah	100.0	858,374	7,638,094
8. Malaysian International Merchant Bankers Bhd. .. ..	MIDF .. ..	55.2	6,222,000	6,343,613
9. Amanah Chase Merchant Bank Bhd. .. ..	KKMB .. ..	72.4	7,862,007	5,946,427
10. Amanah International Finance Bhd. .. ..	KKMB .. ..	99.2	3,248,218	5,727,908

\* AGENSI:

FIMA	— Kumpulan FIMA Berhad
PKEN	— Perbadanan Kemajuan Negeri
Peremba	— Peremba Berhad
MIDF	— Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad
KKMB	— Komplek Kewangan Malaysia Berhad

## BEE HOON—PERLINDUNGAN TARIF

28. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) Apakah keputusan yang dibuat oleh Kementerian berhubung satu memorandum yang dikemukakan oleh Persatuan Pengeluar Bee Hoon pada 29-4-1983 kepada bekas Timbalan Menteri Perdagangan dan perindustrian; dan
- (b) Sama ada Kerajaan bercadang untuk mengenakan semula atau kuota ke atas mee hoon yang diimport dari luar negeri yang mana duti tersebut telah pun dibatalkan oleh Kerajaan pada tahun 1981.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Persatuan Pengilang-pengilang Bee Hoon Semenanjung Malaysia telah mengemukakan satu memorandum kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di mana permohonan dibuat untuk perlindungan tarif ke atas bee hoon secara melarangkan sama sekali pengimportan bee hoon. Pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, MIDA dan Kementerian Kewangan telah mengadakan perjumpaan dengan wakil-wakil Persatuan yang berkenaan untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengeluar-pengeluar bee hoon bagi mengambil tindakan yang perlu oleh pihak berkenaan untuk mengatasi masalah-masalah itu. Walau bagaimanapun, sehingga ini keputusan yang muktamad belum lagi dibuat.

## LEMBAGA PERPADUAN NEGARA—MEMBUBARKAN

29. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Lembaga

Perpaduan Negara adalah tidak berkesan sekali dalam menggalakkan perpaduan nasional di negara ini; jika sedar, sama ada Kerajaan akan membubarkannya dan digantikan dengan badan yang lebih berkesan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Lee Kim Sai):** Nampaknya Yang Berhormat seolah-olah menganggap bahawa perpaduan nasional ataupun perpaduan negara masih belum wujud lagi. Saya tidak faham bagaimanakah Yang Berhormat boleh mengandaikan bahawa perpaduan nasional tidak wujud. Andaikata perpaduan nasional tidak wujud di negara ini kita mungkin tidak dapat mengadakan persidangan parlimen pada hari ini.

Mulai tahun 1980 Lembaga Perpaduan Negara telah pun ditarafkan semula sebagai sebuah Jabatan Kerajaan dan diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri dan dikenali dengan panggilan Jabatan Perpaduan Negara. Tugas jabatan ini ialah untuk mengintegrasikan perpaduan nasional yang melibatkan proses perhubungan ras atau kaum (race relations) supaya berjalan dengan pesat tanpa gangguan oleh mana-mana pihak.

Untuk mencapai objektif tersebut Jabatan Perpaduan Negara telah merangka tiga strategi di dalam menggerakkan programnya.

Strategi pertama ialah aspek penggalakkan (promotions). Strategi ini adalah menggerakkan program dan aktiviti yang boleh membina dan memupuk perasaan muhibbah, toleransi dan persefahaman dan untuk mengikis sikap negatif oleh satu kaum terhadap kaum yang lain. Program ini termasuklah juga berupa pendidikan sivik serta pengajaran Bahasa Malaysia untuk terapkan identiti nasional kepada penduduk berbilang kaum. Usaha ini berjalan melalui program Perhubungan Masyarakat; Kelas Perpaduan Rakyat dan Rukun Tetangga yang bercorak kejiwaan.

Kedua ialah strategi pencegahan (prevention). Ini merupakan program untuk menyelesaikan satu-satu isu sensitif yang melibatkan mana-mana kaum/ugama sebelum ianya merosot dan berleluasa. Ini juga termasuk program integrasi antara negeri-negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Program di bawah strategi ini biasanya dijalankan tanpa sebarang publisiti.

Ketiga ialah strategi pemulihan (rehabilitation). Strategi ini berbentuk usaha dan tindakan untuk mententeramkan perasaan penduduk yang sudah terlibat dalam pergaduhan atau perselisihan faham yang bercorak perkauman itu dan menghapuskan syak wasangka antara kaum; rasa takut dan untuk memulihkan balik keyakinan dan perasaan muhibbah antara kaum.

#### **JAMBATAN NORDIN— KEROSAKAN**

**30. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa terdapat sebuah jambatan yang menyambungkan seberang kiri dan kanan Sungai Perak di Parit, yang dibina dalam bentuk sementara sejak tahun 1967 hinggalah sekarang ini masih belum dibina baru dan jambatan sementara sehalu ini telah menimbulkan kesan penggunaan yang sangat merumitkan oleh kerana ketika perjalanan dari bandar Ipoh menuju ke Kuala Kangsar dan Taiping menerusi bandar kecil Parit terpaksa menggunakan jambatan ini. Apakah rancangan Kementerian ini untuk mengatasi kesulitan tersebut.

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya sedar bahawa Jambatan Nordin telah dirosakkan dan hanyut oleh banjir dalam tahun 1967 dan dari sejak itu jambatan semenanjung itu 'bailey bridge' telah dibina untuk menggantikannya. Tetapi semenjak itu Kementerian juga telah membina satu jambatan baru dan kekal

menggantikan jambatan di Bota untuk kegunaan kenderaan-kenderaan berat di kawasan itu.

Walau bagaimanapun adalah menjadi tujuan Kementerian saya untuk menggantikan "bailey bridge" dengan satu jambatan yang kekal tetapi buat masa ini kedudukan wang negara belum mengizinkan perlaksanaan cadangan ini.

#### **KAYU BALAK YANG DIHARAMKAN**

**31. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa jeniskah kayu-kayu balak yang diharamkan ke luar negeri. Sejauh manakah langkah-langkah Kementerian menjalankan usahanya menentukan kayu-kayu balak yang diharam eksport itu benar-benar terkawal dan tidak berlaku penipuan, misalnya kayu-kayu balak yang diharamkan itu terus dieksport dengan menggunakan nama jenis lain yang dibenarkan eksport.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Pada masa ini sebanyak 27 jenis balak telah diharamkan eksportnya dari Semenanjung Malaysia.

Dari segi kawalan untuk memastikan balak yang dieskport itu tidak dari jenis yang diharamkan, pegawai-pegawai dari Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia menjalankan pemeriksaan ke atas balak yang hendak dieksporth di pintu keluar bukan sahaja bertujuan untuk memastikan ses ke atas balak berkenaan sudah dibayar dan semua dokumen eksport, termasuk maklumat-maklumat yang terkandung di dalam pas pemindahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan betul dan teratur, adalah juga memastikan balak yang dieksporth bukan dari jenis yang dieksporthnya diharamkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, pas pemindahan antara lain mengandungi

maklumat mengenai jenis balak serta isipadunya, yang mana boleh membantu pegawai yang memeriksa di pintu keluar.

#### **RUMAH PANGSA— KADAR SEWA**

**32. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengurangkan kadar sewa baru yang akan dikuatkuasakan mulai 1hb Ogos, 1983 untuk rumah-rumah pangsa oleh Dewan Bandaraya yang mana kadar baru yang dicadangkan itu adalah lebih 100% daripada sewa lama yang jelas akan membebaskan orang ramai; jika ya, sama ada Kerajaan akan mengurangkan kadar baru yang dicadangkan itu kepada tahap yang lebih patut dan munasabah.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** saya telah pun menjawab soalan maksudnya yang sama pada 25hb Julai, 1983.

#### **LAMPU LAPANGAN TERBANG SANDAKAN**

**33. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab lampu-lampu pendaratan (landing lights) dipasang dan kemudian diturunkan di landasan (runway) lama Sandakan sedangkan pihak berkuasa tahu bahawa landasan baru sedang dalam pembinaan; jumlah wang yang dibelanjakan untuk memasang dan menurunkan lampu-lampu pendaratan tersebut, dan sama ada siasatan akan dijalankan untuk mendapat tahu mengapa lampu-lampu tersebut dipasang sedangkan sebuah landasan baru sedang pun dalam pembinaan dengan lampu-lampu pendaratannya sendiri.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Lampu-lampu pendaratan telah dipasang di landasan lama lapangan terbang Sandakan untuk menampung keperluan

kemudahan pendaratan malam di lapangan terbang tersebut pada bulan September, 1982. Dalam pelaksanaan projek ini Kerajaan memang sedar bahawa landasan yang baru sedang dibina dan dengan itu telah menentukan bahawa rekabentuk pemasangan lampu tersebut adalah secara sementara dan dengan mudahnya dapat dipindahkan yang baru.

Untuk makluman Yang Berhormat, landasan baru lapangan terbang Sandakan telah pun siap dibina pada ahkir bulan April 1983. Selaras dengan ini, lampu pendaratan tersebut ditanggalkan dari landasan lama pada bulan Mei, 1983 dan akan dipasang di landasan baru tidak lama lagi.

Jumlah kos projek ini ialah sebanyak \$1,057,493 termasuk kos memasang dan kos alat-alat lampu mendarat.

#### **VIETNAM—PENDEKATAN ASEAN**

**34. Dato Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada negara-negara ASEAN akan membuat pendekatan baru dalam menghadapi masalah Vietnam, memandangkan bahawa Menteri Luar Negeri Vietnam baru-baru ini telah memberitahu Menteri Luar Negeri Australia yang tentera Vietnam akan terus bertapak di Kampuchea. Sekiranya begitu, apakah pendekatan-pendekatan yang mungkin boleh diambil.

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Apa yang disebutkan oleh Menteri Luar Negeri Vietnam kepada Menteri Luar Negeri Australia bahawa tentera Vietnam akan terus bertapak di Kampuchea ("until hell freezes over") bukanlah perkara baru. Oleh itu, suatu pendekatan baru oleh ASEAN tidaklah seharusnya diwujudkan semata-mata Vietnam telah menyebut perkara semacam itu.

Tetapi ASEAN akan terus memikirkan membuat apa-apa pendekatan bagi membuka jalan supaya perundingan diadakan, di antara negara-negara yang berkaitan dengan soal ini, termasuk Vietnam, bagi mencapai suatu penyelesaian politik. Dengan tujuan itulah mengapa ASEAN mengesyorkan Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea (ICK) yang telah diadakan pada bulan Julai 1981. Begitu juga tujuannya bila ASEAN memberi sokongan supaya kerajaan Sihanouk sekarang ini ditubuhkan. Dan seterusnya, Menteri-menteri Luar ASEAN di mesyuarat mereka pada 24-25hb Jun, 1983 di Bangkok telah "menjemput" (invite) Vietnam supaya dipertimbangkannya unsur-unsur Perisytiharan Persidangan mengenai Kampuchea, dan menunjukkan kesediaan untuk mengadakan suatu persidangan antarabangsa.

Apa-apa pendekatan yang telah dan mungkin dibuat oleh ASEAN sekalipun akan sentiasa mengarah ke suatu penyelesaian politik bukan penyelesaian ketenteraan. Atas asas inilah ASEAN akan terus mencari ikhtiar oleh kerana kita percaya perlanjutannya penaklukan Kampuchea oleh Vietnam akan membahayakan rantau ini. Malahan, Vietnam sendiri akan mengalami keadaan yang bertambah rumit di Kampuchea dan lambat laun ia sendiri tidak akan dapat menguasai Kampuchea.

#### **PENYAKIT KELAMIN— RAWATAN**

**35. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menahan penyakit perempuan merebak dalam negara ini.

**Dato' K. Pathmanaban:** Semua kes penyakit kelamin yang dirawat, khususnya sphyllis (semua jenis), gonorrhoea (semua jenis) dan Chancroid perlu dilaporkan kepada

pihak berkuasa kesihatan untuk memudahkan penyiasatan kes, mengesan hubungan dan mengurangkan punca penyakit.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengawasi penyakit ini. Diagnosa klinikal dan rawatan yang sesuai diberikan oleh semua hospital, klinik dan pusat kesihatan kerajaan di seluruh negara dan juga oleh doktor persendirian.

Dengan bertambahnya penyakit kelamin, khususnya gonorrhoea di kawasan-kawasan tertentu, Kementerian Kesihatan telah merumuskan satu rancangan tindakan untuk mengawal penyakit kelamin di Malaysia dengan pendekatan yang komprehensif.

Untuk menjayakan rancangan pencegahan dan pengawalan penyakit kelamin kita memerlukan kerjasama semua agensi Kerajaan dan agensi swasta, doktor-doktor dan masyarakat yang berkenaan untuk memerangi penyakit kelamin dengan sifat atau attitude yang sama yang diberi kepada penyakit-penyakit berjangkit lain.

#### **BIASISWA KEPADA PELAJAR-PELAJAR**

**36. Dr Toh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menerangkan kriteria-kriteria untuk menganugerahkan biasiswa-biasiswa Kerajaan untuk pelajar-pelajar yang belajar di universiti-universiti tempatan dan luar negeri. Sejauh manakah taraf pendapatan keluarga seorang pelajar diambil kira, adakah biasiswa-biasiswa ini diberi mengikut kuota kaum yang tertentu. Apakah jumlah bilangan dan amaun biasiswa yang dianugerahkan oleh Kementerian bagi tahun 1982.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar di universiti tempatan dan luar negeri berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti pencapaian akademik,

latar belakang kewangan, kegiatan ko-kurikulum dan prestasi semasa temuduga. Taraf pendapatan keluarga seseorang pelajar ditentukan dengan membandingkan jumlah pendapatan bulanan dan bilangan tanggungan keluarga. Kementerian Pelajaran tidak ada menetapkan kuota kaum dalam menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar di universiti tempatan dan luar negeri. Tawaran-tawaran biasiswa bergantung kepada jumlah peruntukan kewangan dan pada tahun 1982 Kementerian Pelajaran telah menganugerahkan 1,170 biasiswa dengan jumlah perbelanjaan seperti berikut:

Kursus	Bilangan Hadiah	Jumlah Perbelanjaan
Kursus di universiti tempatan .. ..	881	\$ 2,707,50.00
Kursus di universiti luar negeri .. ..	289	\$12,761,848.00
JUMLAH ..	1,170	\$15,469,348.00

### LEBUHRAYA BARU— KEROSAKAN

**37. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah Lebuhraya yang baru dibina tetapi mengalami kerosakan-kerosakan teruk dalam jangka masa singkat selepas digunakan. Mengapakah kerosakan Lebuhraya baru ini, seperti Lebuhraya Jerangau-Jabor, Kuala Lumpur—Seremban Expressway, Lebuhraya Timur—Barat dan lain-lain berlaku. Adakah kerana kelemahan “design” atau pembinaan (construction) oleh pemborong atau kerana kelemahan penyelia. Berapakah anggaran kerugian kerana kerosakan Lebuhraya-lebuhraya ini dan berapakah anggaran membaikinya. Bilakah Lebuhraya Jerangau-Jabor yang rosak teruk akan dibaiki.

**Dato' S. Samy Vellu:** Lebuhraya-lebuhraya yang baru dibina dan mengalami kerosakan ialah:

- (i) Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban
- (ii) Lebuhraya Timor—Barat
- (iii) Lebuhraya Jerangau—Jabor
- (iv) Lebuhraya Bahau—Keratong

Sebab-sebab berlakunya kerosakan bagi Lebuhraya itu “cave in” Kuala Lumpur—Seremban ini telah saya terangkan ketika menjawab soalan di Majlis yang mulia ini pada 29 Julai 1983. Mengenai Lebuhraya Timor—Barat pula saya juga telah membuat jawapan ke atasnya pada 2 Ogos 1983.

Mengenai kerosakan yang telah berlaku di Lebuhraya Jerangau—Jabor dan Lebuhraya Bahau—Keratong, sebab-sebabnya oleh kerana ubin (road pavement) tidak dimaksudkan untuk kegunaan kenderaan-kenderaan yang berat lebih daripada apa yang dibenarkan di bawah undang-undang peraturan jalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah ordinar lalu lintas had dibenarkan ialah maksima 9 tan bagi tiap satu ganda (axle) tetapi adalah didapati bahawa lori-lori balak yang menggunakan jalan Lebuhraya-lebuhraya ini membawa muatan yang lebih berat daripada ini dan yang demikian telah merosakkan Lebuhraya-lebuhraya tersebut. Selain daripada ini aliran air (water drainage) dalam beberapa tempat di sepanjang jalan raya-jalan raya itu tidak memuaskan dan ini telah menyebabkan air hujan boleh masuk meresap ke dalam tanah di bawah ubin tersebut. Akibatnya ini menjadi lembut dan boleh menjadi tinggi rendah apabila digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat.

Oleh yang demikian, kerosakan yang berlaku itu tidaklah disebabkan oleh apa-apa kelemahan dari segi

rekabentuk atau pembinaan ataupun penyeliaan ketika pembinaan Lebuhraya-lebuhraya tersebut.

Belumlah dapat Kementerian saya memastikan perbelanjaan yang akan dibuat untuk memperbaiki Lebuhraya-lebuhraya yang rosak itu.

Mengenai kerja-kerja pembaikan yang sedang dibuat bagi Lebuhraya Jerangau-Jabor, sukacitalah saya memaklumkan bahawa kontraktor untuk pembaikan telah diberi awal tahun ini kepada seorang kontraktor tempatan tetapi malangnya prestasi kontrak ini tidak memuaskan dan yang demikian pihak Kementerian saya terpaksa memansuhkan kontraknya. Satu kontrak baru akan dipanggil semula dan adalah dijangka bahawa kerosakan jalan Jerangau—Jabor ini dapat diperbaiki dengan seberapa segera.

#### **HARI KEBANGSAAN 1983— BENTUK SAMBUTAN**

**38. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan bentuk sambutan Hari Kebangsaan 1983 ini yang dikatakan bercorak persyarikatan Malaysia. Apakah pelaksanaannya dan tidakkah ia berkemungkinan boleh menjejaskan tradisi sambutan dan menghilangkan nilai dan budirasa dari kemerdekaan itu.

**Perdana Menteri:** Sambutan Hari Kebangsaan 1983 ini bertujuan mengubah tradisi perayaan yang diadakan sebelum ini. Selaras dengan konsep “Persyarikatan Malaysia” pihak swasta adalah juga diminta bersama-sama mengambil bahagian dalam perayaan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Negara. Antara lain syarikat-syarikat swasta juga dijemput sama untuk menyertai dalam perbarisan dan perarakan. Kebiasaannya hanya Jabatan-jabatan Kerajaan termasuk murid-murid sekolah dan Pasukan Keselamatan sahaja yang mengambil bahagian.

Oleh itu diharap sambutan kali ini dapat menunjukkan semangat bekerjasama di antara pihak awam dan swasta bagi menyambut hari kebesaran negara. Kerjasama ini tidak akan menjejaskan tradisi sambutan atau menghilangkan nilai dan budirasa dari kemerdekaan ini, sebaliknya ia akan lebih memupuk semangat cintakan tanahair hasil dari kemerdekaan ini.

#### **KONSULAT DI SARAWAK**

**39. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah Kerajaan membenarkan negara-negara Komanwel dan ASEAN termasuk Jepun, Korea Selatan, Formosa, Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China membuka Kedutaan atau Konsulat di Negeri Sarawak agar memudahkan rakyat Sarawak di dalam bidang perniagaan dengan luar negeri atau memohon melanjutkan pelajaran di luar negeri.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Pertamanya ingin saya maklumkan bahawa Kerajaan kita tidak mengiktiraf Kerajaan Formosa (Taiwan) dan oleh itu kita tidak mempunyai hubungan diplomatik dengannya. Maka penubuhan pejabat Kedutaan atau Konsulat Formosa di Malaysia tidak timbul.

Dengan persetujuan Kerajaan Malaysia, negara-negara asing yang diiktiraf dan mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia, dibenarkan membuka Suruhanjaya-suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan-kedutaan Besar mereka di ibu negara iaitu di Kuala Lumpur.

Di samping itu negara-negara asing tersebut boleh membuka Konsulat-konsulat mereka di bandar-bandar lain di Malaysia di negeri Sarawak jika permohonan dibuat oleh mereka dan permohonan tersebut dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini terdapat dua buah Konsulat

di Kuching, Sarawak, iaitu pejabat Wakil British dan Konsulat Perancis. Kerajaan sedia menimbangkan permohonan dari negara-negara asing untuk membuka Konsulatnya di Sarawak.

#### **PUSAT SERENTI TAMPIN—SIASATAN**

**40. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan yang dijalankan oleh Kerajaan ke dalam dakwaan tentang kekerasan, ketidak perikemanusiaan dan siksaan yang dilakukan ke atas penghuni-penghuni yang dihantar untuk pemulihan dadah di Pusat Serenti, Tampin, dan sama ada Kerajaan akan membuat peruntukan-peruntukan undang-undang dan pentadbiran supaya penghuni-penghuni yang mengadu tentang kekerasan dan siksaan di pusat tersebut boleh ditukar ke pusat-pusat lain dan malah ke penjara sehingga penyiapan siasatan supaya si pengadu tidak akan takut yang ia akan dihukum (penalised) dengan kekerasan-kekerasan dan siksaan-siksaan yang lebih kerana mengadu.

**Menteri Dalam Negeri (Dato' Musa bin Hitam):** Berhubung dengan soalan Yang Berhormat sukalah dinyatakan bahawa penyiapan mengenainya masih berjalan.

#### **RUMAH PANGSA— PENYALAHGUNAAN KUASA**

**41. Tuan Lim Kit Siang** Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan Polis ke dalam Laporan Polis yang dibuat oleh Ahli Dewan Negeri Melaka DAP bagi kawasan Durian Daun, YB. Lai Keun Ban, bahawa apabila beliau meninggalkan Dewan Negeri Melaka pada Mei 25, beliau telah dikepung oleh sekumpulan orang yang mencaci, mengugut serta memukulnya kerana berucap dalam Dewan Negeri terhadap

penyalahgunaan (abuses) yang dilakukan oleh pegawai-pegawai dan orang-orang MCA dalam pembahagian rumah-rumah pangsa kos rendah di Bandar Hilir III di mana orang-orang yang benar-benar memerlukan rumah di ketepikan peluang untuk mendapat rumah-rumah pangsa tersebut dan apakah tindakan yang akan diambil untuk melindungi wakil-wakil rakyat daripada dicaci, atau dipukul kerana menjalankan tugas-tugas mereka.

**Dato' Musa bin Hitam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes ini masih lagi dalam penyiasaan.

#### **PERTEMPURAN PENGGANAS KOMUNIS DENGAN TENTERA—TUDUHAN**

**42. Tuan Andrew Janggi Muyang** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar tuduhan bahawa bekas anggota tentera telah terlibat dalam pertempuran di antara pengganas komunis dengan anggota tentera baru-baru ini di Bahagian Keenam (Serikei) Sarawak, di mana ramai anggota tentera kita telah terkorban; jika benar, mengapa, dan jika tidak, mengapa pengorbanan mereka kepada negara tidak dihargai.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuduhan ini adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali. Tidak ada bekas anggota tentera terlibat di dalam mana-mana gerakan atau pertempuran antara pengganas komunis dengan pasukan keselamatan di kawasan Serikei ataupun di tempat-tempat lain. Tuduhan ini sengaja diada-adakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

#### **PENGAJARAN AGAMA ISLAM BIMBINGAN AGAMA**

**43. Tuan Chan Kok Kit** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kepada usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk memberi penegasan yang lebih

dari segi kerohanian kepada orang-orang Islam sama ada Kerajaan juga akan berikhtiar untuk meningkatkan kerohanian orang-orang yang bukan beragama Islam menerusi berbagai-bagai cara seperti mengadakan rancangan-rancangan bimbingan agama di radio dan televisyen mewajibkan pengajaran mata pelajaran agama bagi murid-murid yang beragama Hindu, Buddhist, Kristian sejajar dengan prinsip pertama Rukunegara yang menegaskan kepercayaan kepada Tuhan, memberi sumbangan yang lebih dari segi kewangan untuk pembinaan dan penyelenggaraan tempat-tempat ibadat orang-orang bukan Islam.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Agama Islam adalah Agama Rasmi Negara. Oleh itu, sewajarnya usaha memberi kefahaman Islam dijalankan demi untuk meningkatkan kefahaman Islam di kalangan penganutnya di negara ini. Kerajaan akan sentiasa berikhtiar untuk meningkatkan pengajaran Agama Islam dan Bimbingan Agama Islam dengan berbagai cara yang menasabah di kalangan orang-orang beragama Islam kerana itu adalah tanggungan kerajaan sejajar dengan kedudukan Agama Islam sebagai Agama Rasmi Negara.

Mengenai usaha meningkatkan kerohanian di kalangan penganut-penganut agama Hindu, Buddhist dan Kristian adalah wajar jika usaha itu dilakukan di kalangan penganut-penganutnya dan bukan dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan, kerana perlembagaan Malaysia telah menjelaskan bahawa rakyat negara ini bebas menganut dan mengamalkan kepercayaan agama masing-masing. Setiap penganut sesuatu agama itu bebas meningkatkan kefahaman agama di kalangan mereka dengan menghormati kepercayaan orang lain dan tidak menceroboh.

#### NAHAS UDARA DI TANJUNG KUPANG

**44. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedia untuk mengadakan suatu bicara

mayat dalam hal terhempas kapal terbang MAS di Tanjung Kupang, Johor dalam bulan Disember, 1977. Jika tiada, sila memberitahu sebab-sebab.

**Perdana Menteri:** Pihak polis telah menjalankan penyiasatan yang rapi dalam perkara ini. Daripada bukti-bukti yang diperolehi tidak boleh ditentukan siapakah dan apakah yang menyebabkan kemalangan itu berlaku. Walau bagaimanapun, perkara ini telah diedarkan kepada Majistret untuk mempastikan sama ada perlu atau tidak mengadakan siasatan kematian.

#### PENJARA/LOKAP— KELARIAN BANDUAN

**45. Tuan Dusuki bin Haji Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di akhir-akhir ini terlalu kerap berlaku pemecahan lokap dan penjara menyebabkan terdapat beberapa orang penjenayah dapat melepaskan diri. Apakah peristiwa-peristiwa ini berlaku disebabkan lokap atau penjara yang ada sudah tua ataupun disiplin dan kawalan pegawai-pegawai kita telah mula merosot.

**Dato' Musa bin Hitam:** Kementerian memang sedar tentang berlakunya kejadian kelarian dari institusi-institusi penjara dan lokap-lokap. Namun begitu bilangan kelarian ini adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah banduan-banduan serta tahanan yang ramai yang terdapat di institusi-institusi penjara dan lokap sekarang.

Di antara faktor-faktor yang mengakibatkan berlakunya kejadian ini, ialah keadaan bilik kurungan yang agak tua, tipu helah orang tahanan yang terlibat dalam kejadian kelarian itu sendiri dan juga kecuaiannya pengawal yang sedang bertugas ketika kejadian itu berlaku.

Walaupun ada kejadian kelarian berlaku oleh sebab kecuaiannya pengawal,

ini bukanlah bermakna bahawa mutu dan prestasi pengawal-pengawal pada keseluruhannya telah merosot.

**CUTI AM  
HARIJADI TUNKU  
ABDUL RAHMAN PUTRA**

**46. Tuan V. Govindaraj** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan mempertimbangkan bagi mengisytiharkan Harijadi Tunku Abdul Rahman (Bapa Malaysia) sebagai hari cuti am negara, sebagai satu tanda kehormatan atau sumbangan dan jasa beliau kepada negara dan bangsa.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Bilangan hari cuti am setahun bagi seluruh negara pada masa ini sudah pun meningkat purata 17 hari. Oleh kerana itu buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menambah satu lagi hari cuti kepada jumlah bilangan hari cuti am yang ada sekarang ini.

Ini tidaklah bermakna bahawa Kerajaan tidak menghargai segala pengorbanan dan jasabakti Y.T.M. Tunku Abdul Rahman.

**PELARIAN LUAR NEGERI  
DI SARAWAK**

**47. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa jumlah pelarian luar negeri berada di Negeri Sarawak hingga bulan Jun 1983;
- (b) berapa telah diterima oleh negara-negara lain; dan
- (c) apakah Kerajaan akan buat terhadap pelarian yang masih berada di Sarawak.

**Dato' Musa bin Hitam:** Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tidak terdapat sebarang pelarian dari luar negeri yang berada di negeri Sarawak.

**KEMALANGAN KAPAL  
TERBANG CESSNA**

**48. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada akibat keputusan Koroner Bentong bahawa Menteri Luar Negeri Tan Sri Ghazali, adalah bertanggungjawab secara langsung atas terhemasnya kapal terbang Cessna 206 di Kampung Janda Baik pada Januari 10, 1982 dan telah 'cuai' yang menyebabkan kematian Ketua Jurulatih Kelab Penerbangan Di Raja Selangor, Vergis Chacko, dan Juruiring Menteri berkenaan, PPP Charon Daam; sama ada Tan Sri Ghazali Shafie akan ditangkap dan didakwa kerana kecuaiannya berjenayah.

**Perdana Menteri:** Sebagaimana yang telah saya jelaskan di Dewan yang mulia ini sebentar tadi, sewaktu menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan saya ingin menegaskan bahawa nota siasatan kematian berkenaan dengan kes ini baru saja diterima daripada Majistret Bentong. Peguam Negara selaku Pendakwa Raya sedang mengkaji bukti-bukti yang tercatat dalam rekod prosiding itu. Saya percaya beliau akan dapat membuat suatu keputusan yang adil dan saksama dalam sedikit masa lagi.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERLEMBAGAAN (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua." (2 Ogos, 1983)

**Tuan Yang Dipertua:** Saya menjemput Yang Berhormat Wakil dari Pasir Puteh menyambung.

3.36 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyambung ucapan saya berkenaan pindaan Perlembagaan 1983 yang saya semalam hanya sebagai pembukaan ataupun pendahuluan daripada ucapan yang telah saya rancang untuk bercakap pada hari ini.

Pertama sekali saya menyokong Akta untuk pindaan Perlembagaan ini sebagai satu daripada perkara untuk menghilangkan keraguan dan menghilangkan keraguan ini adalah merupakan sesuatu yang penting di dalam suatu pindaan Perlembagaan atau suatu pindaan undang-undang. Dengan sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa pindaan ini adalah merupakan satu pindaan hasratnya yang suci dan ikhlas daripada Kerajaan bagi menghapuskan segala keraguan terutama keraguan yang ditimbulkan oleh pihak-pihak peguam sama ada peguam Pembangkang ataupun tidak bagi maksud-maksud yang tertentu yang kita tidak dapat tentukan dan semalam saya telah menyebutkan Wilayah Persekutuan misalnya.

Perkataan "Wilayah Persekutuan" itu sendiri pun telah menentukan bahawa wilayah itu di dalam Persekutuan dan perkara ini daripada sejarahnya lagi kedudukan tanah ini di dalam Persekutuan maka tidak pernah dibentangkan undang-undang dalam Dewan ini menyatakan bahawa Wilayah itu atau tanah itu terkeluar daripada Persekutuan, maka dengan itu kalau undang-undang ini tidak dipinda pun maka kita tidak mengetahui bahawa Wilayah itu sudah tentu di dalam Persekutuan Tanah Melayu ataupun Persekutuan Malaysia. Jadi, dengan pindaan ini hanyalah untuk menghilangkan keraguan oleh pihak-pihak tertentu yang hendak mencarikan kepentingan dengan tujuan memburuk-burukkan keadaan yang ada dan juga ini bukan

merupakan satu kesalahan atau merupakan sesuatu kejahatan tetapi adalah merupakan sesuatu yang patut dilakukan di dalam pembentukan sesuatu undang-undang di dalam negara ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam Perkara 66 dan 150 yang telah dibesarkan oleh wakil dari Kota Melaka ini merupakan sesuatu yang disengajakan hendak ditimbulkan dalam Dewan ini untuk menarikkan semangat dan sentimen orang-orang Melayu khasnya Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional supaya Ahli-ahli Parlimen ini menimbulkan perkara ini dengan hangat dan menentang usul-usul ini sebagaimana DAP yang menentang apa sahaja cadangan ataupun usul baik yang dibentangkan oleh Kerajaan. Jadi, dalam pindaan Perkara 66 dan juga dalam pindaan Jadual 8 membuktikan kepada kita bahawa kepercayaan Yang di-Pertuan Agong ataupun Raja-raja kepada Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli Pembangkang di dalam pembentukan undang-undang dan membahaskan undang-undang, lebih-lebih lagi kepercayaannya kepada Perdana Menteri dan juga kepada Jemaah Menteri dan juga pegawai Eksekutifnya yang dilantik. Ini adalah penting bahawa segala-gala yang saya sebut tadi adalah dilantik dan dipersetujui diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Kalaulah sekiranya perkara ini tidak merupakan sesuatu yang berlainan daripada apa yang tercatat di dalam pindaan ini adalah perkara yang tidak sepatutnya dibangkitkan kerana ini adalah merupakan kepercayaan yang tulin kepada orang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong sendiri. Dengan pindaan ini membuktikan bahawa Ahli-ahli Parlimen yang ada sekarang yang dianggotai di dalam Dewan perundangan ini mempunyai peranan yang lebih penting untuk membahas dan membincangkan sesuatu undang-undang dan juga

pindaan-pindaan tanpa memikirkan perasaan sendiri ataupun tanpa untuk mempertimbangkan sesuatu perbincangan itu dari segi kepentingan politik ataupun dari segi kepentingan puak atau kepentingan diri tetapi adalah untuk kepentingan negara dan kepentingan pentadbiran negara.

Sebenarnya saya tidak tahu apakah tujuan Wakil dari Kota Melaka bangkit-bangkitkan dan beberapa kali semalam dia melaungkan dalam Dewan ini iaitu supaya Wakil daripada Barisan Nasional ini meyentuh Perkara 66 dan Perkara 150. Apakah tujuannya? Tidak ada tujuan lain tetapi adalah dengan tujuan politik, tujuannya adalah tujuan yang tidak sihat, tujuannya adalah untuk memecahbelahkan perpaduan di antara rakyat dan pemimpin di dalam negara ini. Dan juga tujuannya adalah merupakan tujuan untuk menimbulkan suatu keadaan yang boleh apabila keadaan itu timbul, maka golongan ini akan menanggung di air keruh. Itulah tujuan yang sebenarnya. Jadi kalau tujuan itu hendak ditimbulkan, kalau perkara itu tidak hendak dibincangkan oleh Ahli Barisan Nasional apa kaitannya dengan pihak DAP? Mengapa DAP tidak bincangkan perkara ini dan apakah pendirian DAP dalam perkara ini? Adakah DAP menyokong atau DAP tidak menyokong perkara ini? Tetapi tidak pula mengatakan cuma hanya melimparkan batu sembunyi tangan menimbulkan sesuatu keadaan supaya menimbulkan suasana yang tidak baik dan di situ mereka akan menanggung di air keruh. Itulah tujuan sebenarnya maka perkara ini timbul di dalam Dewan ini dan dituduh pula bahawa Wakil Barisan Nasional diarah supaya jangan bercakap perkara tersebut. Ini adalah satu kenyataan yang tidak benar dan saya tidak pernah ditegah untuk membuat dan mengeluarkan pendapat dalam semua undang-undang dan pindaan yang ada dibincangkan di dalam Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang Dipertua:** Minta penjelasan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Boleh!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak pernah kata bahawa Ahli-ahli dari Barisan Nasional adalah diarah untuk tidak cakap dalam Rang Undang-undang ini, tetapi bahawa suratkhbar ada diarah supaya tidak laporkan perbahasan atas perkara ini. Tidak perlu untuk Ahli-ahli Barisan Nasional diarahkan tidak bercakap oleh kerana tanpa arahan mereka pun tak berani bercakap.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, kalau kita sudah lama dalam Dewan Parlimen ini apa guna kita membawa berita suratkhbar dalam Dewan ini?

Tuan Yang Dipertua, kalau kita menyebutkan suratkhbar menyebutkan apa guna kita sebutkan dalam Dewan, mengapa sebut sendiri? Jadi kita tidak guna membawa iaitu suratkhbar ada menyebutkan perkara ini, jadi tidak guna kita mengambil petikan suratkhbar, laporan suratkhbar tak perlu di dalam perbincangan undang-undang ini. Jadi ada pihak DAP menyatakan bahawa Ahli Barisan Nasional menerima arahan supaya tidak bercakap dan menyentuh dalam Perkara 66. Ini adalah satu tuduhan yang tidak benar tetapi saya tidak tahulah kalau pihak DAP yang sentiasa menerima arahan seperti itu dan diarah pula untuk menentang apa sahaja undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan.

Saya tidak tahu tetapi Barisan Nasional tidak pernah menerima arahan seperti itu, perkara seperti ini selalu diarah-arahkan supaya menentang oleh pihak DAP sendiri, seperti anjing menyalak bukit. Jadi sebab itulah ditimbulkan supaya ahli-ahlinya menentang apa sahaja baik

kenyataan, baik pindaan, baik kenyataan realiti yang wujud dalam keadaan sekarang mestilah menentang tetapi Barisan Nasional tidak pernah diarahkan supaya tidak bercakap dan kemungkinan arahan seperti itu oleh kerana perkara ini merupakan pengalaman orang-orang tertentu ataupun puak-puak tertentu maka perkara ini merupakan pengalaman dan dituduhkan puak-puak lain oleh kerana dia membuat perkara ini dan dianggap kepada golongan lain membuat perkara ini. Dengan sebab itulah ditimbulkan dalam Dewan ini bahawa pihak kita menerima arahan, cuma orang-orang yang pernah melakukan sesuatu itulah menuduh orang lain juga membuat seperti itu. Jadi kalau sekiranya pengalaman yang berlaku atas diri kita jangan cuba hendak tuduhkan pengalaman itu kepada orang lain atau pemimpin lain.

Tuan Yang Dipertua, kami Ahli-ahli Barisan Nasional sebenarnya cukup matang dan kami boleh berfikir sendiri baik atau buruk sesuatu itu dan juga kami cukup matang untuk melihat silap mata yang dimainkan oleh Wakil daripada DAP khususnya Wakil daripada Kota Melaka yang semalam telah menuduhkan bahawa kita ini bermain wayang kulit. Jadi kalau bermain wayang kulit tak apa, kita tahu benda itu dibuat daripada belulang kering daripada kulit dan kita tahu ada orang yang memainkan tetapi kalau bermain silap mata dalam Dewan Silap itu ertinya menipu-menipu mata. Jadi kalau kita bermain silap mata di dalam Dewan ertinya kita telah melindungi sesuatu daripada kenyataan. Tuan Yang Dipertua, janganlah di dalam Dewan ini kita cuba hendak mengajar itik berenang atau cuba hendak mengajar anak harimau makan daging.

Perkara ini adalah merupakan suatu yang kita telah tahu permainan pihak tertentu tetapi bagi pihak kita, kita tidak pernah bermain silap mata di dalam Dewan ini bahkan juga kita tidak pernah bermain apa silap mata

untuk sesuatu tujuan atau kepentingan sebagaimana yang dilakukan oleh pihak Pembangkang sendiri. Jadi perbuatan silap mata dan menipu itu adalah merupakan satu perkara yang buruk dan padah, apa yang dicakapkan tidak mempunyai satu maksud dan tujuan melainkan tujuan yang tidak baik, mungkin adalah tujuannya boleh memecahbelahkan perpaduan kepada kita semua. Pindaan kepada Perkara 66 adalah dengan tujuan yang baik adalah untuk melancarkan pentadbiran negara dan ini adalah menyerupai dengan amalan bersih, cekap dan amanah. Sekiranya terdapat sesuatu halangan yang boleh menimbulkan keadaan yang tidak dapat dielakkan, pembangunan untuk rakyat adalah lebih penting dan lebih diutamakan, maka segala urusan itu akan berjalan dengan baik. Jika sekiranya keadaan berlaku ini adalah tidak mengizinkan pihak Yang di-Pertuan Agong untuk menandatangani sesuatu undang-undang yang kita luluskan di dalam Parlimen ini dan sebagaimana yang beberapa kali diulang-ulangkan bahawa Dewan Negara merupakan rubber stamp, apakah Parlimen ini juga akan menjadi rubber stamp kalau sekiranya undang-undang ini tidak dipindahkan? Tetapi sebenarnya pindaan kepada Perkara 66 dan juga Jadual 8 boleh melahirkan satu arah demokrasi yang lebih baik dan juga merupakan satu demokrasi Parlimen yang tulen dan juga pertimbangan buruk atau baik di dalam sesuatu undang-undang itu diserahkan bulat-bulat kepada kita Ahli Parlimen di sini. Kita rasa Ahli Parlimen yang ada di sini bukan semuanya tidak waras ataupun tidak cerdik tetapi sekiranya Ahli Parlimen di sini tidak waras dan tidak cerdik tentulah akan menerima akibat yang buruk. Tetapi jangan DAP bimbang, tak mungkin dalam senarai 154 orang yang ada di sini semua tak siaman, di dalam 154 orang ini semua serupa dengan DAP untuk memutuskan sesuatu undang-undang atau peraturan-peraturan yang tidak baik atau yang boleh menjahanamkan negara ini.

Tuan Yang Dipertua, kita tidak mengharap atau memikirkan sesuatu itu kepada perkara-perkara yang buruk atau perkara-perkara yang negatif. Apabila kita membincangkan undang-undang seperti ini, kita akan mengkaji sesuatu itu ke arah yang baik, kalau kita mengkaji kemungkinan-kemungkinan atau kalau kita mengkaji keburukan-keburukan sudah tentulah sesuatu kerja kita tidak akan dapat dilaksanakan terutama di dalam pembentukan undang-undang seperti ini dan kita tahu bahawa pembentukan undang-undang seperti ini adalah penting oleh kerana kita meneliti di dalam Dewan ini dan di dalam Parlimen serta kepercayaan di antara satu puak dengan satu puak atau satu golongan adalah penting, dengan sebab itulah pindaan ini dilakukan demi untuk kepentingan dan kebaikan pentadbiran kita dan juga untuk pentadbiran rakyat dalam negara ini.

Selain daripada itu saya akan menyentuh Perkara 150:

“Memberi kuasa kepada Perdana Menteri dan menasihati Kabinetnya bahawa Perdana Menteri boleh menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya, dan bertanggungjawab sebagai Ketua Eksekutif Perdana Menteri mengetahui segala apa yang berlaku di dalam wilayah yang ditadbirkannya”.

Jadi merupakan orang yang menjalankan kerja dan bertanggungjawab kepada negara ini, orang yang menanggung beban dan mereka jugalah merupakan orang yang mengetahui segala masalah negara, orang yang benar-benar rapat dan dekat dengan masalah rakyat dan masalah negara, juga mengatasi segala masalah yang timbul. Maka sepatutnya Perkara 150 memberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dengan sewajarnya, Yang di-Pertuan Agong hendaklah kemudiannya mengeluarkan satu perisytiharan darurat.

Kalau kita mengetahui sedalam-dalamnya, kalau kita melihat kepada peruntukan-peruntukan yang lain, saya akan sebutkan kemudian, bahawa pindaan ini tidak lari daripada Undang-undang Perlembagaan yang wujud di dalam Perlembagaan yang ada ini. Pindaan ini adalah wajar sekali dan tidak merupakan satu perkara baru ataupun perubahan dasar yang penting, yang hendak dibesar-besarkan atau ditimbulkan oleh pihak Pembangkang, cuma siapa menasihati siapa, itu sahaja. Tetapi nasihat-menasihati ini adalah satu perkara biasa dalam pentadbiran, jadi di dalam perisytiharaan darurat ini hanya Yang di-Pertuan Agong menasihati Perdana Menteri di dalam undang-undang asal. Tetapi di dalam urusan-urusan lain, misalnya dalam urusan pentadbiran negara, di dalam Perkara 40 Perlembagaan:

“Bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat Jumaah Menteri. . . . .”

dan juga di dalam Perkara 43:

“Dengan perlantikan Perdana Menteri ini jugalah untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong”.

Jadi kalau Yang di-Pertuan Agong melantik orang yang difikirkannya menasabah untuk jadi Perdana Menteri bukan dilantik daripada DAP, kalau dilantik daripada Barisan Nasional yang difikir menasabah dan Jumaah-jumaahnya Menteri yang baik, yang ada di sini, yang boleh berfikir dengan baik dan waras dilantik sebagai penasihatnya—orang ini yang dilantik. Jadi dalam pentadbiran negara, Perdana Menteri dan Jumaah Menteri ini menasihati Yang di-Pertuan Agong, jadi mengapa di dalam darurat ini mesti Yang di-Pertuan Agong menasihati Perdana Menteri, cuma kita kembali kepada asal dan oleh sebab itulah kalau Perdana Menteri menasihati Yang di-Pertuan Agong, adalah tidak salah dan

perkara ini adalah merupakan perkara biasa dan merupakan perkara yang tidak merupakan satu perkara perubahan sistem atau perubahan dasar yang mesti kita gembargemburkan, bahawa ini adalah satu perkara besar, perkara tertentu yang patut kita lakukan.

Tuan Yang Dipertua, bahawa tidak ada salah kalau sekiranya kita bimbang bahawa perubahan Perkara 150 takut disalahgunakan kuasa. Saya rasa setakat Perdana Menteri ini, bahawa penyalahgunaan kuasa tidak pernah timbul, cuma dituduh menyalahgunakan kuasa, kalau tuduhan ini sampai kiamat pun DAP akan menuduh Kerajaan kita menyalahgunakan kuasa. Walau sebaik mana undang-undang yang dibentuk sekalipun ia akan menuduh kita menyalahgunakan kuasa. ini adalah tabiat orang memandang kepada sesuatu itu kepada negatif, tidak memikirkan sesuatu itu kepada manfaat dan kebaikan. Tetapi memikirkan sesuatu itu kepada keburukan dan kejahatan. Inilah keadaan-keadaan yang boleh kita anggapkan sesuatu sifat yang kita tidak kehendaki.

Tuan Yang Dipertua, di dalam memberi kuasa kepada Perdana Menteri ini juga, saya rasa adalah wajar sekali kerana untuk mengetahui bahawa perisytiharan darurat ini adalah penting hanya orang yang mengetahui keadaan seperti ini ialah Perdana Menteri dan menasihati sebagai satu perkara biasa kepada Perdana Menteri, kepada orang yang melantiknya, jadi ini tidak timbul di dalam masalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang supaya menimbulkan perasaan kita semalam.

Tuan Yang Dipertua, dalam negara kita ini orang yang waras lebih ramai daripada orang yang gila dan adalah amat sedikit orang yang gila kalau dibandingkan, dan kalau gila atau

kurang waras itu sudah tentulah kelayakan untuk menjadi Ahli Parlimen ini akan hilang dengan sendirinya. Ini adalah di dalam Perlembagaan, lebih-lebih kalau ianya seorang Menteri Kabinet langsung tidak terdiri daripada orang yang tidak waras. Selagi Ahli-ahli Kabinet atau Perdana Menteri ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sekarang, tidak usahlah kita takut kepada penyalahgunaan kuasa atau bertindak mengikut nafsu, sebagaimana yang ditakutkan sangat oleh pihak DAP.

Saya tidak tahulah kalau satu masa negara ini telah berubah tangan kepada DAP, kemungkinan penyalahgunaan kuasa ini akan timbul. Ini telah terbukti di dalam pilihanraya. Dia sangat takut kalau saya menyebutkan perkara ini, dia sangat takut apa yang berlaku pada 13hb Mei, 1969. Ini bukan kerana apa, ini adalah kerana terbayangnya gambaran bahawa majoriti Pembangkang akan melebihi majoriti pihak Kerajaan yang memerintah pada masa itu, baru hendak sama, lebih pun seorang. Apa yang berlaku?

**Tuan Yang Dipertua:** Saya rasa yang itu tidak bersangkutan apa yang sedang dibincangkan sekarang. Saya minta Yang Berhormat bercakap di atas tajuk.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Ya, terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Jadi saya membuktikan bahawa inilah merupakan suatu bukti yang kita tidak menyalahgunakan kuasa bahawa apa yang berlaku itu merupakan sesuatu patut kita kenangkan. Selagi adanya pemimpin yang kita ada sekarang ini, saya rasa kita tidak akan takut kepada perkara yang seperti itu.

Selain daripada itu saya ingin menyentuh Fasal 1 dalam Rang Undang-undang ini yang menyatakan:

“1. Akta ini bolehklah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983

dan hendaklah mula berkuat-kuasa pada tarikh berikutan dengan tarikh tersiarnya Akta ini dalam *Warta* kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini.”

Jadi kalau kita baca di sini bahawa undang-undang yang kita bincang sekarang ini pun kalau tidak dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong sudah tentu undang-undang ini tidak dapat diluluskan, jadi apa kita takut menimbulkan perkara ini sangat? Kalau undang-undang diluluskan kemudian sudah tentu Yang di-Pertuan Agong akan menyetujui pindaan yang kita buat ini demi untuk memberi kepercayaan yang lebih di antara rakyat dan hubungan rakyat dengan kumpulan Raja atau dengan pemerintah iaitu Yang di-Pertuan Agong. Kalau kita baca di sini saya rasa undang-undang yang kita bincang ini kerana kita sekarang masih menggunakan undang-undang yang lama, sebelum undang-undang ini diwartakan kita masih menggunakan undang-undang lama. Tetapi kalau sekiranya ini tidak disetujui oleh Yang di-Pertuan Agong sudah tentu undang-undang ini tidak dapat dijalankan dan dilaksanakan. Apa yang kita takut? Kalau Yang di-Pertuan Agong tidak setuju tidak apalah, kita tidak jalankan dengan Akta yang ada sekarang ini. Kalau kita baca baik-baik tidak payahlah kita timbulkan takut itu, takut ini.

Sebenarnya di dalam sejarah perjuangan bahawa UMNO telah mendaulatkan Raja-raja yang ada di negara ini, telah memerdekakan negara ini dan telah meletakkan Raja-raja di tempat yang sepatutnya. Kalau sekiranya UMNO membuat sesuatu yang silap bahawa benda itu tidak mungkin akan berlaku. UMNO tidak akan melakukan sesuatu kesilapan kerana UMNO telah memperjuangkan benda ini semenjak tahun 1946 timbulnya Malayan Union dan segala-galanya. Jadi, jangan bimbang,

jangan menimbulkan kekeuhan di dalam suasana yang ada, bahawa perbincangan kita kepada Akta ini akan tidak berguna kalau sekiranya kita berniat atau bertujuan yang tidak baik untuk menimbulkan kekeuhan tetapi sebaliknya kita bincanglah untuk kepentingan kita bersama dan juga bahawa UMNO dalam sejarahnya merupakan satu sejarah yang gemilang di dalam meletakkan kedaulatan Raja-raja dan kedaulatan negara ini. Tidak sepatutnya perkara ini hendak dibangkit-bangkitkan sebagai sesuatu yang akan berlaku. Tuduhan seperti ini adalah tuduhan yang tidak berasas.

Selain daripada itu saya menyentuh juga Perkara 46 penambahan kerusi Parlimen dan juga sempadan pilihanraya. Kalau kita ikut pendapat daripada pihak-pihak yang tertentu terutama daripada Pembangkang bahawa Suruhanjaya Pilihanraya ini tidak dapat buat kerja apa-apa. Kalau Wilayah Persekutuan ditambah 5 dia minta 7 atau 9 kerana katanya ramai dan pula mereka ini telah pun angan-angan bahawa akan menambah dalam pilihanraya yang akan datang daripada 6 bolehlah kita hendak tambah 4 lagi, jadi 10—angan-angannya sahaja, kalau sekiranya MCA dengan Gerakan tidak kuat tetapi walau macammanapun itu angan-angan sahaja. Kalau orang beri daripada 5 tambah 7, mereka minta 9 pula, ada yang minta 10, 20 pun ada yang hendak minta ini, dia mengikut keramaian katanya. Tetapi kita kena ingat bahawa di dalam Dewan ini banyak kita dengar cadangan-cadangan, misalnya ada cadangan minta supaya ditambahkan di Pulau Pinang, di Ipoh dan semuanya dianggarkan bahawa tempat itu boleh menambahkan kerusi Pembangkang dan juga kadang-kadang dia berdasarkan bilangan pengundi atau bilangan penduduk dan ada setengahnya berdasarkan bilangan kaum—dia beri 60, 30, 10 dan ada pula kiraan peratus-peratus ini, peratus itu. Jadi,

berbagai-bagai cadangan yang diberi tetapi cadangan-cadangan itu adalah merupakan kadang-kadang seperti “telunjuk lurus, kelingking berkait” pun ada, ataupun cadangan yang merupakan “pepat di luar, rencong di dalam”, ada maksud-maksud di sebaliknya.

Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah berhati-hati di dalam menerima cadangan-cadangan itu. Cuma bagi saya, saya tidak tahu apakah dasar penambahan yang dilakukan oleh Suruhanjaya ini, adakah berdasarkan keluasan kawasan ataupun berdasarkan keramaian pengundi. Tetapi walau macammanapun saya hendak beri contoh, kalau kita menjaga 100 ekor kerbau di dalam kandang yang sempit adalah lebih senang kita memberi pengawasan, untuk memberi perkhidmatan dan juga memeliharanya daripada 10 ekor kerbau yang kita lepas di kawasan yang luas. Kalau babi di dalam kandang 100 ekor senang kita kawal tetapi kalau babi di luar kawasan susah kita hendak kawal. Inilah maksudnya kalaulah 100,000 orang berada dalam bandar kalau kita banding dengan 10,000 orang rakyat yang berada di luar bandar; kalau 100,000 orang yang berada dalam bandar itu majoritinya orang-orang yang tahu membaca, orang yang pandai, orang yang cerdik, katakanlah orang yang hidup senang, mereka ini tidak bergantung lagi kepada Kerajaan. Kemudahan asasnya penuh, api elektriknya, jalannya tidak payah minta, kerajaan sudah isikan dan juga banyak perkara-perkara kemudahan dan juga di dalam bandar tidak banyak kepentingan-kepentingan diri macam minta tolong hantarkan bini hendak beranak, Tuan Yang Dipertua, minta maaf; minta tolong isikan form anaknya hendak minta biasiswa, minta tolong Yang Berhormat minta bayar hasil. Dalam bandar merupakan kepentingan-kepentingan peribadi sangat kurang dan juga kita bandingkan keselisannya, kemudahan

hospitalnya, kenderaannya tidak payah Yang Berhormat tetapi perkara ini kalau di luar bandar, jaga! ceritanya banyak, seperti orang-orang yang miskin dan juga banyak yang buta huruf, kemudahan asasnya seperti elektrik, jalan, air—3 perkara ini sudah cukup untuk memeningkan kepala, belum lagi memerintah tanah haram. Inilah, bagi dalam bandar tidak ada masalah.

Dengan sebab itulah kepentingan kawasan, pembahagian bagi kawasan luar bandar adalah lebih penting walaupun 5,000 orang adalah lebih penting ditambahkan kawasannya supaya keadaan perkhidmatan Wakil Rakyatnya adalah lebih penting kepada rakyat dan kalau di luar bandar kita tengok pula Wakil Rakyatnya biarlah kalau kita kata Wakil Rakyat jadi D.O. pun sedap juga tetapi yang sedap jadi buruh S.O. pun ada, Wakil Rakyat jadi D.O., pun ada, Wakil Rakyat jadi buruh S.O., kadang-kadang Wakil Rakyat jadi Tok Hakim, kadang-kadang Wakil Rakyat jadi Tok Kadi fasal perceraian berlaku jumpa Wakil Rakyat dan juga Wakil Rakyat jadi Pejabat Kadi, mengadu kerana suami tidak balik pun ada; Wakil Rakyat juga jadi engineer kadang-kadang; kadang-kadang jadi buruh JKR, kadang-kadang jadi pegawai polis, jadi pegawai haiwan, pegawai buruh, pejabat pendaftaran minta kerja dan pegawai kebajikan pun ada, hendak baiki atap anak hendak kahwin, hendak beli lembu kerana hendak kenduri, anak hendak sekolah tidak ada duit—ini pegawai kebajikan dan itu yang besar sebab pegawai D.O., Tok Hakim, engineer kadang-kadang jadi driver pun ada, bawa ke rumah sakit, jadi driver ambulan pun ada, bawa pergi ke hospital kadang-kadang macam prebet sapu, kadang-kadang Wakil Rakyat jadi macam petition writer pun ada. Kalau 100,000 itu duduk di luar bandar sudah tentulah tidak akan dapat melaksanakan perkhidmatan

sebagai Wakil Rakyat yang sebenarnya kerana Wakil Rakyat adalah untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat. Jangan kita memikirkan di sana ramai mesti banyak, di sini sedikit mesti kurangkan kawasan tetapi kalau kita ramai di kawasan orang yang cerdik, kawasan orang pandai, kawasan yang ada kemudahan tidak menjadi masalah.

Bagi saya menjadi Wakil Rakyat 200,000 satu kawasan pun tidak menjadi masalah, semua orang pandai, tidak payah kita hendak tolong isi borang anak mereka hendak minta scholarship. Dan tidak payah kita hendak bawa orang itu masuk ke hospital kerana private clinic itu berlambak ada. Tetapi kalau di luar bandar sebagaimana saya katakan tadi bahawa semua jawatan yang ada di daerah itu adalah kepunyaan Wakil Rakyat. Perkhidmatan kepada yang kurang, perkhidmatan di luar bandar kerana di luar bandar orang yang memerlukan keperluan ini adalah mereka yang kurang, orang yang kurang itu adalah orang yang di luar bandar. Kalau sebut luar bandar ialah orang miskin. Kalau kita sebut miskin ini teringatlah kita ialah nelayan, peladang, tukang yang tidak bekerja, bercucuk tanam secara kecil-kecilan. Kepentingan ini adalah diutamakan dari segi menentukan kawasan dan dari segi menentukan Wakil Rakyatnya.

Kalau kita menentukan ramai dan luas kawasan, misalnya, kawasan bandar dia bangkitkan sampai 50,000-100,000 mesti tambah sepuluh. Kalau ada 10,000 dia minta tambah sepuluh Wakil Rakyat. Tetapi di luar bandar 10,000 tidak payah tambah kerana sama dengan dia, tetapi dia tidak memikirkan bahawa pentingnya perkhidmatan Wakil Rakyat untuk memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan rakyat di kawasan yang tertentu. Kalau sekiranya 5,000 sekalipun di luar bandar dengan

perhubungan dan segalanya itu akan menyulitkan keadaan.

Satu lagi kepercayaan kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Nampaknya, kita telah merdeka sudah 26 tahun lebih, masih lagi ada orang yang meragui tentang Suruhanjaya Pilihanraya ini. Ini yang saya pelik, rupa-rupanya mereka yang menang pilihanraya, baik Pembangkang sendiri, dia tidak percaya yang dia menang itu adalah dari segi keadilan Kerajaan yang memerintah, juga dari segi keadilan, juga kebebasan dan kemerdekaan Suruhanjaya Pilihanraya. Ini yang saya sedih. Sudah 26 tahun kita merdeka dan telah berulang kali Suruhanjaya Pilihanraya dan pilihanraya telah diadakan ada yang menang, ada yang kalah, ada yang 16 tinggal 6 pun ada, masih lagi mempersoalkan kebebasan dan kemerdekaan ataupun neutralnya Suruhanjaya Pilihanraya.

Kalau sekiranya tidak mempunyai kebebasan sudah tentulah Pembangkang tidak akan menang sebagaimana yang ada hari ini, mungkin akan jadi Singapura yang kedua ia itu Pembangkang tidak akan angkat muka kalau sekiranya benar-benar kebebasan yang diberi kepada Suruhanjaya Pilihanraya itu tidak diberi kebebasan oleh Kerajaan yang ada. Ini merupakan sesuatu yang kita patut ingat. Juga dibangkitkan pula sejarah Pengerusi Pilihanraya. Macam mana dalam dunia ini kita susah hendak memisahkan seseorang itu dari segi politiknya. Membangkitkan Pengerusi Suruhanjaya itu Bendahari UMNO—dibangkitkan dalam Dewan ini. Kalau dia Bendahari UMNO tidak boleh, kalau dia Bendahari DAP boleh jadi Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya? Dibangkit-bangkitkan dalam Dewan ini. Kita amatlah susah hendak mencari seorang yang tidak melibatkan diri dalam politik kerana kita hidup di dalam dunia politik sekarang ini. Kalau ini merupakan

satu hujah adalah hujah yang paling tipis yang tidak patut diterima untuk dipersoalkan kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya. Bagi saya, saya rasa Suruhanjaya Pilihanraya yang ada sekarang adalah merupakan satu pengecualiannya, kebebasan dan juga merupakan satu badan bebas yang dapat menyelenggarakan pilihanraya dalam negara ini dengan baik dan juga dengan sempurna dan memberi keadilan.

Juga di dalam kita menyatakan pembahagian kawasan ini kalau kita membincangkan soal keadilan maka semua bangun di sini menyatakan tidak adil. Mungkin dari segi sebab semua bangun menyatakan tidak adil itulah merupakan sesuatu keadilan telah wujud di dalam tanggungjawab dan tugas Suruhanjaya Pilihanraya ini bagi menentukan pentadbiran dan pemerintahan negara ini.

Dengan itu, saya rasa pihak tertentu yang membangkitkan keraguan terhadap Suruhanjaya ini merupakan sesuatu tuduhan yang tidak berasas dan tidak sepatutnya timbul lagi setelah kita berpuluh-puluh tahun merdeka.

Selain daripada itu, saya suka hendak menyebutkan tentang menentukan kawasan pilihanraya ini, ada setengah cadangan dan juga suara-suara sumbang yang kita terdengar di dalam Dewan ini minta supaya diadakan pembahagian mengikut kaum. Pembahagian mengikut kaum dan mengikut bilangan kaum ini sebenarnya sebagaimana saya katakan tadi adalah merupakan telunjuk lurus kelingking berkait dengan maksud-maksud yang ada di sebaliknya. Tetapi kita ingat bahawa selama ini yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya bahawa majoriti yang ada iaitu majoriti Melayu yang ada di dalam Dewan ini yang dibangkit-bangkitkan adalah merupakan sesuatu kestabilan yang wujud di dalam negara ini.

Kalau kita lari daripada majoriti yang ada di dalam sesuatu kawasan yang merupakan kemenangan di dalam Dewan ini, sekiranya majoriti itu tidak terletak kepada sebagaimana majoriti yang wujud sekarang ini, pergi kepada majoriti yang lain, sudah tentulah sesuatu yang buruk akan berlaku. Ini kembali kepada apa yang saya katakan tadi bahawa 13 Mei 1969 telah berlaku oleh kerana majoriti yang kita harapkan telah tidak tercapai dan kita menjaminkan bahawa majoriti yang ada sekarang dikekalkan bahawa keamanan, kestabilan di dalam negara akan terus wujud. Tetapi jika keadaan majoriti yang ada sekarang diubah, dikurangkan sudah tentu keadaan yang tidak stabil akan wujud. Contohnya 13 Mei telah berlaku, ini adalah disebabkan keadaan yang kurang di dalam penyusunan kawasan Pilihanraya menyebabkan keadaan berlaku. Permintaan mereka, wakil dari Kepong telah membangkitkan perkara ini dan telah mencerita perkara ini. Tetapi bagi saya majoriti yang sedia ada yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan juga kerusi yang akan ditambah ini merupakan sesuatu yang adil dari segi demokrasinya dan keadilannya. Demokrasi dan keadilan adalah penting dan demokrasi dan keadilan ini adalah dari kaca mata kita dan bukan dari kaca mata orang lain. Kalau kaca mata orang lain sudah tentu tidak adil tetapi dari kaca mata kita sesuatu yang kita buat itu merupakan yang adil dan merupakan satu yang demokratik.

Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan di sini dan berharap undang-undang ini akan dilaksanakan demi untuk kepentingan negara dan kepentingan rakyat serta perhubungan dengan pihak pemerintah negara ini akan bertambah baik. Sekian, terima kasih.

**Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Jasir.

4.20 ptg.

**Tuan Abdul Ghaffar bin Baba (Jasir):** Tuan Yang Dipertua, selama 30 tahun yang lalu semenjak saya berkecimpung dalam parti politik, saya telah melihat telatah dua kumpulan parti Pembangkang yang berlainan sikap terhadap Perlembagaan negara kita.

Pada tahun 1957, apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, parti Pembangkang pada waktu itu menyatakan bahawa kemerdekaan yang kita capai itu ialah kemerdekaan setengah masak. Kerana kononnya Perlembagaan Tanah Melayu yang merdeka itu dicipta oleh satu Suruhanjaya bebas yang didatangkan daripada luar negeri dan ini tidak secukup digunakan kepada sebuah negara yang kononnya telah mencapai kemerdekaan. Mereka lantas mencadangkan supaya dibuang sahaja Perlembagaan itu. Tetapi pada hari ini kita mendengar daripada satu kumpulan Pembangkang yang baru menyatakan bahawa recommendation yang dibuat oleh Reid Commission itu baik dan mereka menuduh setiap kali Kerajaan membawa pindaan bahawa Kerajaan telah bertindak dengan sewenang-wenangnya untuk mengubah Perlembagaan, kerana Perlembagaan itu satu dokumen penting dan yang mulia yang mesti dipertahankan.

Tuan Speaker, pada pendapat saya kedua-dua pandangan parti Pembangkang ini adalah salah. Parti Perikatan yang memperjuangkan kemerdekaan dahulu berkehendakkan supaya ditubuhkan satu Suruhanjaya bebas untuk membantu menggubal Perlembagaan negara kita bukanlah kerana sebab Parti Perikatan tidak mampu hendak menggubal Perlembagaan itu sendiri. Ramai pemimpin-pemimpin Parti Perikatan

yang berkebolehan untuk menggubal satu Perlembagaan bagi sebuah negara yang merdeka. Tetapi Parti Perikatan mempunyai muslihat. Muslihat yang pertama kita hendak mengikat kakitangan British supaya tidak lagi boleh berdalih untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu apabila dilantik satu Suruhanjaya bebas yang datang daripada luar negeri tambahan pula wakil-wakil yang duduk dalam Suruhanjaya itu datang daripada India dan Pakistan kedua-dua negara yang bersimpati dengan perjuangan rakyat Tanah Melayu pada waktu itu.

Yang kedua, Parti Perikatan hendak memberikan kepercayaan kepada rakyat negeri ini yang berbilang bangsa bahawa Perlembagaan itu adalah menjamin keselamatan dan memberikan penghidupan yang adil kepada semua bangsa, semua agama, bahasa dan rakyat yang duduk di Tanah Melayu sekarang ini. Walaupun begitu bukannya semua recommendation daripada Suruhanjaya Reid telah dijadikan Perlembagaan negara.

Parti Perikatan telah berjaya meminda sebahagian besar daripada recommendation itu dan kemudiannya Perlembagaan itu telah diluluskan dalam Dewan Undangan Persekutuan (Legislative Council) yang mana ahlinya terdiri majoriti dipilih oleh rakyat. Oleh kerana negara kita telah merdeka selama 25 tahun dan Perlembagaan itu adalah satu perlembagaan ciptaan manusia tidak dapat tidak mestilah ada kelemahan-kelemahannya. Dan memandangkan kepada perubahan pesat yang telah kita tempoh selama ini dalam bidang sosial, ekonomi, pelajaran dan dari segi keselamatan dan sebagainya, berkehendakkan Perlembagaan itu dipinda daripada satu masa ke satu masa.

Tuan Yang Dipertua, Parti Pembangkang juga boleh membawa pindaan kepada Perlembagaan. Kami

daripada Barisan Nasional sedia memberikan sokongan sekiranya pindaan yang didatangkan oleh Parti Pembangkang itu boleh mendatangkan faedah kepada negara. Saya sedia memberikan sokongan setiap kali Kerajaan membawa pindaan Perlembagaan, kerana setiap pindaan Perlembagaan itu semuanya adalah dengan tujuan mendatangkan faedah kepada negara.

Saya suka menyentuh ucapan yang dibuat oleh wakil dari Kota Melaka. Beliau telah naik berang seperti gajah naik minyak, kata pepatah Melayu. Kerana Ahli-ahli Barisan Nasional tidak mahu membincangkan Perkara 66 dan 150. Di mana ada kuasa Parti Pembangkang memaksa orang lain untuk bercakap atas satu perkara yang mereka tidak mahu berbuat begitu (*Tepuk*). Mereka menuduh kita sebagai diktator. Siapakah yang sebenarnya diktator di dalam perkara ini?

Tuan Yang Dipertua, Barisan Nasional tidak mahu menyentuh Perkara 66 dan 150 itu kerana perkara itu satu perkara yang mudah difaham. Siapa pun yang membaca dalam tempoh yang singkat boleh memahaminya. Tujuannya sangat baik dan berfaedah kepada kita dan oleh sebab itu wakil-wakil daripada Barisan Nasional tidak perlu hendak membuang masa Dewan yang mulia ini membincangkan perkara yang telah cukup difahami. Tidak guna kita hendak bersuluh di bulan terang lagi. Oleh kerana wakil dari Kota Melaka membangkitkan soal itu maka terpaksa saya sebagai Wakil Barisan Nasional untuk bercakap. Jika tidak, saya sendiri pun tidak mahu bercakap atas perkara itu. Dan sesudah saya bercakap atas perkara ini, apakah lagi tuduhan yang hendak dilemparkan oleh Wakil DAP kepada Barisan Nasional kerana tidak mahu bercakap atas perkara itu, kononnya Barisan Nasional takut ataupun ada sekatan daripada pucuk pimpinan.

Tuan Yang Dipertua, tidak ada siapa manusia dalam Malaysia yang mahu percaya bahawa DAP lebih mempunyai semangat dan kemahuan hendak mempertahankan kedudukan Raja-raja lebih daripada parti Barisan Nasional (*Tepuk*). Seperti kata sahabat saya yang baru bercakap sebentar tadi, siapakah yang sebenarnya telah mendaulatkan Raja-raja kita? Kalau kita surut kembali memandang sejarah sejenak ke belakang, apabila Malayan Union merampas kuasa Raja-raja, Parti Perikatanlah yang telah bertindak walaupun pada mulanya kita bertindak secara aman dan damai tetapi kita berazam akan berjuang seperti rakyat Indonesia, seperti rakyat Vietnam atau seperti rakyat Algeria sekalipun pertumpahan darah untuk menebus kembali kedaulatan kita dan termasuk kedaulatan Raja-raja kita (*Tepuk*). Akhirnya, Raja-raja kita telah dikembalikan di atas takhta Kerajaannya apabila Malayan Union telah ditubuhkan. Dan apabila diadakan rundingan untuk mencapai kemerdekaan di London, Parti Perikatan bersetuju dengan sepenuhnya supaya wakil Raja-raja Melayu juga dibawa bersama-sama untuk menghormati dan untuk mengekalkan kedudukan Raja-raja Melayu kita.

Tuan Yang Dipertua, tujuan pindaan Perlembagaan ini dibuat seperti kata sahabat-sahabat saya yang lain ialah untuk melicinkan pentadbiran negara dan sama sekali tidak merosakkan kedaulatan Raja-Raja Melayu kita. Walau berapa banyak sekalipun ancaman ataupun tohmah yang dibuat oleh pihak-pihak yang hendak memecah belahkan rakyat dengan Raja, saya yakin Duli Yang Maha Mulia Raja-raja kita menyedari atas niat baik yang dibawa oleh Parti Barisan Nasional. Wakil dari Kota Melaka telah membacakan Perlembagaan yang menyatakan

bahawa Timbalan Yang di-Pertuan Agong boleh mengambil tempat Yang di-Pertuan Agong dengan kuasa-kuasa yang sama untuk menandatangani Bil-bil yang telah diluluskan oleh Parlimen.

Tuan Yang Dipertua, untuk menggantikan Yang di-Pertuan Agong dengan Timbalan Yang di-Pertuan Agong dengan serta-merta untuk menandatangani bil-bil itu bukanlah itu perkara yang senang dan mungkin akan menimbulkan satu masalah baharu pula di antara Yang di-Pertuan Agong dengan Timbalannya. Maka dengan sebab itu tidaklah ada jalan lain lagi untuk melicinkan pentadbiran negara maka pindaan kepada perkara 150 itu terpaksa diwujudkan.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya katakan di sini tidak ada siapapun yang boleh memisahkan perhubungan baik dan taat setia yang tidak berbelah-bahagi di antara Raja-raja Melayu dengan pengikut-pengikut Barisan Nasional.

Begitu juga dalam Perkara 150 berkenaan dengan pengisytiharan darurat. Pada masa yang lalu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan sendirinya membuat keputusan tetapi pindaan ini dikehendaki ataupun kuasa diberi kepada Perdana Menteri untuk menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada fikiran saya ini adalah dengan tujuan hendak meringankan beban yang dipikul oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kerana jika berlaku sesuatu kesilapan di atas perisytiharan itu maka tidaklah kesalahan itu tertanggung kepada Duli Yang Maha Mulia seorang sahaja, ianya tertanggung sama di atas bahu Perdana Menteri dan Perdana Menteri biasanya bertindak adalah dengan nasihat Jemaah Menteri dan kadangkala dengan nasihat Dewan Rakyat ataupun daripada parti yang dipimpinnya sendiri. Ini bermakna ramai rakyat yang tertanggungjawab sebelum mengisytiharkan satu-satu undang-undang darurat.

Wakil daripada DAP juga mengatakan bahawa 4 undang-undang darurat telah diisytiharkan di Malaysia semuanya dengan tujuan hendak mengekalkan kedudukan parti Perikatan dan Barisan Nasional. Satu daripada contohnya ialah darurat yang diisytiharkan di negeri Kelantan.

Tuan Yang Dipertua, darurat yang diisytiharkan di negeri Kelantan itu telah pun banyak dibincangkan pada waktu itu tetapi oleh kerana perkara ini dibangkitkan semula oleh parti Pembangkang maka perlulah ianya jawab supaya tidak mengelirukan rakyat yang membaca ucapan beliau itu. Apabila berlaku pergaduhan di antara dua puak di negeri Kelantan itu maka Kerajaan Pusat mendapati keadaan itu jika tidak dikawal menjadi bahaya besar, Kerajaan Pusat pucuk pimpinan Barisan Nasional pada waktu itu telahpun memberitahu kepada parti PAS iaitu darurat itu hanya untuk sementara sahaja. Dan apabila rakyat telah tenang kembali, darurat akan dimansuhkan dan parti PAS bolehlah menyambung semula memerintah negeri Kelantan. Pucuk pimpinan Barisan Nasional telah memberi tahu dengan terang, kepada pucuk pimpinan parti PAS. Mereka akan dibenarkan semula menyambung perkhidmatan memerintah negeri Kelantan apabila darurat ditamatkan. Tidak ada niat UMNO hendak merampas kuasa daripada parti Komponen Barisan yang menjadi sahabat kepada UMNO pada waktu itu. UMNO adalah sebuah parti yang jujur tidak mahu menipu rakan. Tetapi malangnya, parti PAS tidak mahu mendengar nasihat itu dan telah keluar daripada Kerajaan. Malangnya, apabila darurat telah tamat Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan berpendapat keadaan yang tidak stabil telah wujud di negeri itu dan jalan keluar yang sebaik-baiknya ialah mengadakan satu pilihanraya baharu. Maka parti Barisan Nasional sudah pasti mengambil bahagian dan rakyat telah menyokong parti Barisan Nasional. Tujuan saya membawa perkara ini ialah untuk menolak . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk penjelasan. Apabila saya menyentuh. . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, (*kepada Tuan Lim Kit Siang*)—sila hadapkan ucapan itu kepada Tuan Yang Dipertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Apabila semalam saya menyentuh dengan 4 pengisytiharan darurat termasuk pengisytiharan darurat di Kelantan, saya ada menyebutkan bahawa sungguhpun keadaan-keadaan yang menyebabkan pengisytiharan darurat sama ada wajar atau tidak wajar, itulah hal, sungguhpun keadaan-keadaan yang menyebabkan pengisytiharan darurat sudah lepas, pengisytiharan darurat belum dimansuhkan atau dibatalkan termasuk pengisytiharan darurat ordinan-ordinan yang ada dibuat di bawah pengisytiharan itu semuanya masih dikuatkuasakan. Itulah point yang saya gunakan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat minta teruskan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak tahu apa point yang dikeluarkan tetapi apa yang saya dengar yang disebutkan itu ialah satu putar-belit baharu. Semalam wakil ini terang-terang mengatakan bahawa darurat diadakan di negeri Sarawak hendak menjatuhkan Kalong Ningkan dan darurat diadakan di negeri Kelantan kerana parti UMNO hendak rampas kuasa di negeri itu. Ini terang yang diucapkannya semalam dalam Dewan ini, dan hari ini beliau hendak beralih setelah saya beri keterangan yang jelas dalam perkara ini (*Tepuk*).

Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan kawasan pilihanraya, wakil dari Kepong yang pertama sekali menyebut berulang-ulang kali dengan suara yang lantang mengatakan bahawa Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya yang lalu, Tan Sri Ahmad Perang adalah Bendahari UMNO. Boleh jadi beliau menjadi Bendahari UMNO pada waktu itu dan sepatutnya wakil ini mengucapkan terima kasih kerana beliau ini telah

mengambil bahagian mencapai kemerdekaan menyebabkan wakil Kepong dapat duduk dalam Dewan yang mulia ini (*Tepuk*). Apabila seseorang itu dilantik memegang sesuatu jawatan yang bebas maka ianya tidak boleh lagi aktif dalam politik. Bagaimana pula halnya dengan Suruhanjaya Pilihanraya yang ada sekarang, ianya seorang yang tidak dimiliki oleh mana-mana parti politik. Jika benar tuduhan wakil dari Kepong mengatakan UMNO melantik seorang ahli UMNO, orang kuat parti menjadi ahli dan Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya apa sebab UMNO tidak mahu melantik Pengerusi yang ada sekarang juga terdiri daripada orang ahli UMNO. Ada ratusan orang ahli-ahli UMNO sekarang ini yang layak menjadi Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya. Tetapi mengapa ianya terdiri daripada seorang yang tidak berparti. Ini menunjukkan bahawa pemilihan Tan Sri Ahmad Perang itu hanya secara kebetulan sahaja. Dan apabila didapati seorang yang tidak berparti layak memegang jawatan itu, kami tidak ragu-ragu memberikan sokongan kepada orang yang seperti itu menjadi Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya. Kalah menang sesebuah parti dalam pilihanraya tidak bergantung kepada Pengerusi/Suruhanjaya Pilihanraya. Ianya bergantung kepada dasar parti itu sendiri. Oleh kerana parti DAP kalah maka mereka cari jalan menyalahkan orang lain dan seorang daripadanya ialah Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya.

Wakil-wakil Barisan Nasional daripada luar bandar telah banyak menyebutkan kesusahan dan kesulitan yang dialami oleh mereka itu dalam menunaikan tanggungjawab sebagai Wakil Rakyat di kawasan luar bandar, terutama sekali di Sabah, di Sarawak dan ulu-ulu negeri Terengganu dan Kelantan, kerana kawasannya ter-sangat luas dan infrastrukturnya tidak cukup. Jika sekiranya di Kuala Lumpur dalam tempoh 4 jam wakil Kuala Lumpur Bandar boleh mengilingi kawasan bandar ini dengan senang, tetapi di kawasan luar bandar

mengambil masa satu bulan untuk berjalan melawat satu kawasan. Saya bersimpati dengan nasib Wakil-wakil yang duduk di luar bandar, elau yang diperolehi sebanyak \$3,000 sebulan itu terpaksa ditambah lagi dengan wang poket sendiri untuk menjalankan tugas masing-masing.

Apa yang mendukacitakan saya apabila Wakil dari Kepong mengatakan bahawa hendak dibanyakkan kerusi di kawasan luar bandar untuk orang Melayu dan sedikit untuk orang Cina dalam bandar. Parti ini terang-terang menaikkan semangat perkauman, satu semangat yang sangat bahaya. Saya sekali lagi menyeru kepada parti ini supaya berfikir panjang, tuan-tuan semua mengakui terdiri daripada orang cerdik pandai, terdiri daripada ahli-ahli profesional, tetapi sayang kebijaksanaan dan kecerdikan pelajaran yang ada kepada tuan-tuan itu digunakan kepada jalan yang salah, bukan dengan tujuan hendak menyelamatkan negara. Kita tidak mahu hendak menyebut banyak perkara masalah perkauman, kita mahu menyebut masalah perpaduan dalam negara ini dan bukan perpecahan.

Wakil dari Kepong mengatakan susah hendak mengawal 100,000 orang pengundi di kawasan Kepong, Kuala Lumpur Bandar, Petaling dan sebagainya apabila dibandingkan dengan pengundi-pengundi di luar bandar 4 kali ganda lebih kecil daripada jumlah pengundi dalam bandar. Ini menunjukkan pengundi di luar bandar itu senang kerana jumlahnya tidak ramai.

Di sini saya mengesyorkan supaya Wakil dari Kepong atau semua Wakil DAP jangan lagi bertanding dalam kawasan-kawasan bandar kerana susah, jemputlah pergi bertanding di tempat yang senang (*Tepuk*). Tidak ada satu undang-undang atau peraturan yang mengatakan Wakil dari Kepong tidak boleh bertanding di Ulu Kelantan ataupun di mana-mana

lagi kawasan yang terpencil, tetapi apa sebab mereka, tidak mahu pergi? Mereka tidak mahu pergi kerana mereka sedar mereka akan kehilangan wang pertaruhan (*Tepuk*). Kalau ini berlaku jangan salahkan Barisan Nasional, itu adalah kesalahan di atas dasar parti tuan-tuan yang tidak boleh diterima oleh orang-orang luar bandar, Jika tuan-tuan mahu parti tuan-tuan diterima oleh orang luar bandar, maka hendaklah dasar parti tuan-tuan itu dipinda. Bagi pihak parti Barisan Nasional, kami boleh bertanding dalam semua kawasan yang ada dalam negeri kita, sama ada di luar bandar atau juga dalam bandar. Contohnya sangat terang dalam pilihanraya yang baru lalu Damansara, Ipoh, Menglembu, yang dulu semuanya kubu-kubu kuat parti Pembangkang tetapi telah berubah menyokong Barisan Nasional. Jadi bukanlah DAP sahaja yang menanggung kesusahan kerana mempunyai banyak pengundi dalam kawasan itu, ahli-ahli Barisan Nasional seperti di Ipoh, Menglembu, Damansara juga mempunyai pengundi-pengundi yang sama banyaknya. Dan kalau difikirkan payah hendak menjadi Wakil Rakyat kerana terlampau banyak pengundi jangan masuk bertanding sama sekali (*Tepuk*).

Tuan Yang Dipertua, walaupun pada hari ini penduduk-penduduk daripada bangsa Tionghua, Cina ramai di bandar dan penduduk Melayu Bumiputera banyak di luar bandar tetapi penghijrahan rakyat tidak ada sekatan, bukan seperti negara komunis di mana pemindahan rakyat mesti dapat kebenaran daripada pemerintah lebih dahulu. Di Malaysia kita mengamalkan dasar bebas, setiap orang rakyat boleh berpindah dari satu tempat ke satu tempat dengan tidak payah berdaftar, dengan tidak payah minta kebenaran daripada Kerajaan.

Dalam Tempoh 25 tahun yang lalu kita dapat melihat perubahan itu telah berlaku. Penduduk-penduduk luar bandar

telah bertambah ramai masuk ke Ibukota Kuala Lumpur, iaitu orang-orang Melayu dan kedatangan juga orang-orang Cina dalam bandar yang berhijrah ke luar bandar membuka tanah-tanah, menjalankan perniagaan dalam pekan-pekan kecil. Mungkin dalam tempoh 50 tahun yang akan datang bahawa jumlah penduduk-penduduk sudah seimbang di antara penduduk luar bandar dengan penduduk dalam bandar mengikut suku-suku kaum, ini ada kemungkinan. Tidak mesti orang-orang Melayu selamanya duduk di luar bandar, mereka juga ingin berhijrah ke dalam bandar untuk mendapat nikmat yang serupa seperti yang didapati oleh rakan-rakan kita yang duduk dalam bandar, mungkin orang-orang Cina dalam bandar juga ingin berhijrah ke dalam bandar bandar kerana tertarik hati dengan soal pertanian dan peniaga-peniaga kecil. Oleh itu tidak timbul sama sekali hujah tuduhan yang mengatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya membuat pindaan baru atas kawasan itu semata-mata berdasarkan kepada orang Melayu duduk di luar bandar dan orang Cina duduk dalam bandar. Kami tidak pernah memikirkan masalah ini tetapi di dalam kepala parti Pembangkang DAP perkara perkauman inilah yang sentiasa wujud. Inilah yang menyebabkan kekecohan akan berlaku, seperti kata sahabat saya tadi kejadian yang berlaku dalam tahun 1969 dahulu.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi saya hendak sebutkan pada keseluruhannya Perlembagaan Negara kita memberikan kebebasan kepada setiap orang rakyat negara ini mengikut undang-undang. Baru-baru ini atau minggu yang lepas seorang daripada Wakil Rakyat DAP telah membidas Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional kerana meninggalkan Dewan, tidak mahu mendengar Ucapan Penangguhan yang dibuat oleh mereka itu. Kita semua mengamalkan kebebasan, kami bebas duduk dalam

Dewan ini dan kami bebas keluar. Saya berharap mereka menghormati kebebasan ini dan menikmati kebebasan itu bersama-sama, tetapi sebaliknya mereka hendak memaksakan ahli-ahli yang lain mesti duduk dan dengar ucapan mereka ini. Mereka menuduh kita "autocracy", tetapi dalam perkara ini yang sebenar mereka yang mahu bersikap seperti itu.

Tuan Yang Dipertua, kami sanggup duduk dalam Dewan ini untuk mendengar ucapan mereka kalau ucapan itu boleh mendatangkan faedah kepada kita sekalian, tetapi selama yang kita telah dengar ucapan mereka selama ini tidak ada lain lagi hanya menimbulkan semangat perkauman dan mereka paksa kita dengar ucapan mereka itu. Kami tidak mahu bersubahat untuk mendengar ucapan-ucapan yang seperti itu (*Tepuk*). Kalau Wakil-wakil itu mahu berucap menggunakan akal fikiran yang sempurna, menyebut perkara-perkara yang baik, membuat cadangan-cadangan yang memberi faedah, tentu kami semua suka hendak mendengarnya. Dan apabila Wakil daripada Barisan Nasional berucap, kami tidak pernah paksa DAP mesti duduk dan dengar. Tuan-tuan boleh duduk, tuan-tuan boleh keluar bahkan menjadi tabiat Wakil-wakil DAP ini setelah mencerca Kerajaan berhabis-habisan, mereka tak sanggup hendak dengar ucapan balas daripada Menteri-menteri untuk menjawab bahasan mereka itu (*Tepuk*), tetapi apabila kami tidak mahu mendengar ucapan mereka, mereka tuduh kita dengan berbagai-bagai tuduhan. Saya berharap rakyat negara ini faham apa sebab kami bertindak seperti itu. Tidak ada arahan daripada pucuk pimpinan sama ada mesti duduk atau tidak kerana pucuk pimpinan pun mengamalkan dasar bebas juga, bukan sahaja bebas hendak duduk atau keluar, bebas buat apa sahaja.

Tuan Yang Dipertua, saya meyeru supaya kita semua bersatu untuk memelihara negara kita. Kita lihat kejadian-kejadian yang berlaku di negara-negara lain malangnya kita tidak boleh sebut nama negara-negara itu, sekarang inipun sedang berlaku pertumpahan darah, kehancuran dan sebagainya. Malaysia boleh memberi peluang hidup yang baik kepada semua orang. Parti Barisan Nasional mempunyai konsep yang tidak berganjak, iaitu berkehendakkan persamaan (equality) dan keadilan di antara semua bangsa yang ada di tanahair kita ini. Bantuan dan pertolongan yang diberikan kepada bumiputera boleh kita katakan sebagai satu bantuan sementara sehingga bumiputera itu boleh berdiri atas kaki sendiri dan dapat bersaing dengan sahabat-sahabat kita orang-orang Cina dan India yang lebih maju daripada kita. Kita juga tidak mahu bantuan itu untuk selama-lamanya.

Tuan Yang Dipertua, di Malaysia kita ini jika ada satu puak hendak menindas puak yang lain, sama ada orang Cina menindas orang Melayu ataupun orang Melayu menindas orang Cina, ianya tidak akan membawa kepada keselamatan, ianya akan membawa kepada kemusnahan. Mengapa orang-orang ini tidak mahu percaya kepada sikap mulia Parti Barisan Nasional ini. Malangnya oleh kerana perbezaan ekonomi masih wujud di antara bumiputera dengan bukan bumiputera maka bantuan Kerajaan, ucapan-ucapan pemimpin hendak membantu orang Bumiputera itu tidak dapat hendak dihentikan dan ini tidak bermakna bahawa Kerajaan membantu satu puak sahaja. Saya katakan sekali lagi ianya merupakan satu langkah sementara sehingga setiap orang kita dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di antara satu dengan yang lain. Kita mengharapakan Malaysia yang lebih cemerlang akan lahir dengan adanya kerjasama di antara kita sekalian

dengan mengurangkan atau menghapuskan sama sekali membangkitkan soal perkauman yang bahaya itu.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Inilah sahaja, Tuan Yang Dipertua, ucapan saya, terima kasih. (*Tepuk*).

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sudah tiga hari berbahas dalam perkara ini. Cukuplah kerana masa pun sudah panjang kita membahasnya dan kita ada lagi Bilbil yang akan dibahaskan pada esok hari dan lusa. Kita hanya ada dua hari sahaja lagi. Saya hendak membenarkan seorang sahaja lagi. Yang Berhormat dari Kinta.

4.53 ptg.

**Tuan Lim Liang Seng (Kinta):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut serta bersama-sama rakan-rakan saya bagi membahaskan Rang Undang-undang yang bernama Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 serta memberi sokongan saya.

Tuan Yang Dipertua, merujuk pindaan Perkara 46, penentuan sempadan kawasan-kawasan pilihanraya kali terakhir telah diadakan dalam tahun 1974, sehingga hari ini hampir 10 tahun sudah berlalu. Dalam tempoh ini bilangan pengundi telah meningkat daripada 4 juta orang pada tahun 1974 kepada 6 juta orang tahun ini. Dengan nyata telah bertambah 2 juta orang pengundi atau 50%.

Pindaan Fasal (5) berkenaan memperuntukkan penentuan sempadan kawasan-kawasan pilihanraya seperti yang dicadangkan itu adalah perlu oleh kerana bertambahnya pengundi. Sudah seharusnya bilangan pengundi adalah merupakan salah satu asas yang utama dalam menentukan sempadan dan bilangan kawasan-kawasan baru pilihanraya.

Sekiranya mengikut jumlah pengundi seramai 6 juta orang dibahagikan oleh 176 kawasan Parlimen, pukul rata sesebuah kawasan Parlimen baru akan mempunyai lebih kurang 34,000 orang pengundi. Saya sedar sekarang ini terdapat keadaan di mana jurang perbezaan yang besar wujud dalam bilangan pengundi di antara sesuatu kawasan dengan sesuatu kawasan yang lain. Saya menyokong pendapat-pendapat yang menyeru supaya jurang perbezaan ini harus dikurangkan setakat mana yang boleh. Walau bagaimanapun, saya juga sedar kehendak ini bukan senang untuk dicapai oleh kerana adanya constraints ataupun penghambatan-penghambatan disebabkan faktor-faktor demography dan geografi yang harus diberi penelitian serta pertimbangan oleh pihak berkenaan apabila menjalankan urusan menentukan sempadan kawasan-kawasan baru.

Tuan Yang Dipertua, saya juga menyokong pandangan agar sesuatu kawasan Parlimen seharusnya terdiri dari pengundi-pengundi yang mencerminkan komposisi perkauman yang menasabah untuk memastikan terkekalnya serta terus terpupuknya keharmonian dan perpaduan di antara berbagai kaum demi untuk kepentingan dan kebaikan negara. Sebarang pencapaian yang lebih dalam aspek ini sudah tentu akan menggagalkan usaha-usaha dan peluang-peluang golongan-golongan tertentu yang suka mengeksploitasikan isu-isu perkauman yang sensitif sehinggakan kadangkala perasaan sesuatu kaum tersinggung. Pemimpin-pemimpin politik di sesuatu kawasan seperti ini juga tetap terpaksa lebih bertanggungjawab, bersikap sederhana serta bertoleransi.

Tuan Yang Dipertua, sementara saya memberi pengakuan tentang pentingnya faktor-faktor seperti demography, geografi serta komposisi perkauman seharusnya diberi penelitian dan pertimbangan yang wajar oleh pihak berkenaan dalam penentuan

sempadan kawasan-kawasan pilihanraya, sukacita saya mengesyorkan supaya satu aspek atau faktor pembangunan juga diberi pertimbangan yang teliti.

Apa yang saya maksudkan ialah dalam penentuan sempadan kawasan-kawasan baru pilihanraya, pihak berkenaan seharusnya berusaha untuk memberi pertimbangan kepada kemungkinan memasukkan kawasan-kawasan ataupun tempat-tempat yang berpotensi pertumbuhan sama ada sebagai kawasan-kawasan perindustrian ataupun sebagai pusat-pusat pertumbuhan iaitu growth centres, dengan izin. Saya berpendapat ini adalah penting kerana dengan demikian rakyat jelata serta wakil rakyat dari kawasan itu akan mempunyai motivasi untuk menyumbangkan tenaga mereka demi untuk kemajuan serta pembangunan kawasan itu dan juga kepentingan serta kebaikan negara pada keseluruhannya. Apatah lagi, jika sekiranya ditinjau dari segi dasar dan strategi industrialisasi negara kita yang telah membuat peancangan untuk menaburkan pusat-pusat pertumbuhan dan perindustrian ke merata-rata tempat di seluruh negara, maka jelaslah cadangan saya ini adalah selaras dengan dasar dan perancangan pembangunan negara.

Pada masa ini telah terlihat kesan-kesan usaha-usaha Kerajaan menaburkan pusat-pusat pertumbuhan dan perindustrian di beberapa tempat di seluruh negara mengikut dasar dan perancangan. Akan tetapi apakah tidak boleh Kerajaan mengadakan kawalan ke atas pertumbuhan sesuatu pusat melalui urusan penentuan sempadan kawasan-kawasan pilihanraya agar tidak berlaku di sesuatu pusat itu tumpuan kependudukan serta industri yang keterlaluan. Pada hemat saya, kawalan ke atas pertumbuhan sesuatu pusat secara demikian akan membawa satu faedah iaitu membantu Kerajaan mencapai matlamat ke arah taburan

pembangunan yang lebih rata di seluruh negara di samping dapat mengelakkan keadaan tumpuan yang keterlaluan di sesuatu tempat seperti tersebut tadi yang sudah tentu akan mengakibatkan perancangan pembangunan asas perlu diubahsuaikan secara tidak terhenti-henti dari semasa ke semasa dengan begitu kerap sekali.

Tuan Yang Dipertua, akhir kata saya ingin sekali lagi memberi sokongan saya kepada Pindaan Rang Undang-undang bernama Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983.

**Tuan Yang Dipertua:** Saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab.

5.00 ptg.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk juga daripada parti Pembangkang semasa membahaskan pindaan Perlembagaan, 1983 ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menegaskan sekali lagi bahawa Perlembagaan tidaklah dipinda sewenang-wenangnya. Setiap cadangan pindaan telah dipertimbangkan sedalam-dalamnya dan adalah dibuat untuk kepentingan rakyat dan kelicinan pentadbiran.

Tuan Yang Dipertua, seperti Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah sebut dalam buku "*The Malay Dilemma*" saya telah mengkritik kerajaan-kerajaan yang lepas kerana meminda Perlembagaan Negara. Ini memang benar, tetapi dalam kritik saya itu, saya tidak mengatakan bahawa Perlembagaan tidak boleh dipinda sama sekali. Apa yang saya katakan ialah Perlembagaan ini tidak boleh dipinda dengan begitu kerap dan sewenang-wenangnya. Dan di dalam ucapan saya semasa

mempersembahkan undang-undang ini, saya telah jelaskan bahawa pindaan yang dicadangkan ini adalah penting dan kita tidak dapat mengelakkannya. Umpamanya, kalau kita hendak menambahkan bilangan kerusi di dalam Dewan ini, dan beberapa Ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang juga ingin supaya ada tambahan kerusi, bahkan ingin supaya ada tambahan kerusi lebih banyak daripada yang kita cadangkan, tentulah kita terpaksa meminda Perlembagaan ini. Jadi kalau kita hendak pinda Perlembagaan semata-mata dengan kerana hendak tambah kerusi, sedangkan ada perkara-perkara yang lain yang tidak begitu jelas yang memerlukan pindaan, saya fikir adalah baik di waktu kita meminda Perlembagaan ini kita juga mengambil kesempatan untuk meminda dan memperbetulkan beberapa peruntukan yang tidak begitu jelas dan terang.

Tuan Yang Dipertua, ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap telah menyentuh tentang bilangan kerusi yang akan ditambah ini. Ada Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa pada pendapat mereka bilangan kerusi itu tidak mencukupi kerana untuk Wilayah Persekutuan umpamanya cuma dua kerusi sahaja yang akan ditambahkan sedangkan di Wilayah Persekutuan terdapat begitu ramai penduduknya. Mereka menganggap bahawa ini adalah satu cara yang tidak adil, tetapi Tuan Yang Dipertua, di mana-mana juga terdapat tekanan kepada kawasan-kawasan yang terpencil yang ketinggalan kerana tanpa mempunyai perwakilan yang kuat kepada kawasan-kawasan itu maka sudah tentu mereka tidak akan dapat pembangunan yang sewajarnya. Sebenarnya, kawasan-kawasan luar bandar biasanya diabaikan oleh kerajaan-kerajaan di zaman British dahulu boleh dikatakan tidak ada sama sekali pembangunan di kawasan luar bandar, di kawasan yang terpencil tidak

adapun jalan, tidak adapun letrik dan air bagi mereka dan mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana tidak ada perwakilan sama sekali sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Kalau adapun pegawai-pegawai ataupun ahli-ahli yang menduduki beberapa Legislative Council pada ketika itu mereka dipilih daripada orang-orang dalam bandar dan mereka yang datang daripada bandar-bandar itu tidak memperdulikan sama sekali akan nasib mereka yang tinggal di luar bandar.

Setelah kita merdeka dan kerana kita sedar akan nasib yang buruk yang telah menimpa penduduk di luar bandar di waktu kita dijajah dahulu, kita berpendapat bahawa mereka patutlah diberi perwakilan yang kuat supaya segala kesalahan yang berlaku selama lebih daripada 100 tahun ke atas mereka oleh pihak penjajah dahulu dapat diperbaiki. Sebab itulah kita memberikan tekanan kepada perwakilan daripada luar bandar yang mana mereka mendapat bilangan wakil yang lebih ramai daripada kawasan dalam bandar. Juga harus kita ingat bahawa kawasan luar bandar itu tidak mudah diawasi oleh Wakil-wakil Rakyat. Setengah-setengah kawasan luar bandar itu sama besar dengan Negeri Sembilan.

Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Lipis umpamanya, kawasannya sama besar dengan Negeri Sembilan. Semasa saya berkempen untuknya pada tahun 1972, saya masih ingat daripada satu rapat umum kepada rapat umum yang lain terpaksa berjalan sejauh 40 batu, mujur ada motokar tetapi jalan tak begitu baik. Tetapi saya yakin Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tak payah naik motokar pun daripada satu ceramah kepada ceramah yang lain, berjalan kaki 5 minit sahaja sudah sampai. Jadi keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kawasan luar bandar kalau dibahagikan sematamata mengikut bilangan pengundi maka sudah tentulah mereka tidak

akan dapat layanan yang sewajarnya. Umpamanya, kalau kita ambil Negeri Pahang, mungkin satu kawasan luasnya mestilah lebih kurang sama dengan negeri Johor pada setengah-setengah tempat, cuma dapat seorang Wakil Rakyat sahaja. Keadaan yang semacam inilah yang kita mengambil kira.

Selain daripada keluasan kawasan, kita juga mengambil kira taburan penduduk (demografi) dan keadaan topografi. Umpamanya, sekali lagi saya menyentuh tentang kawasan Lipis. Dianya mewakili juga kawasan Cameron Highlands yang mana untuk sampai ke Cameron Highlands daripada Lipis, dia terpaksa pergi ke Perak dahulu, lepas itu naik gunung ke Cameron Highlands. Jadi kalau keadaan gunung-ganang semacam ini tidak diambil kira untuk menentukan kawasan dan sempadan, maka sudah tentulah akan menjadi begitu sukar sekali bagi rakyat di kawasan itu berjumpa dengan Wakil Rakyat mereka untuk mendapat pertolongan daripada Wakil Rakyat mereka itu.

Selain daripada itu sudah pun menjadi tabiat pengundi-pengundi di kawasan luar bandar, kalau ada sesuatu mereka berkehendakkan kepada Wakil Rakyat mereka, samalah seperti anak berkehendak kepada bapa, terutama kalau ada orang sakit mereka hendak pinjam motor Wakil Rakyat supaya dapat dibawa ke hospital. Di dalam bandar mungkin Ahli Yang Berhormat akan telefon hospital ataupun Red Crescent untuk mendapat ambulan, tetapi tidak bagi Wakil Rakyat diluar bandar. Motokar kadang-kadang jadi ambulan, kadang-kadang jadi kereta mayat pun. (*Ketawa*). Jadi ini cuma boleh dibuat kalau kawasannya tidaklah begitu luas dan topografi kawasannya tidak begitu menyusahkan dalam perjalanan. Begitu juga kita harus mengambil kira pentadbiran dalam kawasan itu. Umpamanya, kita harus menentukan

bahawa kawasan ini tidak bertimbaltindih antara satu daerah dengan yang lain ataupun kalau tidak ada perhubungan sama sekali tentulah kita terpaksa juga membanyakkan kawasan kerana kalau tidak agak sukar bagi Wakil Rakyat untuk berhubung antara satu sama lain. Umpamanya di Kedah sehingga sekarang ini walaupun didesak oleh pengundi-pengundi, tetapi Wakil Rakyat Langkawi juga mewakili kawasan Jerlun iaitu dua kawasan, satu di pulau, satu di pantai di Tanah Besar dan mujurlah Wakil Rakyat yang berkenaan pandai berenang (*Ketawa*), maka dapatlah diannya mengawasi kawasannya dengan agak sempurna. Ini sudah tentulah terpaksa kita mengambil kira, tetapi kebanyakan daripada Ahli Yang Berhormat cuma bercakap berkenaan dengan bilangan, seolah-olah bilangan ini sahajalah yang penting dan faktor-faktor yang lain tidak penting.

Ahli Yang Berhormat daripada Lumut telah mencadangkan supaya kawasan-kawasan ini dibahagikan mengikut kaum dengan formula 60:30:10. Ini agak aneh sekali sedangkan saya percaya bahawa diannya ingin kepada perpaduan, tetapi awal-awal lagi hendak dibahagikan kawasan mengikut kaum. Sekarang ini saya fikir kita boleh baca dalam surat khabar tentang apa jadi apabila dipecah mengikut kaum seperti ini. Saya tidak payahlah cerita apa yang berlaku kerana Ahli Yang Berhormat tentu pandai membaca surat khabar, dengan itu patutlah diannya sedar bahawa pembahagian mengikut kaum adalah sesuatu yang amat membahayakan, sebab itu kita tidak dapat sama sekali prinsip baru ini dan dia juga bercanggah dengan Perlembagaan kita, tiada disebut bahawa kawasan pilihanraya mestilah dibahagikan mengikut kaum.

Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kapit, Bukit Mas dan Lambir telah bercakap mengenai keperluan menambah kerusi Dewan Rakyat bagi Sarawak apabila pengkajian semula

bahagian-bahagian pilihanraya bagi negeri Sarawak di lakukan dalam tahun 1985 kelak. Pertimbangan yang saksama berdasarkan kepada asas-asas dan faktor-faktor yang sama yang telah digunakan akan dipertimbangkan apabila sampai masanya untuk dikaji semula kawasan-kawasan pilihanraya di Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang telah menolong menjawab bagi pihak saya dan saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapan yang baik yang telah diberi oleh mereka semasa mereka mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya terpaksa menyentuh sedikit berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka dan hujah-hujahnya.

Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka tidak pernah tidak mengambil peluang dari apa jua keadaan untuk kepentingan politik, diri dan partinya. Setiap kali ada sesuatu berlaku ataupun ada satu perbahasan, maka perkara yang utama yang difikirkan ialah apakah kesan politik yang boleh didapati olehnya dan kadang-kadang oleh partinya, tetapi olehnya lebih sedikit (*Ketawa*).

Ahli Yang Berhormat kali ini bercakap sehingga saya tidak kenal siapa dia, sebabnya yang saya tidak berkenal siapa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini ialah kerana kali ini ia berlagak sebagai seorang "royalist" yang mempertahankan Royalti, sedangkan kita tahu bahawa diannya bukanlah seorang "royalist" sebenarnya, pendiriannya jauh daripada itu dan sebagai bukti ingin saya baca sedikit berkenaan dengan satu lagi perlembagaan, Tuan Yang Dipertua, iaitu, Constitution of the Democratic Action Party dan dalam Constitution

of the Democratic Action Party ini objectsnya dengan izin, saya akan membaca:

- “(1) To strite by constitutional means for the establishment of a democratic, socialist pattern of society in Malaysia.
- (2) To advance and protect the integrity and independence of the national state of Malaysia.
- (3) To preserve the democratic state of Malaysia based on universal adult suffrage of all those who are Malaysian sitizens.”

Maaf saya baca dengan bahasa Inggeris, fasal dia punya perlembagaan dalam bahasa Inggeris:

- “(4) To abolish the unjust inequalities of wealth and opportunities existing in the present system, to establish an economic order which will give all citizens the right to work and full economic returns for their labour and skill to ensure a decent living and social security to all those who, through sickness, infirmity or old age can no longer work.
- (5) To infuse into the people of Malaysia a spirit of national unity, self-respect and self-reliance and to inspire them with a sense of endeavour in the creation of a prosperous, stable and just society.
- (6) To propagate all the above objectives through all lawful and constitutional means available, including the publication and distribution of journals, newsletters and newspapers”.

Enam objektif dan tidak satu pun sebut tentang Raja, tentang Monarchy (*Tepuk*) dan lambangnya, warnanya bukanlah ada warna yang menunjukkan bahawa dia menghormati Raja-raja, tetapi hari ini saya tidak kenal dia, sebab dia sekarang ini menjadi orang yang berlagak sebagai the Great

Royalist. Sebaliknya, ingin saya baca perlembagaan UMNO yang mana saya menjadi ahli dan Presidennya dan bolehkah kita membuat bandingan, Tuan Yang Dipertua, antara orang yang berlagak dengan orang yang benar. Fasal 3, muka 1:

“*Asas-asas dan Tujuan-tujuan:* UMNO adalah sebuah parti politik yang progresif, berjuang menurut lunas-lunas demokrasi dengan tujuan menghasilkan cita-cita kebangsaan:

- (1) Memelihara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keperibadian Malaysia.
- (2) Mendokong Perlembagaan Malaysia, Perlembagaan-perlembagaan Negeri dan mempertahankan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya terutama mengenai ugama rasmi, ugama Islam, kedaulatan Raja-raja Melayu, Bahasa Kebangsaan, hak-hak asasi dan hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan Bumiputera.”

Terang-terang di sini disebutkan tentang kedaulatan Raja-raja Melayu. Jadi saya hampir memikir Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu adalah ahli UMNO apabila dianya bercakap (*Ketawa*) seolah-oleh dialah jaguh yang mempertahankan kedudukan Raja-raja dan dianya bercakap demikian seperti biasa bukanlah kerana hendak mempertahankan Raja-raja, tetapi mungkin kerana ingin melihat perpecahan berlaku antara Kerajaan dengan Raja, ingin melihat supaya satu perasaan keraguan timbul dalam hati Raja-raja. Kalau ada perpecahan di antara Raja-raja dan Kerajaan maka saya yakin Ahli Yang Berhormat akan mendapat menafaat kerana biasanya DAP cuma dapat menafaat bila ada kekacauan dan sebab itulah di Raub apabila diadakan pilihanraya tidak lain yang menjadi modal melainkan soal perkauman di tempat yang begitu sensitif di mana

terdapat begitu banyak komunis maka dia membangkitkan soal-soal perkauman. Kali ini dia menang tetapi lain kali, lain pula (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua, mungkin juga Ahli Yang Berhormat berharap dengan cara ini dapat menjatuhkan sistem Raja Berperlembagaan kita dengan cara membangkitkan satu perasaan di antara Raja dengan Rakyat dan rakyat dengan Raja kerana pendapat-pendapat yang disuarakan olehnya.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya seperti yang telah saya terangkan dalam ucapan saya pada permulaannya, pindaan yang dibuat ini cuma untuk menjelaskan kedudukan yang sebenarnya supaya kekeliruan tidak timbul. Dalam negara Raja Berperlembagaan (Constitutional Monarchy) dari segi Eksekutif yang berkuasa ialah Jemaah Menteri dan Perdana Menteri. Untuk memenuhi formality maka segala-gala yang dibuat telah dibuat dengan nama Yang di-Pertuan Agong, yang bertanggungjawab tetap Kabinet jika terjadi sesuatu apa. Jika rakyat tidak suka kepada apa yang dibuat ataupun apa-apa dasar atau undang-undang yang diluluskan maka yang menjadi sasaran ialah Kerajaan dan bukan Yang di-Pertuan Agong. Sebab itulah di dalam Perlembagaan kita kedudukan kuasa dijejaskan di dalam Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan. Dalam Perkara 40 ini disebut:

*“Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat:*

- (1) Pada menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan ini atau di bawah undang-undang Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seseorang Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri, kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan ini;

tetapi Yang di-Pertuan Agong berhak atas permintaannya, mendapat apa-apa maklumat mengenai pemerintahan Persekutuan yang boleh didapati oleh Jemaah Menteri.”

Tuan Yang Dipertua, peruntukan ini amat penting untuk menjelaskan apa yang telah dilakukan dalam pindaan ini. Yang pertamanya ialah Yang di-Pertuan Agong cuma bertindak atas nasihat daripada Jemaah Menteri ataupun Menteri yang mewakili Jemaah Menteri tetapi ianya berhak untuk mendapat maklumat dan di dalam semua pembentukan dasar dan undang-undang adalah menjadi satu tradisi di dalam negara kita ini iaitu pada hari Rabu yang mana Jemaah Menteri bersidang pada 10.00 pagi, mengikut adat atau tradisi Perdana Menteri akan mengadakan Ke bawah Duli pagi-pagi lagi jam 8.30 untuk membincang apa-apa yang terdapat di dalam kertas-kertas yang akan dibincang oleh Jemaah Menteri. Di antara kertas-kertas ini ialah semua undang-undang yang akhirnya dikemukakan kepada Dewan ini. Ini adalah jelas bahawa tidak ada sesuatu yang boleh dibuat tanpa pengetahuan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tetapi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seorang Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri.

Ini adalah peruntukan yang amat jelas sekali bahawa sebenarnya yang berkuasa ialah Jemaah Menteri, tetapi untuk menentukan supaya kita mengadakan satu formality kita menentukan iaitu tiap-tiap sesuatu yang dibuat mestilah dibuat dengan nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Amalan ini, Tuan Yang Dipertua, bukan sahaja diamalkan di dalam negara kita tetapi diamalkan juga di negara-negara lain

yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan (Constitutional Monarchy). Sebenarnya secara kebetulan sistem yang kita amalkan di negara kita ini berasas kepada sistem British, Constitutional Monarchy. Saya yakin Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sedar bahawa tiap-tiap tahun apabila Parlimen British dibuka maka Ratu Elizabeth akan membuat Ucapan dari Takhta (Speech from the Throne) tetapi kita semua tahu bahawa ucapan itu ditulis oleh Kerajaan, bukannya oleh Ratu Elizabeth kerana ini adalah sistem yang sudah pun berjalan sekian lama dan memberi makna kepada amalan demokrasi di mana masih ada Raja yang mengepalai negara. Kalau kuasa itu diberi terus kepada peribadi Raja yang memerintah maka tentulah demokrasi tidak wujud.

Apakah Ahli Yang Berhormat tidak suka kepada demokrasi kerana cara dia berhujah petang semalam seolah-olah dia tidak suka kepada demokrasi tetapi ingin balik kepada sistem feudalisme, sebab itulah saya kurang percaya bahawa dia sendiri menerima hujah-hujah yang ada dia memperkatakan di dalam Dewan ini (*Tepuk*). Tuan Yang Dipertua, barang dijauhi Allah, kalaulah DAP menjadi Kerajaan tentulah DAP juga hendak tulis Ucapan from the Throne di dalam Dewan ini, tetapi itu tidak mungkin jadi, itu sebagai contoh sahaja.

Tuan Yang Dipertua, dalam peruntukan ini kita telah berkata bahawa selepas sesuatu undang-undang itu dipersembahkan Kebawah Duli dan jika di dalam masa 15 hari Kebawah Duli tidak menandatangani undang-undang ini maka dia dianggap sudah lulus. Sebenarnya kalau dia tidak mempunyai kuasa yang sebenar, dan yang sebenarnya berkuasa ialah Jemaah Menteri, peruntukan ini bermakna bahawa yang hilang kuasa ialah Jemaah Menteri kerana Jemaah Menteri boleh menasihatkan Yang di-Pertuan Agong supaya menolak

sesuatu undang-undang. Tetapi mengikut peruntukan ini kalau selepas 15 hari tidak ditandatangani maka dia hanya lulus. Jadi hak Jemaah Menteri untuk menasihatkan selepas 15 hari ini sudah pun tidak ada. Bagi Duli Yang Maha Mulia tidak ada kuasa ini, yang ada dahulu ialah Kabinet dan setelah dibuat peruntukan ini bermakna Kabinet yang kehilangan kuasa bukan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu tolonglah fikir dengan mendalam sedikit berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga dengan peruntukan di bawah Perkara 150 berkenaan dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat. Yang di-Pertuan Agong akan mengisytiharkan darurat atas nasihat daripada Jemaah Menteri dan Perdana Menteri. Memang tiap kali darurat diisytiharkan sebelum ini pengisytiharan itu dibuat atas nasihat daripada Jemaah Menteri ataupun Perdana Menteri. Ini bermakna sekali lagi bahawa peruntukan yang ada di sini, pindaan yang dibuat ini cuma untuk menjelaskan apa yang sedang berlaku sekarang ini. Tidak pernah berlaku yang mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat dengan sendirinya kerana kuasa itu sebenarnya bergantung kepada nasihat daripada Perdana Menteri. Peruntukan yang kita ada di sini ialah semata-mata untuk menjelaskan perhubungan antara Ketua Negara dengan Kerajaannya dan Kerajaannya yang memberi nasihat akan sesuatu itu akan dilakukan atas nama Ketua Negara (Head of State). Jadi sekali lagi tidak ada pemisahan Ketua Negara daripada kuasa yang kononnya ada padanya. Sebenarnya tiada siapa pun yang faham tentang masalah Perlembagaan yang akan berkata bahawa ada pemisahan kuasa daripada Ketua Negara ataupun Yang di-Pertuan Agong.

Tentang soal Perdana Menteri mungkin bertindak kerana niat jahat, Tuan Yang Dipertua, tadi seorang Ahli yang Berhormat yang lama, Yang Berhormat Encik Ghafar Baba telah pun menerangkan perkara ini. Tetapi saya ingin tokok sedikit berkenaan dengan perkara ini. Kita adalah sebuah negara yang demokratik dan satu essence daripada demokrasi ini ialah untuk menentukan bahawa sesiapa yang tidak menjalankan pentadbiran yang baik tidak akan dipilih semula untuk mewakili negara ini ataupun membentuk Kerajaan. Tetapi apakah yang kita dapati dalam negara kita ini. Kita dapati bahawa tiap-tiap kali diadakan pilihanraya maka orang yang dituduh oleh pihak DAP atau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu sebagai melakukan sesuatu yang berniat jahat (*mala fide*) dipilih semula yang mana ini tentulah menunjukkan bahawa sangkaan rakyat yang berniat jahat ialah parti lawan. Kalau mereka sangka bahawa Parti Barisan Nasional atau sebelumnya Perikatan mempunyai niat jahat dan menggunakan kuasa mengisytiharkan darurat dengan sewenang-wenangnya, saya yakin, bahawa rakyat tidak akan memilih Kerajaan itu semula tiap kali pilihanraya.

Sebagai seorang Wakil Rakyat yang biasa kalah dalam tahun 1969, saya sedar bahawa kalau rakyat betul-betul tidak ingin kepada Wakil Rakyat, rakyat boleh menggulingkannya. Saya yakin juga bahawa kalau rakyat betul-betul tidak ingin kepada Parti Barisan Nasional ini dianya tidak akan dapat kemenangan. Tetapi kita lihat dari satu pilihanraya ke satu pilihanraya bukan sahaja Parti Barisan Nasional menang tetapi kemenangannya menjadi lebih ketara lagi. Antara 1978—1982 kita dapati bahawa yang merosot ialah Parti Lawan dan Ahli yang Berhormat itu pun dahulu menjadi Wakil Rakyat di Dewan Undangan Negeri di Melaka itu pun sudah hilang (*Tepuk*). Saya yakin bahawa rakyat memikir bahawa

ada *mala fide* ini dalam hati Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Janganlah dengan mudah sangat Ahli Yang Berhormat ini membuat sangkaan terhadap orang lain. Kita sebenarnya terdiri daripada satu parti yang telah membawa banyak kebaikan kepada negara kita ini dan di antara kebaikan yang dibawa ialah memberi keuntungan kepada Ahli-ahli seperti Ahli dari Kota Melaka kekal sebagai Wakil Rakyat dalam Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendengar, baca atau teliti ucapan-ucapan saya. Apabila saya kata mengenai *mala fide*, saya kata ialah keadaan dimana ada berlaku *mala fide* ialah sesuatu keadaan di mana bolehkah tindakan dan perisytiharan dicabar dalam mahkamah dan saya semalam tidak menyebut mengenai *mala fide* sesiapa. Itu kalau mahu bincang itu lain forum. Tetapi *mala fide* daripada segi teori constitutional, segi teori undang-undang dan bukan satu ucapan politik atau parti politik.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang Dipertua, sama jugalah, kalau tidak di Mahkamah di hadapan rakyat. Kalau Mahkamah tidak boleh challenge apa yang diputuskan di bawah Undang-undang Darurat kerana tiada peruntukan yang berkata bahawa Mahkamah tidak boleh mencabar keputusan ini, tetapi rakyat boleh mencabar. Dalam Pilihanraya yang akan datang, rakyat boleh mencabar dan kita akan lihat siapa yang akan dipilih. (*Tepuk*).

Tuan Yang Dipertua, supaya kita tidak bosan bercakap berkenaan dengan satu masalah sahaja saya ingin mengalih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapit yang telah membangkitkan keperluan menambah Hakim-hakim dan Magistrate bagi Sarawak. Beliau juga mencadangkan supaya diadakan mahkamah yang khusus bagi

membicarakan kes-kes sivil dan jenayah bagi mengelakkan kelambatan dalam mendengar kes-kes civil.

Untuk menjawabnya, saya ingin memaklumkan bahawa kedudukan pengisian jawatan Hakim-hakim, Yang Dipertua-Yang Dipertua dan Magistrate-magistrate adalah memadai. Kelambatan dalam mendengar kes-kes pula bukan disebabkan oleh kurang kerana tiada mahkamah khusus bagi kes-kes sivil tetapi adalah disebabkan oleh beberapa perkara seperti ketiadaan saksi-saksi semasa kes dibicarakan dan permohonan menangguhkan kes-kes oleh pihak yang terlibat di atas beberapa sebab seperti uzur dan tindakan bagi mendapatkan Peguambela dan sebagainya.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas juga supaya diadakan dua peringkat rayuan daripada Mahkamah Tinggi, sistem yang dicadangkan melalui pindaan kepada BAHAGIAN IX Perlembagaan Persekutuan didapati adalah sesuai dan memadai. Dalam kes-kes jenayah dan Perlembagaan, Mahkamah Persekutuan adalah mahkamah terakhir tanpa mengadakan satu lagi peringkat rayuan dan sistem ini telah berjalan dengan baiknya. Maka tidak terdapat sebarang sebab yang menasabah bagi mengadakan peringkat rayuan tambahan bagi kes-kes sivil pula.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak dapat menjawab kepada semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan satu-persatu tetapi saya percaya bahawa jawapan saya ini telah merangkumi hampir semua hujah-hujah yang telah dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini sejak kita membahaskan pindaan Undang-undang Perlembagaan 1983 ini.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana ini adalah pindaan kepada Perlembagaan yang memerlukan 2/3 kelebihan undi sebelum ianya diluluskan, saya memohon supaya di bawah

Peraturan Mesyuarat 46 diadakan division di dalam Dewan ini. (*Tepuk*).

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah di atas Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali kedua. Bagi maksud ini Majlis akan mengadakan belah bahagian kerana sebagaimana Yang Berhormat Ahli-ahli ketahui mengikut Fasal 2 dalam Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan sesuatu Rang Undang-undang bagi membuat pindaan kepada Perlembagaan tidak boleh diluluskan dalam mana-mana Majlis Parlimen melainkan jika Rang Undang-undang itu telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah ahli Majlis Parlimen itu.

Penghitung-penghitung undi diminta mengambil tempat mereka dihadapan blok tempat duduk mereka masing-masing. Yang Berhormat Ahli-ahli yang lain diminta berdiri tatkala undi diambil dan hanya duduk selepas penghitung undi bertanya kepada Ahli-ahli selepas seorang ke-seorang sama ada bersetuju, tidak setuju atau tidak mengundi dan menandakan dalam senarai undi itu kepada Setiausaha.

Setiausaha, sila bunyi loceng selama satu hingga dua minit.

*Loceng dibunyikan.*

**Tuan Yang Dipertua:** Undi dijalankan sekarang. Yang Berhormat Ahli-ahli diminta berdiri tatkala undi diambil.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelahbahagi: Yang Bersetuju, 136 undi (*Tepuk*)—yang Tidak Bersetuju, 9 undi; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

## YANG BERSETUJU:

1. Dato' Seri Dr Mahathir Mohamed.
2. Dato' Musa Hitam.
3. Dato' Dr Neo Yee Pan.
4. Datuk S. Samy Vellu.
5. Tan Sri Haji M. Ghazali Shafie.
6. Datin Paduka Hajjah Aishah Abdul Ghani.
7. Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj.
8. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.
9. Tan Sri Chong Hon Nyan.
10. Dato' Paul Leong.
11. Datuk Hj. Abdul Manan Othman.
12. Datuk Leo Moggie.
13. Datin Paduka Rafidah Aziz.
14. Dato' Dr Haji Sulaiman Hj. Daud.
15. Datuk Sanusi Junid.
16. Datuk Abdullah Hj. Ahmad Badawi.
17. Dato' Rais Yatim.
18. Datuk Mak Hon Kam.
19. Dato' Seri Mohd. Adib Mohd. Adam.
20. Datuk Amar Stephen Yong.
21. Dato' Mohamed Rahmat.
22. Datuk Chin Hon Ngian.
23. Datuk Shahrir Abdul Samad.
24. Anwar Ibrahim.
25. Datuk James Peter Ongkili.
26. Dato' Chan Siang Sun.
27. Dr Goh Cheng Teik.
28. Dato' K. Pathmanaban.
29. Dato Dr Ling Liong Sik.
30. Datuk Hj. Zakaria bin Hj Abd. Rahman.
31. Datuk Dr Nik Hussein.
32. Dato' Abu Hassan bin Haji Omar.
33. Tuan Bujang bin Haji Ulis.
34. Tuan Abang Abu Bakar.
35. Tuan Luhath Wan.
36. Tuan Mohd. Kassim Ahmed.
37. Datin Paduka Chow Poh Kheng.
38. Puan Shariffah Dorah.
39. Tuan Muhyiddin Haji Mohd. Yassin.
40. Tuan S. Subramaniam.
41. Puan Rahmah Othman.
42. Datuk Mohamed Khalil Yaacob.
43. Tuan Sabaruddin Chik.
44. Puan Napsiah Omar.
45. Tuan Abd. Kadir Hj. Sh. Fadzir.
46. Tuan Radzi Sheikh Ahmed.
47. Datuk Lee Kim Sai.
48. Tuan Oo Gin Sun.
49. Tuan Law Heing Ding.
50. Tuan Jawan Empaling.
51. Tuan Hussein Mahmood.
52. Tuan Au How Cheong.
53. Tuan Zainal Abidin Zin.
54. Tuan Mohd. Tajol Rosli.
55. Tuan Awang Jabar.
56. Tuan Mustaffa Mohammad.
57. Datuk William Lye.
58. Dato' Hj. M. Suhaimi.
59. Datuk Patinggi Hj. Abd. Taib Mahmud.
60. Tuan Ghafar Baba.
61. Dr. Tan Tiong Hong.
62. Dato' Michael Chen.
63. Dato' Sri Hj. Kamaruddin.
64. Tan Sri Dato' Syed Ahmad Al-Haj Shahabudin.

65. Tuan Ahmad Shah D. H. Tambakau.
66. Datuk Dr Hee Tien Lai.
67. Dato Lew Sip Hon.
68. Datuk Clarence Elong Mansul.
69. Tuan Ting Ling Kiew.
70. Tuan Yeoh Poh San.
71. Datuk Lee Boon Peng.
72. Tuan Daim Zainuddin.
73. Tuan Yahya Haji Zakaria.
74. Datuk Hj. Ngah Hj. Abdul Rahman.
75. Datuk Leonard Linggi Jugah.
76. Dato' Jamaluddin Haji Suhaimi.
77. Tuan Thomas Salang Siden.
78. Tuan Ismail Arshad.
79. Tuan Mohammad Idris Mohammad Basri.
80. Tuan Richard Dampeng.
81. Wan Abu Bakar Wan Mohamad.
82. Tuan Newman Gaban.
83. Tuan Mokhtaram Rabidin.
84. Tuan Kan Yau Fah.
85. Tuan Peter Chin Gan Onn.
86. Tuan Mohamed Razlan Haji Abdul Hamid.
87. Tuan Justine Jinggut.
88. Tuan Haji Seroji Haji Haron.
89. Tuan Ng Cheng Kuai.
90. Datuk Alfred Jabu.
91. Tuan Abdul Rahman Sulaiman.
92. Tuan Lim Liang Seng.
93. Tuan Khadri Sabran.
94. Dr Koh Tsu Koon.
95. Tuan Daud Dato' Hj. Taha.
96. Tuan Shamsuri Md. Salleh.
97. Tuan Azharul Abidin.
98. Wan Mohd. Najib Wan Mohamad.
99. Puan Wan Zainab.
100. Tuan Abdul Ghani Misbah.
101. Tuan Alias Md. Ali.
102. Tuan Tan Koon Swan.
103. Tuan Hj. Saidin Hj. Mat Piah.
104. Tuan Abdul Rahim Abu Bakar.
105. Tuan Mark Koding.
106. Dr Lee Michael Toyad.
107. Tuan Seow Hun Khim.
108. Tuan Ismail Said.
109. Dr Abdul Hamid Pawanteh.
110. Dato' Haji Mohamed Hj. Ali.
111. Tuan Ahmed Hambal Yeop Majlis.
112. Dr George Chan Hong Nam.
113. Tuan Bahari Haron.
114. Dato' Hj. A. Bakar Rautin Ibrahim.
115. Tuan Mutang Tagal.
116. Tuan Mamat Ghazalee Abdul Rahman.
117. Tuan Tan Kok Hooi.
118. Datin Paduka Zaleha Ismail.
119. Tuan Hj. Dasuki Haji Ahmad.
120. Tuan Quah Wee Liam.
121. Tuan Andrew Janggi Muiyang.
122. Tuan Mohamed Amin Haji Daud.
123. Tuan Yew Foo Weng.
124. Tuan Ibrahim Azmi Hassan.
125. Tuan Ban Hon Keong.
126. Tuan Othman Abdul.

127. Tuan Hj. Mohd. Zain Hj. Abdullah.
128. Tuan Hassan Haji Mohamad.
129. Wan Ibrahim Wan Abdullah.
130. Tuan Edmund Langgu anak Saga.
131. Tuan Patrick Uren.
132. Tuan Mohammad Yahya Lampong.
133. Tuan Abdillah Haji Abdul Hamid.
134. Tuan Haji Affendy Tun Hj. Mohd. Fuad Stephens.
- 135.. Tuan Hassan Alban Haji Sandukong.
136. Datuk Edwin Tangkun.

TIDAK BERSETUJU:

1. Tuan Lim Kit Siang.
2. Tuan Lee Lam Thye.
3. Tuan Karpal Singh.
4. Tuan Chan Kok Kit.
5. Tuan Liang Sie Ming.
6. Tuan Fung Ket Wing.
7. Dr Tan Seng Giaw.
8. Tuan Sim Kwang Yang.
9. Tuan Gooi Hock Seng.

TIDAK MENGUNDI

Tiada

**Tuan Yang Dipertua:** Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, di bawah 54 (2), saya mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan. Saya ada tiga sebab untuk membuat cadangan ini. Yang pertama ialah oleh kerana jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai

Perkara 66 sebenarnya menjawab berbau politik dan tidaklah menjawab daripada segi Constitutional dan legal khasnya sama ada peruntukan ini dapat bersabit dengan larangan dalam Perlembagaan.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, nanti sekejap dahulu kerana cadangan Yang Berhormat itu boleh dikeluarkan setelah dibaca Rang Undang-undang kali yang kedua. Ini belum dibaca lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum baca lagi.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, sekarang saya berdiri untuk mencadangkan:

“Bahawa Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan.”

Saya ada tiga sebab atas cadangan ini Yang pertama oleh kerana jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi khasnya mengenai pindaan Perkara 66 tidak memberi satu jawapan sebenarnya selain daripada berbau politik kepada soalan-soalan yang timbul daripada segi Perlembagaan dan undang-undang, khasnya sama ada pindaan ini ada bersabit dengan larangan dalam Perlembagaan yang tidak benarkan apa soalan dan cabaran kepada empat perkara yang dientrenched termasuk hak-hak dan kuasa-kuasa kedaulatan Raja-raja. Kedua ialah bahawa jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pindaan kepada Perkara 150 pun tidak memberi satu jawapan kepada soalan-soalan yang timbul daripada segi Perlembagaan dan undang-undang selain daripada jawapan dan ucapan berbau politik. Dan ketiga, oleh kerana cara mana pindaan-pindaan Perlembagaan ini ada dikemukakan, satu cara yang nampaknya tidak sihat dan oleh kerana

implikasi-implikasi Perlembagaan dan undang-undang yang timbul, saya mencadangkan bahawa Jawatankuasa Pilihan lebih mendalam untuk mengkaji implikasi-implikasi tersebut.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang ini diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 22—*

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat sedikit penjelasan iaitu masalah di muka 5 Perkara 53 (b) dengan memasukkan selepas Fasal (1), Fasal (2) yang berikut: Saya ingin mendapat penjelasan mengenai lucutnya kelayakan Wakil Rakyat. Sekiranya seorang Wakil Rakyat yang telah menjadi anggota Parlimen selama 4 terms ataupun 20 tahun, kemudian dia telah melakukan kesalahan dan telah sabit dalam mahkamah dan dihukum apakah khidmatnya selama 20 tahun menjadi Wakil Rakyat itu akan turut lucut semua sekali.

Kemudian muka 6 Perkara 66 (b) dengan menggantikan Fasal (5) dengan Fasal (5) dan (5A) yang berikut: Ini juga saya ingin mendapat penjelasan, Tuan Pengerusi, apakah pindaan Perlembagaan ini yang sudah pun diluluskan oleh pihak Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan kemudian diangkat untuk diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tiba-tiba tidak diperkenankan.

Adakah undang-undang ini sesudah 15 hari dengan sendirinya lulus ataupun 6 bulan kemudian dikembalikan pula kepada Parlimen untuk diluluskan kembali. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara pertama, walaupun Wakil Rakyat itu sudah berkhidmat selama 20 tahun tetapi kalau ianya melakukan kesalahan maka hilang kelayakannya, bermaknalah segala haknya (privilege) akan dilucutkan daripadanya. Ini bukanlah terkena semata-mata kepada Wakil-wakil Rakyat, Pegawai-pegawai Kerajaan juga yang sudah menerima pencen atau belum menerima pencen kalau ianya didapati bersalah akan hilang hak-haknya, termasuklah gaji, elaun dan juga pencennya.

Berkenaan dengan perkara yang kedua, tidak ada peruntukan untuk membawa balik undang-undang ini kepada Dewan selepas 6 bulan. Ianya dianggap telah lulus.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya mengambil perhatian kepada Fasal 15, "Fasal (2) Perkara 121 Perlembagaan adalah dipinda (muka surat 8), iaitu:

“(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan

“Mahkamah Persekutuan” dengan perkataan-perkataan

“Mahkamah Agung (Supreme Court)”;

Ini membuktikan beban terhadap pentadbiran mahkamah telah bertambah. Adakah pihak Kerajaan akan mewujudkan semula Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara bagi menjalankan beban yang bertambah kepada tanggungjawab mahkamah.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Pengerusi, sebenarnya sudah pun ada Kementerian yang dicadangkan ini, cuma yang tidak ada ialah Menteri sahaja kerana

tugas ini diserahkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan yang mengetuai Jabatan-jabatan dalam Kementerian tadi ialah Attorney-General. Kalau kita dapati bahawa perlu diadakan seorang Menteri untuk Kementerian ini pada kemudian hari dan orang ini layak daripada syarat-syarat, iaitu ianya layak menjadi seorang Hakim, maka bolehlah diangkat orang ini sebagai menteri Perundangan dan Kehakiman.

*Fasal 1 hingga 22* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan telah ditimbangan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali yang ketiga. Bagi maksud ini Majlis akan mengadakan belah-bahagian mengikut cara yang dibuat bagi bacaan kali yang kedua tadi.

Penghitung-penghitung undi diminta mengambil tempat masing-masing.

Setiausaha, sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

**Tuan Yang Dipertua:** Undi dijalankan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 136; Yang Tidak Bersetuju, 9; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

**YANG BERSETUJU:**

1. Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.
2. Dato' Musa Hitam.
3. Dato' Dr Neo Yee Pan.
4. Datuk S. Samy Vellu.
5. Tan Sri Haji M. Ghazali Shafie.
6. Datin Paduka Hajjah Aishah Abdul Ghani.
7. Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj.
8. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.
9. Tan Sri Chong Hon Nyan.
10. Dato' Paul Leong.
11. Datuk Hj. Abdul Manan Othman.
12. Datuk Leo Moggie.
13. Datin Paduka Rafidah Aziz.
14. Dato' Dr Haji Sulaiman Hj. Daud.
15. Datuk Sanusi Junid.
16. Datuk Abdullah Hj. Ahmad Badawi.
17. Dato' Rais Yatim.
18. Datuk Mak Hon Kam.
19. Dato' Seri Mohd. Adib Mohd. Adam.
20. Datuk Amar Stephen Yong.
21. Dato' Mohamed Rahmat.
22. Datuk Chin Hon Ngian.
23. Datuk Shahrir Abdul Samad.
24. Anwar Ibrahim.
25. Datuk James Peter Ongkili.
26. Dato' Chan Siang Sun.

27. Dr Goh Cheng Teik.
28. Dato' K. Pathmanaban.
29. Dato Dr Ling Liong Sik.
30. Datuk Hj. Zakaria bin Hj Abd. Rahman.
31. Datuk Dr Nik Hussein.
32. Dato' Abu Hassan bin Haji Omar.
33. Tuan Bujang Haji Ulis.
34. Tuan Abang Abu Bakar.
35. Tuan Luhah Wan.
36. Tuan Mohd. Kassim Ahmed.
37. Datin Paduka Chow Poh Kheng.
38. Puan Shariffah Dorah.
39. Tuan Muhyiddin Haji Mohd. Yassin.
40. Tuan S. Subramaniam.
41. Puan Rahmah Othman.
42. Datuk Mohamed Khalil Yaacob.
43. Tuan Sabaruddin Chik.
44. Puan Napsiah Omar.
45. Tuan Abd. Kadir Hj. Sh. Fadzir.
46. Tuan Radzi Sheikh Ahmed.
47. Datuk Lee Kim Sai.
48. Tuan Oo Gin Sun.
49. Tuan Law Hieng Ding.
50. Tuan Jawan Empaling.
51. Tuan Hussein Mahmood.
52. Tuan Au How Cheong.
53. Tuan Zainal Abidin Zin.
54. Tuan Mohd. Tajol Rosli.
55. Tuan Awang Jabar.
56. Tuan Mustaffa Mohammad.
57. Datuk William Lye.
58. Dato' Hj. M. Suhaimi.
59. Datuk Patinggi Hj. Abd. Taib Mahmud.
60. Tuan Abdul Ghafar Baba.
61. Dr Tan Tiong Hong.
62. Dato' Michael Chen.
63. Dato' Sri Hj. Kamaruddin.
64. Tan Sri Dato' Syed Ahmad Al-Haj Shahabudin.
65. Tuan Ahmad Shah D. H. Tambakau.
66. Datuk Dr Hee Tien Lai.
67. Dato Lew Sip Hon.
68. Datuk Clarence Elong Mansul.
69. Tuan Ting Ling Kiew.
70. Tuan Yeoh Poh San.
71. Datuk Lee Boon Peng.
72. Tuan Daim Zainuddin.
73. Tuan Yahaya Haji Zakaria.
74. Datuk Hj. Ngah Hj. Abdul Rahman.
75. Datuk Leonard Linggi Jugah.
76. Dato' Jamaluddin Haji Suhaimi.
77. Tuan Thomas Salang Siden.
78. Tuan Ismail Arshad.
79. Tuan Mohammad Idris Mohammad Basri.
80. Tuan Richard Dampeng.
81. Wan Abu Bakar Wan Mohamad.
82. Tuan Newman Gaban.
83. Tuan Mokhtaram Rabidin.
84. Tuan Kan Yau Fah.
85. Tuan Peter Chin Gan Onn.
86. Tuan Mohamed Razlan Haji Abdul Hamid.
87. Tuan Justine Jinggut.
88. Tuan Haji Seroji Haji Haron.
89. Tuan Ng Cheng Kuai.
90. Datuk Alfred Jabu.
91. Tuan Abdul Raman Sulaiman.
92. Tuan Lim Liang Seng.

93. Tuan Khadri Sabran.  
 94. Dr Koh Tsu Koon.  
 95. Tuan Daud Dato' Hj. Taha.  
 96. Tuan Shamsuri Md. Salleh.  
 97. Tuan Azharul Abidin.  
 98. Wan Mohd. Najib Wan Mohamad.  
 99. Puan Wan Zainab.  
 100. Tuan Abdul Ghani Misbah.  
 101. Tuan Alias Md. Ali.  
 102. Tuan Tan Koon Swan.  
 103. Tuan Hj. Saidin Hj. Mat Piah.  
 104. Tuan Abdul Rahim Abu Bakar.  
 105. Tuan Mark Koding.  
 106. Dr Lee Michael Toyad.  
 107. Tuan Seow Hun Khim.  
 108. Tuan Ismail Said.  
 109. Dr Abdul Hamid Pawanteh.  
 110. Dato' Haji Mohamed Hj. Ali.  
 111. Tuan Ahmed Hambal Yeop Majlis.  
 112. Dr George Chan Hong Nam.  
 113. Tuan Bahari Haron.  
 114. Dato' Hj. Mohd. A. Bakar Rautin Ibrahim.  
 115. Tuan Mutang Tagal.  
 116. Tuan Mamat Ghazalee Abdul Rahman.  
 117. Tuan Tan Kok Hooi.  
 118. Datin Paduka Zaleha Ismail.  
 119. Tuan Hj. Dusuki Haji Ahmad.  
 120. Tuan Quah Wee Liam.  
 121. Tuan Andrew Janggi Muyang.  
 122. Tuan Mohamed Amin Haji Daud.
123. Tuan Yew Foo Weng.  
 124. Tuan Ibrahim Azmi Hassan.  
 125. Tuan Ban Hon Keong.  
 126. Tuan Othman Abdul.  
 127. Tuan Hj. Mohd. Zain Hj. Abdullah.  
 128. Tuan Hassan Haji Mohamad.  
 129. Wan Ibrahim Wan Abdullah.  
 130. Tuan Edmund Langgu anak Saga.  
 131. Tuan Patrick Uren.  
 132. Tuan Mohammed Yahya Lampong.  
 133. Tuan Abdillah Haji Abdul Hamid.  
 134. Tuan Haji Affendy Tun Hj. Mohd. Fuad Stephens.  
 135. Tuan Hassan Alban Haji Sandukong.  
 136. Datuk Edwin Tangkun.
- TIDAK BERSETUJU:
1. Tuan Lim Kit Siang.
  2. Tuan Lee Lam Thye.
  3. Tuan Karpal Singh.
  4. Tuan Chan Kok Kit.
  5. Tuan Liang Sie Ming.
  6. Tuan Fung Ket Wing.
  7. Dr Tan Seng Giaw.
  8. Tuan Sim Kwang Yang.
  9. Tuan Gooi Hock Seng
- TIDAK MENGUNDI  
 Tiada
- Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi ialah: Yang Bersetuju, 136; Yang Tidak Bersetuju, 9; Yang Tidak Mengundi, Tiada. Lebih suara bersetuju, Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.
- Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PROFESSION UNDANG-UNDANG  
(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*6.10 ptg.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Profession Undang-undang 1976" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, Akta Profession Undang-undang yang ada sekarang telah diluluskan oleh Parlimen dan mula berkuatkuasa dalam tahun 1977. Akta ini telah menggantikan Ordinan Peguambela dan Peguamcara 1947 yang tidak sesuai digunakan lagi mengikut keadaan masa pada masa itu, iaitu dalam tahun 1976. Dengan berkuatkuasanya Akta 1976 itu, Ordinan 1947 dimansuhkan.

Walaupun pindaan-pindaan telah dibuat ke atas Akta tersebut dalam tahun 1977 dan 1978, Akta itu masih mempunyai beberapa kelemahan lagi. Pihak Majlis Peguam pula telah membuat beberapa memorandum mencadangkan beberapa pindaan dibuat terhadap Akta itu demi untuk melindungi kepentingan mereka.

Pindaan-pindaan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini adalah mengandungi beberapa perkara penting untuk memperbaiki dan mengubahsuai peruntukan-peruntukan yang ada terkandung dalam Akta Profession Undang-undang yang ada sekarang demi bagi kepentingan profession undang-undang, orang ramai dan negara.

Satu perkara penting yang terkandung di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ialah peruntukan memerlukan seseorang itu mulai dari 1hb Januari, 1984 lulus

dalam Peperiksaan Bahasa Malaysia sebelum ia diterima menjadi peguam. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan hendak meluaskan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah.

Satu lagi pindaan yang dicadangkan ialah berkenaan dengan keanggotaan Lembaga Kelayakan. Tugas Lembaga ini ialah semata-mata bagi menasihatkan Majlis Peguam berkenaan dengan kelayakan seseorang untuk menjadi Peguambela dan Peguamcara. Kuasa bagi menentukan kelayakan seseorang itu adalah terletak kepada Majlis Peguam.

Selain daripada pindaan yang tersebut di atas, pindaan adalah juga dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini berkenaan dengan kelayakan seseorang peguam asing untuk menjadi peguam di mahkamah negeri ini bagi maksud sesuatu guaman atau perkara tertentu.

Di bawah peruntukan yang ada sekarang, seorang peguam asing adalah dengan senang dapat diterima menjalankan sesuatu guaman ataupun perkara tertentu di Mahkamah kita. Mengikut pindaan yang dicadangkan ini seseorang peguam asing tidak dibenarkan menjalankan sesuatu kes di Mahkamah kita melainkan jika ia mempunyai kelayakan khas untuk menjalankan kes tersebut ataupun yang mempunyai pengalaman berkenaan dengan kes tertentu dan pengalaman seperti itu tidak didapati di kalangan Peguambela dan Peguamcara di negara kita. Sama ada peguam asing itu mempunyai kelayakan atau pengalaman akan terpulung kepada Mahkamah untuk menentukannya. Pindaan ini adalah dicadangkan memandangkan ramai peguam asing dengan senang telah diterima masuk menjalankan sesuatu guaman atau perkara di Mahkamah kita sungguhpun terdapat di negara ini peguam-peguam yang mempunyai kebolehan

dan pengalaman dalam bidang kes yang dibicarakan. . . . (*Gangguan*).

**Tuan Yang Dipertua:** Sila teruskan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Satu lagi peruntukan yang hendak dipinda ialah berkenaan dengan kelayakan seseorang pelatih untuk hadir di Mahkamah bagi pihak pengajar atau firmannya.

Di bawah peruntukan yang ada sekarang seseorang pelatih yang telah berlatih selama tidak kurang 3 bulan, boleh, setelah dibenarkan oleh Hakim atas permohonan pengajarnya, hadir di hadapan Hakim atau Pendaftar dalam Kamar, di Mahkamah (Sesyen atau Majistret) untuk menyebut kes atau memohon jaminan atau mengambil hukuman atau perintah persetujuan. Mengikut pindaan yang dicadangkan, seseorang pelatih itu boleh dibenarkan oleh Hakim berbuat demikian dalam masa ia mula berlatih lagi. Selepas tempoh 3 bulan, pelatih itu, jika dibenarkan oleh Hakim, boleh menjalankan kes-kes atau apa-apa perkara di Mahkamah Tinggi ataupun di Mahkamah Rendah. Pindaan ini adalah dicadangkan oleh pihak Majlis Peguam dan adalah dianggap sesuai untuk memberi latihan praktik kepada seseorang pelatih.

Pindaan yang penting adalah juga dibuat kepada Seksyen 42 (1) (d) Akta tersebut. Di bawah peruntukan ini satu daripada tujuan Bar Malaysia ialah untuk menasihatkan Kerajaan dan Mahkamah-Mahkamah dalam perkara-perkara mengenai undang-undang dan pentadbiran dan amalan undang-undang di Malaysia. Skop tujuan ini amatlah luas dan tidaklah difikirkan sesuai dari segi Perlembagaan. Oleh itu, pindaan perlulah dibuat untuk membetulkan perkara-perkara ini.

Mengikut pindaan yang dicadangkan, Majlis Peguam hanya dibenarkan memberi pandangannya berkenaan dengan perkara berhubungan dengan

undang-undang dan pentadbiran atau amalan undang-undang di Malaysia, jika pandangan atau pendapat tersebut dikehendaki oleh Kerajaan. Perlu diterangkan di sini peruntukan yang ada dalam Akta sekarang telah dicadangkan oleh pihak Majlis Peguam apabila Akta itu digubal dahulu.

Pindaan-pindaan adalah juga dicadangkan berkenaan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Peguam dan Jawatankuasa Bar Negeri. Di bawah Seksyen 65 (2) Akta tersebut hanya 25 orang ahli Bar Malaysia yang diperlui untuk meminta diadakan Mesyuarat agung. Mengikut pindaan yang dicadangkan sekurang-kurangnya 50 orang ahli diperlui untuk meminta diadakan Mesyuarat Agung. Ini adalah memandangkan bahawa ahli-ahli Majlis Peguam kini telah bertambah ramai.

Majlis Peguam juga telah mencadangkan supaya peruntukan yang dimansuhkan dalam tahun 1978 dahulu dikuatkuasakan semula. Mengikut peruntukan ini, sekiranya tidak ada koram perlulah ditangguhkan mesyuarat selama satu minggu dan jika dalam mesyuarat tangguhan itu mesyuarat masih tidak mencukupi koram, ahli-ahli yang hadir haruslah dianggap sebagai mencukupi koram. Peruntukan yang telah dimansuhkan ini tidaklah boleh dikuatkuasakan semula. Sekiranya dibuat demikian maka sebilangan kecil ahli-ahli Majlis Peguam boleh menjadi koram setelah mesyuarat ditangguhkan selama satu minggu. Keputusan-keputusan yang dibuat di mesyuarat tersebut seterusnya tidaklah membayangkan pendapat ahli-ahli Bar seluruhnya.

Untuk menyenangkan sedikit bagi pihak Bar Malaysia, pindaan adalah dicadangkan iaitu sekiranya tidak ada koram, mesyuarat bolehlah ditangguhkan selama satu minggu tetapi tidak boleh diteruskan jika tidak ada koram sebanyak satu perlima.

Pindaan-pindaan telah juga dicadangkan oleh Bar Malaysia berkenaan Mesyuarat Agung bagi Bar Negeri. Pindaan-pindaan ini adalah sesuai dan telah pun dimasukkan ke dalam Klausa 35 dan 36 Rang Undang-undang ini.

Di bawah peruntukan Seksyen 77 yang ada sekarang, Majlis Peguam berkuasa membuat kaedah-kaedah bagi mengawal amalan, kesopanan, kelakuan dan tatatertib professional peguambela dan peguamcara. Dengan adanya peruntukan ini maka Majlis Peguam adalah berkuasa membuat apa-apa kaedah yang diputuskan oleh mereka tanpa menghiraukan kepentingan orang ramai ataupun Kerajaan. Ini akan menimbulkan perkara-perkara yang tidak menyenangkan berlaku di antara mereka sendiri dan juga di antara mereka dan klien mereka atau sesama mereka menjalankan sesuatu perbicaraan. Pindaan yang dicadangkan itu ialah untuk mengadakan peruntukan di mana sebelum Majlis Peguam membuat kaedah-kaedah baru, kebenaran atau persetujuan Peguam Negara hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Dengan cara ini, pihak Kerajaan akan dapat mengawal dan menentukan bahawa kaedah yang hendak dibuat itu adalah benar-benar perlu dan dibuat bagi kepentingan profession dan orang ramai.

Satu lagi peruntukan yang dicadangkan di bawah Seksyen 77 ialah untuk memberi kuasa kepada Peguam Negara mengubahsuai, melalui perintah yang diwartakan, kaedah-kaedah yang telah dibuat di bawah Seksyen 77.

Satu seksyen baru yang dicadangkan oleh Majlis Peguam, iaitu seksyen 88A adalah berkenaan dengan penggantungan seseorang peguambela dan peguamcara daripada menjalankan amalnya. Menurut seksyen ini jika seseorang peguambela dan peguamcara telah didapati bersalah oleh

mahkamah berhubungan dengan kecurangan, menyalahgunakan wang klien ataupun jika ia diberhentikan menjadi peguambela dan peguamcara, dengan izin, disbarred ataupun digantung daripada menjalankan amalan, maka tindakan boleh diambil untuk menggantung peguam tersebut daripada menjalankan amalan. Tindakan yang sama boleh juga diambil jika ada aduan terhadap peguam tersebut berkenaan dengan perbuatan curang ataupun jika peguam itu telah meninggalkan negeri ini, ataupun jika ia tidak berupaya lagi menjalankan tugas-tugasnya oleh sebab umurnya sudah lanjut. Kuasa untuk membuat perintah penggantungan seseorang peguam daripada menjalankan amalan adalah diberi kepada Hakim Besar di atas permohonan Majlis Peguam.

Satu lagi cadangan yang dibuat oleh Majlis Peguam ialah meminda Seksyen 95 dengan cara membolehkan Majlis Peguam merujuk sesuatu aduan atau maklumat kepada Jawatankuasa Bar Negeri berhubungan dengan seseorang peguam. Menurut pindaan yang dicadangkan itu pihak Majlis Peguam juga boleh dengan sendiri membuat aduan tersebut kepada Jawatankuasa Bar Negeri untuk menyiasat aduan berkenaan dengan peguam yang berkenaan itu. Jawatankuasa Bar Negeri juga berkuasa, dengan sendirinya, menyiasat berkenaan dengan kelakuan seseorang peguam di bawah bidang kuasanya. Seksyen 96 juga dicadangkan supaya dipinda. Menurut pindaan tersebut, Jawatankuasa Bar Negeri haruslah memberi laporan kepada Majlis Peguam berkenaan dengan aduan yang disiasatnya dengan perakuan sama ada perkara tersebut harus dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib. Sekiranya Jawatankuasa Bar Negeri tidak berbuat apa-apa selama tiga bulan, Majlis Peguam haruslah merujuk aduan tersebut kepada Jawatankuasa Penyiasatan.

Di atas cadangan Majlis Peguam, beberapa seksyen yang ada sekarang, iaitu Seksyen-seksyen 97, 98, 99, 100, 101, 102 dan 103 hendaklah digantikan dengan seksyen baru. Pindaan-pindaan ini adalah berkaitan dengan tindakan tatatertib yang perlu diambil terhadap seseorang peguam. Peruntukan-peruntukan yang baru ini adalah berkenaan dengan tugas-tugas jawatankuasa penyasat berhubung dengan sesuatu aduan terhadap seseorang peguam; perantikan Jawatankuasa Tatatertib oleh Hakim Besar, tugas-tugas Jawatankuasa Tatatertib dan kaedah-kaedah yang perlu dipatuhi; Kuasa-kuasa Jawatankuasa Tatatertib termasuk memotong daripada daftar nama peguam yang berkenaan; dan rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib ke Mahkamah. Pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh Majlis Peguam berhubung dengan tindakan tatatertib tersebut adalah dianggap menasabah demi untuk memelihara kepentingan disiplin dikalangan peguambela dan peguamcara di negara ini.

Selain daripada pindaan-pindaan yang dinyatakan di atas ada beberapa pindaan lain yang terkandung di dalam Rang Undang-undang tersebut tetapi pindaan-pindaan itu adalah pindaan-pindaan gubalan sahaja dan tidak menyentuh perkara-perkara substantif.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Profession Undang-undang, 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.25 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Profession Undang-undang, 1976 yang dibentangkan di Dewan kita pada petang ini.

Tuan Yang Dipertua, saya suka hendak menarik perhatian kepada peperiksaan kelayakan Bahasa Malaysia. Ini adalah sesuai dan adalah perlu kelulusan Bahasa Malaysia bagi peguam-peguam kita kerana didapati penggunaan Bahasa Malaysia di peringkat mahkamah-mahkamah, di peringkat perundangan adalah amat kurang. Jadi kelayakan Bahasa Malaysia dan juga naskah undang-undang yang masih lagi berbahasa Inggeris sepatutnya dipinda atau dibuat satu terjemahan menjadikan supaya undang-undang itu dipinda kepada Bahasa Malaysia atau Bahasa Kebangsaan yang membolehkan sebarang perbicaraan kes-kes yang kecil, kes-kes yang tidak besar, kes-kes yang tidak begitu rumit dibicarakan dengan menggunakan Bahasa Malaysia dan dengan kelayakan Bahasa Malaysia yang dikehendaki kepada peguam-peguam ini adalah amat perlu dan saya rasa ini adalah memberi satu gambaran yang baik untuk menjadikan mahkamah-mahkamah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perundangan dan menjadikan penggunaannya sebagai satu bahasa yang patut diutamakan.

Selain daripada itu dari segi memendekkan affidavit di dalam Fasal 12 daripada 21 kepada 14 hari, ini boleh mempercepatkan lagi perbicaraan dijalankan ataupun perakuan itu difailkan. Dengan keadaan yang begitu banyak kes-kes yang berlaku dan juga backlog-backlog yang tidak dapat dijalankan maka memendekkan masa bagi sesuatu affidavit itu adalah penting dan dengan ini akan dapat mempercepatkan perbicaraan kes-kes yang patut diselesaikan dalam masa

yang pendek dan juga dalam jangka masa yang sepatutnya.

Sekarang ini kita dapati banyak di dalam penjara-penjara orang-orang yang belum ditentukan kesalahannya yang dikurung sampai bertahun-tahun di dalam penjara. Ini adalah satu daripada kelambatan proses undang-undang atau tindakan mahkamah untuk menjalankan perbicaraan kepada mereka itu. Kadang-kadang sampai bertahun-tahun mereka itu dikurung tanpa mengetahui mereka itu salah ataupun tidak salah. Jadi ini adalah satu penganiayaan, jika sekiranya mereka itu didapati tidak bersalah, maka mereka itu terpaksa berada dalam kurungan setahun tanpa kesalahan. Jika sekiranya perbicaraan ini diadakan dengan lebih cepat. . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Minta sambung pada hari esok.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Baik, terima kasih.

#### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

#### UCAPAN PENANGGUHAN

##### Pengharaman Parti-Parti Politik Perkauman

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang Dipertua, perkara yang saya ingin bangkitkan dalam Ucapan Penangguhan saya adalah dalam tajuk, tajuk itu adalah seperti berikut:

Pengharaman Parti-parti Politik Perkauman seperti MCA, UMNO dan MIC untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang sebenarnya berbilang kaum. Oleh itu, bolehkah saya dapat jawapan atas apa yang saya cakap, Tuan Speaker.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud** (*Bangun*).

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, ada. . . .

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Tidak ada cukup koram.

**Tuan Karpal Singh:** Yang Berhormat, minta jawab sekarang.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat kata apa tadi?

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Koram tidak cukup.

**Tuan Yang Dipertua:** Sila bilang. 16 Ahli hadir—tidak cukup. Sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir*).

**Tuan Yang Dipertua:** 21 Ahli, tidak cukup koram, maka mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.36 petang.*